AKHBAR RASMI KERAJAAN * NEGARA BRUNEI DARUSSALAM *

ڤليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 37 BILANGAN 25

RABU 17 JUN, 1992 — رابو 16 ذوالحجة 1412 — PERCUMA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah sempena Hari Raya Aidiladha yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei pada hari Khamis, 11 Jun yang lalu.

## Islam telah begitu jauh ke hadapan

# Dunia sepatutnya akui hakikat ini – titah

Oleh Abd. Karim HAB

**BANDAR SERI BEGAWAN, 12 Jun. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan bahawa dunia sepatutnya mengakui hakikat yang agama Islam telah begitu jauh ke hadapan tentang persamaan dan cara menghormati hak-hak manusia.**

Suatu ajaran yang paling benar yang digariskan oleh Islam tentang perdamaian dan persaudaraan sejati di antara manusia, tegas baginda, ialah tidak ada hasad dengki, tidak ada tamak dan tidak ada diskriminasi kaum. Tidak kira sama ada kulitnya putih ataupun hitam. Masing-masing itu ada hak yang wajib dihormati.

"Bukannya seperti yang digembar-gemburkan oleh banyak pihak tentang demokrasi yang kosong dari kenyataan," tegas baginda.

Bertitah dalam perutusan sempena Hari Raya Aidiladha yang disiarkan malam tadi melalui Radio Televisyen Brunei, baginda menyarankan agar manusia patut belajar dari pengalaman bahawa amalan persefahaman dan menghormati hak asasi masing-masing itu tidak akan merugikan sesiapa malahan sebaliknya membawa keuntungan dan kebahagiaan.

"Dalam situasi dunia yang sentiasa bergolak, yang penuh dengan berbagai-bagai peristiwa buruk maka Tanah Suci Mekah pada musim haji adalah merupakan sebuah taman perdamaian yang indah dan unik di mana seluruh bangsa-bangsa daripada segenap pelusuk bumi ini akan melupakan sejenak masalah-masalah sosial dan politik mereka yang mungkin sahaja selalu menekan dan menghimpit ketika di tanahair masing-masing," titah baginda.

Lihat muka 16

### INTISARI TITAH

- *Negara Brunei Darussalam tidak pernah luput daripada menyertai perhimpunan besar di Tanah Suci.*
- *Peratus jemaah haji kita pada setiap tahun semakin meningkat. Ini adalah disebabkan adanya peningkatan ekonomi dan kemakmuran rakyat khususnya di kalangan umat Islam.*
- *Tanah Suci menjadi sebuah taman perdamaian yang indah dan unik di mana seluruh bangsa dari segenap pelusuk dunia akan melupakan sejenak masalah sosial dan politik yang menghimpit negara masing-masing.*
- *Keadaan di Tanah Suci merupakan suatu ajaran yang paling benar digariskan oleh umat Islam dengan wujudnya perdamaian yang sejati tanpa ada perasaan hasad dengki, tamak dan diskriminasi kaum.*
- *Dunia mastilah mengakui bahawa agama Islam telah begitu jauh ke hadapan tentang persamaan dan cara menghormati hak-hak manusia bukan seperti yang digembar-gemburkan oleh banyak pihak tentang demokrasi yang kosong daripada kenyataan.*
- *Manusia juga patut belajar dari pengalaman bahawa amalan persefahaman dan menghormati hak asasi masing-masing tidak merugikan malahan membawa kepada keberuntungan dan kebahagiaan.*
- *Dengan berkat Aidiladha, kita memohon doa agar kita dikurniakan nikmat Islam dan nikmat iman, nikmat sihat afiat, nikmat aman makmur yang berpanjangan sampai turun-temurun.*

# Suatu sejarah yang belum pernah ditempa oleh ketua negara Islam

### مانيسڽ إيمان
### MANISNYA IMAN

**"WAHAI orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam agama Islam itu keseluruhannya dan janganlah kamu mengikuti (mematuhi) tipu daya syaitan. Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh bagi kamu yang nyata." — Maksud ayat 208, Surah Al-Baqarah.**

Oleh Abd. Karim HAB

BANDAR SERI BEGAWAN, 12 Jun. — Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Haji Othman berkata, keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menunaikan ibadat haji sebanyak tiga kali dalam tempoh lima tahun dari keberangkatan pertama pada tahun 1987 adalah suatu sejarah yang belum pernah ditempa oleh mana-mana ketua negara dan pemegang teraju pemerintahan dari negara-negara Islam di zaman sekarang selain raja-raja yang memerintah Arab Saudi.

Kejadian ini, tambah Yang Dimuliakan, patut menambahkan lagi rasa syukur kita kepada Allah Subhanahu Wataala kerana bukan sahaja kita dikurniakan usia yang panjang mencapai Hari Raya Aidiladha tahun ini bahkan juga menyempati suatu zaman gemilang negara kita berajakan raja yang taat kepada Allah dan ahli ibadat.

"Ini adalah suatu petanda baik ke atas negara serta kepada sejenap isi di dalamnya. Apabila raja taatkan Allah dan sukakan ibadat dan ketaatan raja itu dicontohi oleh segenap lapisan pembesar-pembesar dan rakyat jelata, iaitu dalam erti kata negara dan seluruh penduduknya adalah 'Ahlul Ibadat' dan 'Ahlittakwa' maka insya-Allah hal itu akan mendatangkan rahmat serta berkat berupa kemakmuran dan kesejahteraan sebagaimana janji Allah yang terkandung dalam sebahagian ayat 96 Surah Al-A'raff yang tafsirnya: *"Kalau sekiranya penduduk negeri-negeri itu beriman dan bertakwa nescaya Kami (Allah) akan melimpahkan kepada mereka berkat dari langit dan bumi,"*

Lihat muka 13

### ڤتيکن تيته
### PETIKAN TITAH

**" DALAM mempraktikkan Islam sebagai cara hidup, kita adalah bersungguh-sungguh. Kita tingkatkan ibadat, dan di samping itu kita juga membangun berlandaskan ajaran-ajaran Islam. "**

*Dititahkan sempena sambutan hari keputeraan baginda ke-45 tahun di Balai Singgahsana, Istana Nurul Iman, pada 15 Julai, 1991*

# Kebawah DYMM utus tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Jun. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth II, Queen of The United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland dan kepada Yang Amat Berhormat Tuan John Major, Perdana Menteri bersempena dengan Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda Queen Elizabeth II pada hari ini.

Baginda juga berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Puan Yang Terutama Puan Corazon C. Aquino, Presiden Republik Filipina bersempena dengan Hari Kemerdekaan Republik Filipina pada 12 Jun.

٢٥ تاهون" ككل قارل ممرينته دأتس تخت

## "25 TAHUN" KEKAL QARAL MEMERINTAH DI ATAS TAKHTA

# PERDAGANGAN PENTING DALAM PERTUMBUHAN EKONOMI




PERDAGANGAN dan industri memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi Negara Brunei Darussalam di mana eksport minyak dan gas merupakan sumber utama ekonomi negara. Lain-lain barangan eksport dan yang dieksport semula termasuklah mesin, alatan kenderaan dan sejumlah kecil barangan serta makanan yang diperbuat oleh anak-anak tempatan.

Pendapatan negara hasil dari eksport minyak yang pernah mencapai $9.9 bilion pada 1980 menurun kepada $3.5 bilion pada 1988. Sementara nilai import meningkat dari $1.2 bilion pada 1980 kepada $1.6 bilion pada 1989 iaitu purata terapung-apung sekitar $1.4 bilion.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memang menyedari kepentingan mempelbagaikan ekonomi yang tidak semata-mata bergantung kepada sumber minyak dan gas.

Makanya ditubuhkan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama yang juga merupakan salah satu langkah dalam usaha kerajaan baginda untuk memastikan kemakmuran rakyat dan penduduk negara ini dan juga bagi generasi yang akan datang.

Berbalik kepada eksport minyak mentah, pada 1972 negara hanya mengeksport dengan nilai $464,905,106 berbanding pada tahun 1971 bernilai $304,815,218; dan $276,538,343 pada 1971 manakala nilai import ialah $300,205,055 pada 1972; $456,553,522 pada 1971; dan $256,122,208 pada 1970.

Nilai import mesin dan peralatan kenderaan pada tahun 1972 melebihi dari nilai import yang lain kerana pada ketika itu Logi Kilang LNG di Lumut sedang dalam pembinaan, di sinilah keperluan import yang bernilai $113,108,996 digunakan pada 1972.

Manakala itu barangan eksport keseluruhannya termasuk minyak pada 1972 bernilai $501,137,738; pada 1971 bernilai $323,636,115 dan 1970 bernilai $292,063,069 di mana nilai perdagangan luar bagi Negara Brunei Darussalam sepanjang 1972 itu dianggarkan bernilai $801,342,793 berbanding dengan nilai $780,189,639 pada 1971.

**Kepesatan Pembangunan**

Kepesatan pembangunan negara begitu ketara sejak baginda menaiki takhta hinggalah sekarang ini di mana aliran perdagangan luar serta eksport juga meningkat petanda bahawa negara ini tambah maju, membangun dan makmur.

Kemakmuran itu bukan sahaja dinikmati oleh rakyat dan penduduk negara ini malah orang-orang luar yang mencari sumber pendapatan di negara ini juga turut sama menikmatinya dengan adanya kelonggaran dari kerajaan baginda dalam dasar-dasar perdagangan.

Adalah menjadi pengetahuan umum bahawa kebanyakan firma-firma yang beroperasi di negara ini menggunakan tenaga-tenaga pekerjanya dari kalangan orang luar terutama di bidang-bidang yang lebih mencabar seperti guaman, insurans, pembinaan dan sebagainya.

Dasar terbuka pasaran yang kita amalkan selama ini memang membolehkan sesiapa saja yang berminat dalam bidang perdagangan untuk melabur di negara ini namun kerajaan baginda tidaklah sekali-kali mengabaikan penguasa-penguasa tempatan untuk melibatkan diri dalam apa juga bidang perniagaan.

Kerana itu melalui Akta Lesen Rampaian 1978 dan Peraturan Lesen Rampaian 1982, Lembaga Kemajuan Ekonomi adalah bertanggungjawab bagi memberi lesen rampaian kepada peniaga-peniaga kereta, stesen-stesen minyak termasuk tempat-tempat di mana barangan yang mudah terbakar disimpan.

Dalam waktu yang sama kerajaan baginda mengambil langkah-langkah positif bagi menggalakkan penglibatan rakyat baginda dalam perniagaan menjual kereta keranannya beberapa dasar telah diperkenalkan bagi memastikan keberkesanan penyertaan anak-anak tempatan terutama dari kalangan *peniaga* Melayu.

Dasar-dasar yang diperakukan itu ialah pertama, setiap peniaga kereta atau 'car dealer' yang beroperasi sebelum hujung tahun 1985 mesti melibatkan penyertaan bangsa Melayu iaitu anak-anak tempatan sekurang-kurangnya memiliki 30 peratus saham syarikat itu.

Kedua, setiap pemohon baru sama ada sebagai wakil penjual utama atau penjual kedua iaitu 'sub-dealer' mestilah terdiri daripada rakyat baginda yang berbangsa Melayu yang memiliki 100 peratus saham perniagaan itu.

Dengan langkah serupa ini maka pada

**OLEH**
**HAJI MOHD. SALLEH ABDUL LATIF**

penghujung tahun 1989, Lembaga Kemajuan Ekonomi telah mengeluarkan 40 lesen menjual kereta termasuklah syarikat yang menjual kenderaan berat. Lapan buah dari syarikat itu dimiliki sepenuhnya oleh rakyat baginda yang berbangsa Melayu, dan selebihnya saham syarikat yang dimiliki oleh anak-anak tempatan sekurang-kurangnya 30 peratus.

Kepekaan kerajaan baginda terhadap penglibatan anak-anak tempatan dalam bidang niaga ini, apa pun bentuk perdagangan itu, adalah suatu petanda positif bahawa baginda yakin akan kemampuan dan kewibawaan rakyat baginda dalam urusan perniagaan.

Sebetulnya bangsa Brunei mempunyai titisan darah peniaga kerana ini dapat kita lihat dari kegigihan para padian yang menyusur dari sebuah kampung ke sebuah kampung menjajakan dagangan-dagangan mereka di suatu ketika dahulu di Kampong Ayer.

Para padian ini begitu peramah, dan mudah diajak bicara sambil berhasil menjual dagangan mereka. Tradisi jualan serupa ini meskipun sekarang sudah jarang kelihatan disebabkan oleh peredaran zaman dan kesesuaian masa namun semangat niaga yang kental dan ingin bersaing itu tetap menyerap dalam nadi bangsa Brunei.

Semangat serupa inilah juga yang membentuk bangsa Brunei sebagai bangsa yang ingin berdikari, gigih berusaha dan bangsa merdeka yang berdiri megah di kalangan masyarakat antarabangsa.

Bersempena dengan sambutan Perayaan Ulang Tahun Kelima Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada 23 Februari, 1989, menyentuh mengenai sifat berdikari ini, baginda antara lain bertitah :

**"Setiap rakyat dan penduduk di negara ini mestilah mengamalkan sikap berdikari, dan khususnya kepada generasi muda, sifat tersebut hendaklah disemai dalam diri mereka sejak awal-awal lagi. Kerana dengan wujudnya semangat berdikari di dalam diri rakyat dan penduduk di negara ini, maka ianya akan dapat mengukuhkan ketahanan bangsa dan mendorong mereka untuk terus berusaha bagi mewujudkan satu masyarakat dan bangsa yang merdeka lagi berdaulat."**

Di samping itu semangat berdikari, jika diteliti tercermin dalam semangat padian, akan dapat menumbuhkan perasaan tabah dan semangat yang gigih dalam menghadapi sebarang cabaran.

Tapi janganlah hendaknya sikap berdikari itu disalahertikan dengan cara boleh melakukan apa saja. Rakyat dan penduduk negara ini mestilah memahami berdikari yang dimaksudkan itu ialah berdikari dengan cara mengikut lunas-lunas peraturan dan undang-undang negara yang telah sedia ada dan berkuatkuasa.

Kerana dengan cara demikian setiap usaha berdikari akan dapat dilakukan dengan lebih teratur dan mendatangkan hasil yang berkesan. Berdikari yang dimaksudkan itu juga mestilah mengikut landasan adat resam dan tatasusila kebruneian yang kita amalkan, iaitu bukan dengan cara mengenepikan nilai-nilai hidup yang telah kita warisi sejak turun-temurun. Kerana adalah amat penting, dalam usaha kita untuk hidup berdikari itu, kita mesti menjaga dan mengekalkan identiti bangsa.

# KHUTBAH HARI RAYA AIDILADHA

# SETIAP PERJUANGAN MEMERLUKAN PENGORBANAN

BERSEMPENA hari raya korban yang penuh berkat ini, marilah kita sama-sama menuju ke arah ketakwaan dan mempertingkatkan darjah ketakwaan kita dengan memperbanyakkan pengorbanan dengan berbagai bentuk dengan penuh keikhlasan semata-mata kerana Allah.

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar Walillahil Hamd.

Pada hari ini iaitu hari ke sepuluh Zulhijah, saudara-saudara kita umat Islam dari seluruh pelusuk dunia sedang melakukan pengorbanan harta demi menyahut suruhan Ilahi.

Mereka berkumpul sambil menyebut-nyebut nama Allah dengan zikir masing-masing. Mereka bersatu dan berpadu pada suatu tempat yang disucikan Allah. Di tempat itu tidak ada perbezaan di antara satu sama lain. Masing-masing adalah sama-sama mengerjakan. Sama-sama rendah di sisi Allah. Yang membezakan hanyalah ketakwaan seseorang.

Begitu juga tidak ada perbezaan kebangsaan atau warna kulit atau orang bijak dengan orang bodoh atau orang kaya dengan orang miskin. Semuanya sama di sisi Allah. Semuanya dengan pakaian yang satu, mengerjakan ibadat yang satu, tujuan yang satu untuk mencari keredaan Allah Subhanahu Wataala.

Sementara kita yang tidak berada di tanah suci ini pula, berkumpul di masjid-masjid untuk mengerjakan Sembahyang Sunat Aidiladha dan ada pula yang akan berkorban atau menyembelih korban selepas sembahyang nanti.

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar Walillahil Hamd.

Hari raya haji atau Aidiladha yang kita rayakan pada hari ini disebut juga hari raya korban kerana kita umat Islam digalakkan untuk melakukan penyembelihan binatang yang mana disebut binatang korban.

Korban in asalnya adalah dari perkataan Arab yang bererti dekat atau hampir. Jadi orang yang berkorban menyembelih binatang itu adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah dengan menyedekahkan daging binatang yang disembelih kepada fakir dan miskin dan menghadiahkan kepada orang lain.

Unsur-unsur mendekatkan diri kepada Allah ini jelas kita lihat dalam sejarah korban itu.

### MENGUJI KETAATAN

Peristiwa korban yang berlaku kepada Nabi Allah Ibrahim Alaihissalam dan puteranya Ismail Alaihissalam adalah merupakan percubaan yang paling besar untuk ketaatan mereka kepada Tuhan mereka.

Allah memerintahkan Nabi Ibrahim melalui mimpinya supaya mengorbankan atau menyembelih anaknya, Ismail Alaihissalam. Manakala anaknya, Ismail Alaihissalam tidak pula membantah, jauh sekali dari melawan perintah Tuhan atau bapanya. Ia merelakan dirinya dikorbankan atau disembelih.

Peristiwa ini dicatatkan di dalam Al-Quran sepertimana firman Allah dalam Surah Ash-Shaafaat ayat 106 yang tafsirnya :

## KHUTBAH PERTAMA

**"Maka ketika anaknya itu sampai (ke peringkat umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-sama dengannya, Nabi Ibrahim berkata : Wahai anak kesayanganku. Sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelihmu. Maka fikirkanlah apa pendapatmu? Ia (anaknya) menjawab : Wahai ayahku, jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu, insya-Allah, ayah akan mendapati aku dari orang-orang yang sabar."**

Kedua-duanya ingin mendekatkan diri kepada Tuhan. Nabi Ibrahim sanggup mengorbankan anaknya yang tunggal yang sebelum lahirnya sangat diharap-harapkan kehadirannya malah baginda selalu berdoa memohon dikurniakan anak.

Permohonan baginda akhirnya diperkenankan Allah ketika usia baginda sudah lanjut. Tapi kini anak yang diharap-harapkan kelahirannya itu pula mesti dikorbankan. Itulah perintah Allah kepada baginda. Apakah Nabi Ibrahim membantah? Tidak sama sekali. Baginda adalah manusia yang mempunyai ciri-ciri keyakinan yang kuat kepada Allah, begitu juga anaknya Nabi Ismail Alaihissalam yang juga mempunyai ciri-ciri ketakwaan seperti bapanya itu. Baginda sanggup membuat apa saja demi menjunjung perintah Allah meskipun nyawa jadi taruhannya.

Begitu kuatnya jiwa orang yang tinggi sifat ketakwaan demi menjalankan perintah Allah, mereka sanggup melakukan apa saja demi mencapai keredaan-Nya.

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar.

Berdasarkan kepada peristiwa baginda berdua beranak itu dapatlah kita simpulkan : Ada dua perkara besar yang kita petik darinya.

1. Korban dan pengorbanan.
2. Taat.

Namun begitu banyak juga perkara lain yang dapat dikaitkan dengannya seperti sifat ketakwaan, kesabaran dan sebagainya. Tetapi korban dan taat inilah yang sangat menonjol dan perlu kita berikan perhatian.

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar.

Kita telah banyak mendengar kisah dan pengorbanan baginda Nabi Ibrahim dan puteranya, Nabi Ismail. Dan sebentar tadi pun kita memperkatakannya secara ringkas. Tinggal hanya kita ingin tahu diri kita sendiri. Kita tanya diri kita sendiri, apakah kita sanggup berkorban seperti apa yang dilakukan oleh kedua-dua makhluk Allah tadi sekiranya kita diminta berbuat demikian oleh Allah? Jika sanggup, itulah dinamakan korban dan pengorbanan.

Kita percaya bahawa perkara semacam itu adalah suatu yang amat sukar kita laksanakan bahkan kewajipan yang sedia ada pun masih ada yang tidak mampu atau tidak mahu atau malas melaksanakannya, apatah lagi perjuangan dan pengorbanan yang besar itu.

Sembahyang yang hanya memerlukan pengorbanan masa yang sedikit kira-kira hanya tiga hingga lima minit pun masih ramai yang tidak mengerjakannya, apatah lagi berkorban nyawa.

Sebab itulah pengorbanan yang besar itu kita patut ingati sebagai satu pengajaran kepada kita bahawa inilah pengorbanan yang besar dalam sejarah manusia. Peristiwa ini bukanlah hanya sebagai satu peristiwa semata-mata bahkan ia adalah satu contoh dan iktibar bagi kita untuk mewujudkan semangat berkorban demi menegakkan agama Allah.

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar Walillahil Hamd.

Oleh kerana baginda Nabi Ibrahim begitu ikhlas ingin melaksanakan suruhan Allah itu, maka Allah limpahkan rahmat-Nya kepada hamba yang taat itu lalu ditukarkan perintah itu kepada menyembelih kambing atau kibas.

Kemudian peristiwa itu pula Allah jadikan peristiwa penting dalam sejarah umat Islam dan dijadikan pula ia sebagai hari raya. Bukankah ini satu penghormatan dari Allah kepada Nabi Ibrahim Alaihissalam. Ia disanjung oleh Allah dan seluruh dunia khususnya oleh umat Islam. Tiada yang lebih tinggi dari sanjungan Allah.

Sesungguhnya orang yang mendapat sanjungan Allah dan keredaan-Nya itu akan mendapat syurga yang dijanjikan.

Selain dari baginda, ramai lagi para nabi Alaihimussalam yang tidak kurang hebatnya dari baginda dalam melaksanakan pengorbanan mereka kerana menjalankan perintah Allah.

Semua para nabi mengalami percubaan. Hanya caranya sahaja berlainan.

### MENEGAKKAN AGAMA

Begitu juga tentang pengorbanan itu. Semuanya berkorban untuk menegakkan agama Allah cuma caranya ada yang berbeza. Nabi kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam juga banyak berkorban. Di antara pengorbanan baginda itu ialah mempertahankan nyawa dan kemewahan dunia demi menjalankan Perintah Allah dan menyebarkan agama Islam.

Percubaan membunuh yang dilakukan oleh kaum Musyrikin telah gagal kerana Allah telah menggagalkan rencana jahat itu. Dan ketika ditawarkan kemewahan dunia oleh kaum Musyrikin dengan tawaran pangkat, wanita yang tercantik atau harta yang banyak dengan syarat mesti meninggalkan seruan Baginda, Baginda menolak mentah-mentah tawaran itu. Sebaliknya Baginda berkata : "Kalau mereka letakkan matahari di tanganku dan bulan di tangan kiriku dengan maksud supaya aku meninggalkan tugas menyebarkan agama Allah ini, pastilah aku tidak akan meninggalkan sehingga aku bercerai atau aku mati kerananya."

Begitulah falsafah perjuangan yang dipegang oleh orang yang paling bertakwa di sisi Allah, Muhammad bin Abdullah, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Inilah dia pengorbanan sejati. Sanggup menanggung dan menghadapi segala ancaman dan cubaan, tidak mudah digoyang oleh apa juga bentuk sogokan sama ada harta, wanita atau pangkat tidak dapat melemahkan semangat perjuangan dan pengorbanan.

Sanggupkah kita berkorban seperti Baginda itu. Sebenarnya kita boleh melakukan korban dan pengorbanan itu. Imam Abu Hanifah Rahmahullahu Taala telah berkorban kerana mempertahankan pendiriannya. Beliau mati diracun kerana mempertahankan pendiriannya. Imam Ahmad bin Hanbal mati diseksa kerana mempertahankan pendapatnya dan lain-lain lagi. Mereka ini ditawarkan pangkat jika mereka mahu mengubah pendiriannya tetapi mereka tetap menolaknya kerana yakin dengan kebenaran pendapat mereka. Itulah pengorbanan namanya.

Ini adalah merupakan suatu contoh kepada kita, biar kita faham bahawa setiap perjuangan itu memerlukan pengorbanan. Begitu juga untuk mencapai tahap yang tinggi dalam kehidupan dunia dan juga akhirat memerlukan pengorbanan yang besar dan penuh ranjau.



SEMBAHYANG Sunat Hari Raya Aidiladha bagi Negara Brunei Darussalam telah diadakan pada hari Jumaat, 12 Jun yang lalu. — Gambar oleh Abdullah HAD.

# KHUTBAH HARI RAYA AIDILADHA

## Sifat ketaatan umat Islam semakin nipis

# PELANGGARAN TERHADAP HUKUM ALLAH MENJADI-JADI

SELAIN dari korban, peristiwa Nabi Allah Ibrahim itu juga adalah satu gambaran ketaatan yang sangat mendalam daripada hamba kepada Tuhannya. Beliau sanggup menyembelih anak kesayangannya semata-mata mentaati suruhan Allah. Begitu juga anaknya Ismail. Baginda sanggup menjadi korban yang bakal disembelih oleh bapanya sendiri demi mentaati perintah Allah. Inilah puncak ketaatan mereka. Sanggup mengorbankan yang paling disayangi mereka. Yang si ayah sanggup mengorbankan anak kesayangannya dan si anak pula sanggup mengorbankan nyawa sendiri semata-mata mentaati suruhan Allah, tetapi ternyata ianya hanyalah merupakan ujian daripada Allah. Allah menduga sejauh mana ketaatan mereka kepada-Nya dan Allah juga menghendaki peristiwa itu sebagai ristaan sejarah bagi umat selepas baginda berdua.

Kita sangat bersyukur kepada Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurnia-Nya jua kita dapat mengambil pengajaran dari peristiwa tersebut. Diharapkan kita akan dapat sentiasa mentaati perintah Allah sepanjang masa. Semua perbuatan-perbuatan yang bertentangan dengan suruhan Allah tidak akan kita lakukan lagi. Bagi yang melakukan maksiat akan meninggalkan maksiat tersebut demi mentaati perintah Allah. Yang meninggalkan sembahyang akan bertaubat tidak lagi akan bersikap demikian. Yang berjudi tidak lagi akan berjudi dan seterusnya akan sentiasa patuh dan tunduk dengan peraturan dan suruhan Ilahi.

Begitu juga ketaatan itu dilaratkan pula kepada yang dikehendaki Allah pada mentaati-Nya iaitu taat kepada Rasulullah, kepada ibu bapa dan kepada Ulil Amri atau ketua kita seperti ketua negara atau ulama dan lain-lainnya.

Dalam hal ini Allah berfirman dalam kitab-Nya Al-

### KHUTBAH KEDUA

Quran Surah An-Nisaa' ayat 59 yang tafsirnya :

**"Wahai orang-orang yang beriman taatilah Allah dan taatilah Rasul dan Ulil Amri (Orang-orang yang berkuasa di antara kamu)."**

Di dalam ayat tersebut, taat kepada Allah dan Rasul serta Ulil Amri itu adalah wajib. Namun begitu taat kepada Allah dan Rasul tidak mempunyai nilai yang sama dengan Ulil Amri.

Taat kepada Allah dan Rasul merangkumi semua perkara sedangkan taat kepada Ulil Amri pula hanyalah kepada perkara-perkara dunia. Itu pun jika tidak bertentangan dengan agama. Dengan kata lain, tidak ada ketaatan kepada makhluk pada membuat maksiat kepada Pencipta (Allah).

Sebab itulah sahabat Nabi, Jabir bin Abdullah dan ulama seperti Al-Has dan 'Ata' mentakwilkan bahawa Ulil Amri itu ialah ulama. Ini mungkin didasarkan kepada hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang menyebut : Ulama itu adalah pewaris nabi.

Selain dari yang tersebut, taat kepada ibu bapa juga adalah wajib.

Di dalam Al-Quran dalam Surah Al-Isra' ayat 23, Allah menyebutkan yang tafsirnya :

**"Dan Tuhanmu memerintahkan supaya engkau tidak menyembah melainkan hanya kepada-Nya dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa."**

Di dalam surah yang sama ayat 36 disebutkan :



SEMBAHYANG Sunat Hari Raya Aidiladha di Masjid Omar Ali Saifuddin telah diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim. — Gambar oleh Abdullah HAD.

**"Dan sembahlah Allah dan jangan kamu mempersekutukan-Nya dengan sesuatu apa pun dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua orang tua kamu."**

Dan banyak lagi yang menyebutkan tentang berbuat baik kepada orang tua itu. Di dalam hadis juga banyak menyebutkan tentang berbuat kebaikan kepada ibu bapa itu.

Di antara sabda Baginda yang ertinya :

**"Keredaan Allah bergantung kepada kedua-dua ibu bapa. Dan kemurkaan Allah bergantung kepada kemurkaan kedua ibu bapa."**

Di antara cara kita berbuat baik kepada kedua orang tua kita itu ialah dengan cara mentaati mereka. Begitu juga untuk mendapatkan keredaan mereka, kita mestilah mentaati perintah mereka selagi tidak bertentangan dengan kehendak agama.

Begitulah betapa pentingnya ketaatan itu di dalam Islam. Para nabi telah membuktikan ketaatan yang tidak berbelah bahagi kepada Tuhan. Nabi Ibrahim Alaihissalam telah sanggup mengorbankan anaknya demi mentaati Allah. Begitu juga nabi-nabi lain sanggup mempertahankan nyawa demi mentaati perintah Allah. Para salihin, syuhada dan para aulia, semuanya adalah orang-orang yang mempunyai ketaatan yang tinggi nilai di sisi Allah. Kita harap kita juga akan digolongkan bersama-sama mereka.

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Walillahil Hamd.

Apabila kita lihat kepada kenyataan umat Islam pada masa ini, kita dapati sifat ketaatan kepada Allah sudah begitu nipis, di hati mereka mudah goyang.

Di mana-mana pelanggaran terhadap hukum Allah menjadi-jadi. Jika negara mereka tidak membenarkan pelanggaran hukum itu, mereka akan pergi ke negara lain untuk mencapai kenikmatan tersebut, dan bagi yang mampu mengelak dari hukuman negara, ia akan meneruskannya di negaranya itu.

Inilah di antara punca mengapa umat Islam menjadi rendah martabat di dunia. Allah telah menarik nikmat kekuatan umat Islam yang pernah dimilikinya dulu dan kini umat Islam terpaksa tunduk di bawah

***BILA orang kafir meminta adakan sekatan terhadap salah sebuah negara Islam, negara Islam yang lain tidak dapat berbuat apa-apa malah mereka terpaksa akur terhadap kemahuan itu. Mereka sendiri mengikut kemahuan orang kafir. Bukankah ini satu penghinaan namanya? Bukankah itu telah membuktikan bahawa Allah telah menarik kuasa umat Islam yang pernah diberikan-Nya kepada mereka sehingga mereka pernah menguasai dunia dan seluruh gerun dengan kehebatan Islam ketika itu.***

telunjuk orang-orang kafir. Sehinggakan disuruh memerangi orang Islam sendiri pun mereka mahu atau terpaksa memerangi kerana hutang dan kerana kelemahan sendiri. Bukankah ini satu kehinaan namanya?

Bila orang kafir meminta adakan sekatan terhadap salah sebuah negara Islam, negara Islam yang lain tidak dapat berbuat apa-apa malah mereka terpaksa akur terhadap kemahuan itu. Mereka sendiri mengikut kemahuan orang kafir. Bukankah ini satu penghinaan namanya? Bukankah itu telah membuktikan bahawa Allah telah menarik kuasa umat Islam yang pernah diberikan-Nya kepada mereka sehingga mereka pernah menguasai dunia dan seluruh gerun dengan kehebatan Islam ketika itu.

Tetapi kini kita adalah sebagai singa tua yang tidak bergigi dan tidak berkuku. Orang sudah tidak gerun lagi malah mereka dengan mudah mempermain-mainkan negara-negara Islam dan umat Islam.

Dengan kekuatan media yang ada pada mereka, orang kafir ini selalu memutarbelitkan kenyataan dan orang Islam pula mempercayainya malah memetik berita tersebut sebagai bahan mereka.

Jadi dengan sendirinya kita umat Islam pula secara tidak langsung telah menyebarkan fitnah yang direka oleh orang kafir itu. Semua ini adalah bala kepada umat Islam.

Oleh kerana itu marilah kita sama-sama mengucapkan kesedaran pada diri kita untuk mengembalikan semula kegemilangan Islam yang pernah wujud dahulu itu dengan mentaati sepenuhnya perintah Allah dan Rasul-Nya dan juga perintah Ulil Amri selagi tidak bertentangan dengan hukum Allah.



SEBAHAGIAN daripada umat Islam yang sama-sama bersembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha yang telah diadakan di Masjid Omar Ali Saifuddin. — Gambar oleh Abdullah HAD.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS . . . . Siri ke-644

# TANDA-TANDA HAMPIR KIAMAT

## ORANG-ORANG MULHIDIIN YANG MUDA DAN KURANG AKAL ITU BERSIFAT KHIANAT DAN PECAH AMANAH SEHINGGA PEMIMPIN-PEMIMPIN MEREKA.

Bahagian kelapan



YANG Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Ismail bin Omar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan.

MENURUT daripada sahabat Abu Hurairah Radiallahuanhu daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud :

**"Demi diri saya (Rasulullah) dalam kuasa-Nya (Allah), tiada bangkit Hari Kiamat sehingga nyata rata-rata kejahatan dan zina dan mukah (bagaimana sekarang) dan kikir dan lokek, dan orang amanah melakukan pecah amanah, dan orang pecah amanah diberikan amanah sesuatu kepadanya."**

Hadis ini diriwayatkan oleh Al-Imam At-Thabarani dalam Al-Ausath dengan panjang dan asal hadis ini tersebut dalam kitab Ashshahih dan diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Hakim dalam Al-Mustadrak.

Daripada sahabat Abdullah bin Mas'oud Radiallahuanhu telah berkata : Telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud :

**"Dari tanda-tanda hampir kiamat dan dari cogan-cogannya iaitu orang pecah amanah diberikan amanah dan dipercayakan dan orang yang amanah itu melakukan pecah amanah."**

Hadis ini diriwayatkan oleh Al-Imam At-Thabarani dan Abu Nu'im dalam Al-Hilyah dan lain-lain ulama hadis :

Daripada sahabat Abdullah bin Amru bin Al-Ash Radiallahu Anhuma bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud :

**"Demi diri saya (Rasulullah) dalam kuasa-Nya (Allah) iaitu tidak bangkit Hari Kiamat sehingga nyata rata-rata kejahatan dan mungkar dan zina dan mukah, dan kata-kata buruk dan kotor, buruk dan jahat hubungan di antara jiran-jiran, putus hubungan di antara kerabat-kerabat, sehingga orang yang amanah melakukan pecah amanah, dan orang khianat pecah amanah dipercaya dan diamanahkan."**

Berkata sahabat : Ya Rasulullah bagaimana orang mukmin pada masa itu? Sabda Rasulullah yang bermaksud:

**"Orang mukmin itu sebagai seekor lebah madu, jatuh ke tanah dan dia tidak rosak dan ia makan maka tiadalah ia bertambah, dan ia mengeluarkan madu dan umpama orang mukmin itu seperti sekeping emas tulen masuk dalam api, maka ditiup orang akan api ke atas emas itu, maka tiadalah emas itu berubah, dan ditimbang emas itu tiada berkurangan sedikit pun."**

Hadis ini diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bazzaar dan Al-Hakim dan ia tashihkannya.

Hadis-hadis yang tersebut hampir-hampir ia hadis yang mutawatir dan sekata ulama padanya.

### ORANG-ORANG MUHIDIIN YANG MELONCAT DARI ISLAM YANG MUDA UMURNYA DAN KURANG AKAL, MEMBUNUH ORANG MENGERJAKAN SEMBAHYANG DAN MENGHINAKAN AHLI SEMBAHYANG DAN AHLI ZIKIRULLAH

Telah diriwayatkan oleh Al-Imam Abu Nu'im bin Hammad dalam Al-Fitan dan At-Thabarani dalam Al-Kabeer dari hadis sahabat Abdullah bin Amru bin Al-Ash telah berkata : Telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

"Akan berlaku berbagai fitnah seperti (Bertengkar dan berkelahi dan bunuh, menghinakan orang sembahyang dan beribadat) seseorang itu meninggalkan saudaranya dan bapanya (itu suatu fitnah) dan berterbangan fitnah itu masuk ke dalam hati manusia daripada mereka sehingga Hari Kiamat, sehingga dihinakan seseorang itu sebab ia mengerjakan sembahyang pada masa itu sebagaimana dihinakan perempuan sundal sebab sundalnya dan zinanya itu."

WALLAHU A'ALAM

(Bersambung)

SIRI AKHIR

# KESIHATAN DALAM ISLAM

PENGHARAMAN memakan daging babi pula telah dibuktikan tepat mengikut kajian perubatan moden hari ini, dari kajian itu didapati bahawa pada daging tersebut kerap kali terdapat sejenis kuman yang tidak mungkin hapus dengan api masakan biasa melainkan dibakar dengan pembakaran yang khusus dengan api yang tinggi darjah kepanasannya, ini tentulah tidak mungkin untuk dilakukan kerana ia memusnahkan daging tersebut semua sekali sebelum dapat dinikmati. Dan menurutnya pula, kuman ini amat cepat pembiakannya iaitu kira-kira 1,500 anak-anak ulat akan membiak dalam masa yang begitu singkat setelah dimakan dan melekat di dinding-dinding perut pemakannya lalu dengan mengikuti peredaran darah ia akan merebak ke seluruh tubuh dan ini boleh menyebabkan berbagai-bagai jenis penyakit yang tidak mudah untuk disembuhkan.

Kajian tadi menjelaskan kepada kita sebagai satu bukti teori mengapa daging babi ini diharamkan oleh syarak, disebabkan ianya langsung tidak boleh memberikan apa-apa khasiat bagi kegunaan tubuh badan, malah boleh mendatangkan mudarat bila diamalkan.

Di samping itu, di sana ada hikmat lain yang dapat diperhati iaitu larangan ini merupakan suatu ujian kepada setiap manusia menguji keimanan sama ada taat atau ingkar kepada perintah-perintah yang telah diperuntukkan kepada mereka, kalau dulu, Nabi Allah Adam Alaihissalam pernah diuji dengan sejenis buah larangan yang disebut buah khuldi maka manusia hari ini pula diuji dengan sejenis daging larangan iaitu daging babi, bendanya berlainan tetapi maksudnya adalah satu iaitu untuk menguji keimanan dan kepatuhan manusia menuruti perintah-perintah Allah.

### Pengharaman Arak

Arak pula merupakan jenis minuman yang diharamkan kepada umat Islam berdasarkan firman Allah dalam Surah Al-Maa'idah ayat 90 yang tafsirnya:

**"Wahai orang-orang yang beriman bahawasanya meminum arak dan berjudi dan berkorban untuk berhala dan mengundi nasib adalah perbuatan-perbuatan yang keji dari perbuatan-perbuatan syaitan, maka jauhilah ia moga-moga kamu beroleh keberuntungan."**

Walaupun buktinya jelas dari dalil yang ada, tetapi masih banyak orang yang sengaja mahu mempersoalkan mengapa arak mesti diharamkan sedangkan ia ada manfaat bagi tubuh badan, umpamanya di kala sejuk kononnya boleh memanaskan. Sebenarnya soalan ini sudah terjawab sebagai yang terdapat di dalam Al-Quran. Memang arak itu ada manfaatnya, tetapi jika dibandingkan manfaat ini dengan dosa dan akibat yang disebabkan oleh arak, maka manfaat ini sudah tiada lagi kerana terlalu sedikit persennya. Ini dikuatkan lagi dengan sebuah hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

### 'Arak Adalah Ibu Segala Kejahatan'

Maka pengharaman arak sebenarnya sesuai dengan konsep pencegahan sebelum terkena sebagaimana yang diterangkan tadi, di mana pengharamannya dapat mencegah berbagai gejala dan penyakit yang disebabkan oleh meminum arak, sama ada kepada peminumnya sendiri atau kepada masyarakat keseluruhannya. Kerana sifatnya sebagai punca kepada segala kejahatan.

Akibat yang disebabkan oleh arak sudah nyata, sama ada kepada jalinan hidup bermasyarakat atau kepada kesihatan diri peminumnya. Kita perhatikan berapa banyak rumahtangga yang hancur disebabkan arak, bunuh-membunuh dan permusuhan dan lain-lain lagi. Juga kepada peminumnya akan menghilangkan harga diri dan maruah di samping penyakit yang diakibatkannya.

Kesan arak pada otak amat nyata, ia menyebabkan keadaan yang serius yang dipanggil sebagai otak basah, di mana terdapat pembengkakan dan terbendungnya darah pada jaringan-jaringan otak, ini menjadikan daya kordinasi yang normal tidak dapat berjalan lancar, ia juga menyerang jantung, menjadikan ia tidak dapat menjalankan fungsinya dengan sebaik-baiknya.

Kesimpulan dari segala-galanya tadi ialah : Menjaga kebersihan dan kesihatan diri zahir dan batinnya adalah sesuatu yang dituntut dalam agama Islam. Kerana padanya ada hikmat-hikmat yang dapat menyampaikan kita kepada konsep pencegahan lebih utama dari mengubat. Ini pula membuahkan hasil yang lebih utama, iaitu pendekatan diri kepada Allah Subhanahu Wataala dengan bertambahnya takwa dan ketaatan kita menuruti perintah-perintah Allah dan menjauhi larangan-larangan-Nya.

منوجو كريضاءن الله

**Menuju Keredaan Allah**

كلوارن فوسة دعوه اسلاميه

***AKIBAT yang disebabkan oleh arak sudah nyata, sama ada kepada jalinan hidup bermasyarakat atau kepada kesihatan diri peminumnya. Kita perhatikan berapa banyak rumahtangga yang hancur disebabkan arak, bunuh-membunuh dan permusuhan dan lain-lain lagi. Juga kepada peminumnya akan menghilangkan harga diri dan maruah di samping penyakit yang diakibatkannya.***

***MENJAGA kebersihan dan kesihatan diri zahir dan batinnya adalah sesuatu yang dituntut dalam agama Islam. Kerana padanya ada hikmat-hikmat yang dapat menyampaikan kita kepada konsep pencegahan lebih utama dari mengubat. Ini pula membuahkan hasil yang lebih utama, iaitu pendekatan diri kepada Allah Subhanahu Wataala dengan bertambahnya takwa dan ketaatan kita menuruti perintah-perintah Allah dan menjauhi larangan-larangan-Nya.***

# KELUARKANLAH HARTA UNTUK MELAKUKAN IBADAT KEPADA ALLAH DI BULAN ZULHIJAH




MARILAH kita kembali mengulangi tekad dan azam untuk bertakwa dengan sebenar-benar takwa kepada Allah dalam keseluruhan hidup kita iaitu dengan mematuhi segala perintah-perintah-Nya sesuai dengan kemampuan yang ada pada kita di samping meninggalkan segala larangan-Nya.

Kita hari ini adalah di dalam suasana menyambut dan membesarkan salah satu dari dua hari raya di dalam Islam iaitu Hari Raya korban.

Kemeriahan kita menyambut dan membesarkan hari raya yang mulia ini memang tidak sepertimana kita menyambut dan membesarkan hari raya puasa di bulan Syawal, akan tetapi tidaklah bermakna hari raya korban itu tidak mempunyai apa-apa kelebihan kepada kita.

Sebenarnya selain kita mengadakan Sembahyang Sunat Hari Raya Korban dengan datang beramai-ramai ke masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat maka sebagaimana pernah diterangkan bahawa dengan kedatangan Hari Raya Korban yang jatuhnya pada tiap-tiap 10 Zulhijah itu maka kita adalah juga diperintahkan untuk melakukan satu ibadat yang sangat-sangat dituntut oleh agama kita. Walaupun tuntutan itu tidak sampai kepada peringkat wajib iaitu bila tidak dikerjakan boleh mendatangkan dosa, akan tetapi apa yang dimaksudkan ianya sangat-sangat dituntut ialah supaya kita jangan sampai langsung tidak pernah atau tidak terlintas di hati dan jiwa kita untuk melakukan ibadat berkenaan. Ibadat yang sangat-sangat dituntut itu ialah tidak lain ibadat korban. Ini jelas sepertimana Allah berfirman di dalam Al-Quran dalam Surah Al-Hajj ayat 36 dan 37 yang tafsirnya kira-kira:

**"Dan ternakan korban itu Kami jadikan sebagai salah satu syiar Islam yang di dalamnya mengandungi kebaikan bagi kamu. Sebutlah nama Allah ketika menyembelihnya dalam keadaan berdiri, sekiranya telah jatuh (mati) maka makanlah sebahagian daripadanya dan beri makanlah orang-orang yang 'qana'ah (yang menerima tanpa meminta-minta) dan mu'tarru (yang meminta-minta) demikianlah Kami telah menundukkan ternakan korban bagi kamu supaya kamu bersyukur. Daging dan darahnya tidak diterima Allah. Akan tetapi takwalah yang diterima-Nya daripada kamu."**

Dari ayat yang dibacakan itu jelas bahawa Allah mensyariatkan penyembelihan binatang korban yang dibuat adalah semata-mata kerana Allah.

Sebenarnya mengikut sejarah korban itu ianya bukan sahaja disyariatkan kepada kita umat Islam akan tetapi juga kepada umat-umat yang terdahulu daripada kita. Sungguhpun demikian korban-korban yang dilakukan oleh manusia itu ada yang diterima Allah dan ada yang tidak diterima oleh Allah. Contohnya korban Habil dan Qabil, putera-putera Nabi Adam Alaihissalam.

Di dalam bulan haji ini secara khusus, Allah Subhanahu Wataala mensyariatkan kepada kita kaum Muslimin untuk menyembelih ternakan korban. Perintah ini bukan sahaja kepada yang sedang melakukan ibadat haji di Mekah akan tetapi kepada kita semua. Kepada yang mempunyai kemampuan. Dan Al-Quran menegaskan bahawa ibadat korban itu adalah merupakan salah satu syiar atau lambang kemegahan Islam. Sebagai amal yang perlu diperlihatkan kepada orang lain, baik umat Islam sendiri ataupun bukan. Makin banyak kita menyembelih ternakan korban, semakin luas terasanya syiar Islam itu.

***SEBENARNYA mengikut sejarah korban itu ianya bukan sahaja disyariatkan kepada kita umat Islam akan tetapi juga kepada umat-umat yang terdahulu daripada kita. Sungguhpun demikian korban-korban yang dilakukan oleh manusia itu ada yang diterima Allah dan ada pula yang tidak diterima oleh Allah. Contohnya korban Habil dan Qabil, putera-putera Nabi Adam Alaihissalam.***

Dalam pada itu kita jangan beranggapan bila kita tahun ini melakukan korban maka selepas ini kita tidak lagi mahu melakukan ibadat korban.

Anggapan ini adalah salah. Sebaliknya bilamana kita berkemampuan biar setiap tahun kita berkorban. Maka itu adalah lebih berfaedah kepada diri kita mahupun kepada pengagungan terhadap syiar Islam.

Dalam hal ini Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada bersabda yang bermaksud :

**"Tidak ada yang dikerjakan oleh anak-anak Adam (manusia) yang lebih baik dipandang oleh Allah Taala selain daripada mengalirkan darah (menyembelih ternakan korban)."**

Sebenarnya di dalam bulan haji ini, Allah Subhanahu Wataala memberi kesempatan kepada kita untuk mendatangkan manfaat kepada rezeki yang dikurniakan kepada kita untuk dikorbankan. Diberi-Nya kesempatan pada Hari Raya Korban supaya kita menyembelih ternakan korban. Sebenarnya apa yang kita perolehi dari penyembelihan korban yang kita lakukan itu ialah supaya kita masing-masing membunuh watak atau sikap dan peribadi kebinatangan, sifat-sifat kecuaian, tabiat kebinatangan yang kadang-kadang terdapat di dalam diri kita. Secara zahirnya kita menyembelih binatang akan tetapi hakikatnya kita membunuh nafsu haiwan yang kita bawa dalam kalbu dan diri kita.

Marilah kita kaji semula seruan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kepada kita selaku umat Baginda terhadap amalan korban ini iaitu sabda Baginda yang bermaksud :

**"Barangsiapa yang memiliki kemampuan untuk berkorban (menyembelih korban) akan tetapi dia tidak melaksanakannya, jangan mendekati tempat sembahyangku."**

Begitu tegas seruan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam terhadap amalan korban bahkan dalam suatu riwayat pernah menyatakan bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tidak melambatkan penyembelihan korban. Sebenarnya kenapa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam begitu mengambil berat dalam ibadat korban itu khasnya dengan menggalakkan umat Baginda dengan bersungguh untuk melakukan ibadat korban itu tidak lain kerana Baginda begitu memahami dan mengerti kedudukan korban di sisi Allah Subhanahu Wataala. Baginda begitu kasih kepada umatnya lantaran itu ditunjukkan jalan yang sebaik-baiknya untuk kita lalui.

Di dalam hadis Qudsi Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada bersabda yang bermaksud :

**"Wahai bani Adam laksanakanlah 'infak' (keluarkanlah dari harta untuk berbuat ibadat kerana Allah) nescaya Aku (Allah) akan melimpahkan kurnia kepada kamu. Sesungguhnya gudang persediaan-Ku (nikmat Allah) melimpah ruah tidak akan susut kekurangan sedikit pun baik siang ataupun malam."**

Oleh itu belanjakanlah dan keluarkanlah harta demi untuk melakukan ibadat kepada Allah seperti berkorban maka pasti tidak akan habis harta kita itu. Belum pernah terjadi di dalam sejarah kemanusiaan orang yang banyak menafkahkan hartanya kerana beribadat kepada Allah, lalu ianya jatuh miskin atau melarat.

Binatang korban yang menjadi korban kita itu sesungguhnya Allah tidak mengharapkan daging binatang korban itu. Tidak setitik darah atau seketul daging pun yang akan sampai kepada Allah. Akan tetapi yang akan diterima ialah latar belakang tujuan, pendorong dan penggerak korban itu iaitu niat keikhlasan dan keimanan serta ketakwaan kita.

Firman Allah dalam Surah Al-Hajj ayat 37 yang kira-kira tafsirnya :

**"Sekali-sekali tidak akan sampai kepada Allah daging-dagingnya ataupun darahnya, akan tetapi yang akan sampai kepada-Nya adalah takwa daripada kamu (ketaatan kamu pada mematuhi perintah-perintah Allah). Demikianlah Ia memudahkan korban untuk kamu supaya kamu membesarkan Allah di atas hidayat-Nya kepada kamu dan berikan khabar gembira kepada orang-orang yang berbuat kebaikan dan kebajikan."**

Oleh itu belanjakanlah harta dan keluarkanlah harta untuk melakukan ibadat kepada Allah terutama di bulan Zulhijah ini di mana ibadat-ibadat yang dikerjakan di bulan ini sama ada ibadat haji sendiri mahupun ibadat korban, semuanya menghendaki kita mengeluarkan harta kita iaitu sebagai dugaan kepada kita dalam mentaati perintah dan suruhan Allah Subhanahu Wataala. Mudah-mudahan dengan pengorbanan ikhlas kita itu akan diterima oleh Allah sebagai amal salih kita.

***OLEH itu belanjakanlah dan keluarkanlah harta demi untuk melakukan ibadat kepada Allah seperti berkorban maka pasti tidak akan habis harta kita itu. Belum pernah terjadi di dalam sejarah kemanusiaan orang yang banyak menafkahkan hartanya kerana beribadat kepada Allah, lalu ianya jatuh miskin atau melarat.***

## وقت سمبهيغ ، امساك دان متهاري تربيت

وقت٢ سمبهيغ امساك دان متهاري تربيت باݢي دائره بروني دان موارا مولأي دري هاري رابو، 16 ذوالحجه، 1412 برسمأن 17 جون، 1992 هيغݢ كهاري ثلاث، 22 ذوالحجه، 1412 برسمأن 23 جون، 1992 اداله سفرت دباوه اين :—

| هاريبولن | متهاري تربيت | صبح | | امساك | عشاء | | مغرب | | عصر | | ظهر | | هاريبولن |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | براخير | برمولا | | براخير | برمولا | براخير | برمولا | براخير | برمولا | براخير | برمولا | |
| جون | | | | | | | | | | | | | ذوالحجه |
| 17 | 6.08 | 6.07 | 4.44 | 4.34 | 4.43 | 7.50 | 7.49 | 6.34 | 6.33 | 3.49 | 3.48 | 12.23 | 16 |
| 18 | 6.09 | 6.08 | 4.45 | 4.35 | 4.44 | 7.50 | 7.49 | 6.34 | 6.33 | 3.49 | 3.48 | 12.23 | 17 |
| 19 | 6.09 | 6.08 | 4.45 | 4.35 | 4.44 | 7.50 | 7.49 | 6.34 | 6.33 | 3.49 | 3.48 | 12.23 | 18 |
| 20 | 6.09 | 6.08 | 4.45 | 4.35 | 4.44 | 7.50 | 7.49 | 6.34 | 6.33 | 3.49 | 3.48 | 12.23 | 19 |
| 21 | 6.09 | 6.08 | 4.45 | 4.35 | 4.44 | 7.51 | 7.50 | 6.35 | 6.34 | 3.50 | 3.49 | 12.24 | 20 |
| 22 | 6.09 | 6.08 | 4.45 | 4.35 | 4.44 | 7.51 | 7.50 | 6.35 | 6.34 | 3.50 | 3.49 | 12.24 | 21 |
| 23 | 6.10 | 6.09 | 4.46 | 4.36 | 4.45 | 7.51 | 7.50 | 6.35 | 6.34 | 3.50 | 3.49 | 12.24 | 22 |

وقت سمبهيغ دان امساك باݢي دائره بلأيت هندقله دتمبه تيݢ مينيت دان ددائره توتوڠ هندقله دتمبه ساتو مينيت منكالا باݢي دائره تمبوروڠ هندقله دكورڠكن ساتو مينيت تيف٢ وقت. سمبهيغ فرض جمعة دسلوروه نݢارا بروني دارالسلام دمولأي دري فوكل 12.45 تڠهاري.

# MAJLIS KORB
# SAMBUTAN HARI

## 94 ekor binatang t



BERSEMPENA dengan sambutan Hari Raya Aidiladha atau Hari Raya Korban yang jatuh pada hari Jumaat lepas, Kementerian Perhubungan telah mengadakan majlis korban yang berlangsung di kementerian tersebut di Lapangan Terbang Lama, Berakas. Hadir sama di majlis itu ialah Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Sulaiman dan Setiausaha Tetap kementerian tersebut, Dato Paduka Awang Haji Ahmad bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Mohammad Yusof.



PASUKAN Polis Diraja Brunei juga telah mengadakan majlis korban dengan menyembelih lima ekor lembu di perkarangan Surau Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei di Jalan Gadong. Kelihatan dalam gambar pegawai dan kakitangan polis bergotong-royong memotong daging lembu untuk dibahagi-bahagikan (gambar atas). Sementara gambar bawah anggota Pasukan Polis Diraja Brunei memotong-motong daging dan seterusnya menimbang untuk dibahagi-bahagikan kepada anggota-anggota pasukan tersebut serta keluarga yang hadir di majlis korban yang berlangsung pada hari Sabtu lepas.



**Oleh Aliddin HM**
**Gambar-gambar oleh Halim Hj. Sulaiman Harun Rashid, Pg. Hj. Yaakub, Masmaleh HMA dan Hamadi Mohamad**

MULAUT, 13 Jun. — Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam telah mengadakan Majlis Korban sempena sambutan Hari Raya Aidiladha atau lebih dikenali dengan Hari Raya Korban hari ini di Pusat Penyembelihan Mulaut di sini.

Sempena dengan hari kebesaran Islam ini sebanyak 94 ekor binatang telah dikorbankan di pusat tersebut iaitu 84 ekor lembu, dua ekor kerbau dan lapan ekor kambing yang bermula sebaik saja selepas selesainya menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha dan hari berikutnya.

Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mengorbankan 10 ekor lembu pada hari kedua Hari Raya Aidiladha di pusat berkenaan.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin selaku tetamu kehormat di majlis itu telah memulakan upacara korban dengan menyerahkan pisau penyembelih kepada tukang penyembelih binatang korban.

Daging-daging korban itu kemudiannya dibahagi-bahagikan kepada fakir miskin dan para hadirin yang hadir di majlis itu.

Amalan korban ini merupakan ibadah sunat yang sangat dituntut oleh agama Islam bagi memperingati sejarah pengorbanan Nabi Ibrahim mengorbankan putera kesayangannya Nabi Ismail.

Penyembelihan korban di negara ini dilakukan oleh kementerian-kementerian, jabatan-jabatan, persatuan-persatuan, badan-badan kebajikan dan orang-orang perseorangan yang biasanya dilakukan secara bergotong-royong oleh masyarakat Islam di negara ini.

Antara yang hadir di majlis itu ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya; Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Paduka Awang Haji Abd. Saman bin Kahar dan Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abd. Rahman bin Awang Haji Besar serta para pegawai kanan kerajaan.

Sementara
terian Perhu
mengadakan
sama bertempa
kementerian
Lapangan Te
Berakas. Hadir
itu ialah Me
bungan, Yang
Dato Seri Laila
Haji Zakaria
Mahawangsa



PENDUDUK-P
untuk mengad

## M

BERAKAS,
Syarikat Penerb
Brunei buat pe
telah mengadak
ban sempena
butan Hari Ra
yang berlangsu
Rekreasi Syar
bangan Diraja B

Majlis terseb
adalah sebaga
seruan Kerajaa
Duli Yang M
Paduka Seri Ba
dan Yang Di-Pe
Brunei Daruss
mengalu-aluka
kebesaran dalam

Timbalan Pen
merangkap
Kakitangan Sya
bangan Diraja B
Haji Brahim bi
ketika berucap
kehormat di ma
bahawa Hari
atau Aidiladha
antara hari
istimewa di d
mana banyak p
teladan yang



TIMBALAN Pengurus Umum merangkap Pengurus Kakitangan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, Awang Haji Brahim bin Ismail ketika menyempurnakan pembahagian daging-daging korban di Majlis Sambutan Hari Raya Aidiladha anjuran syarikat tersebut. — Gambar oleh Halim HS.

انيكا
# ANEKA

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

ڤليتا بروني
Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

BILANGAN 25 RABU 17 JUN, 1992. رابو 16 ذوالحجه، 1412 PERCUMA

## INGATKAN KELUARGA DAN MASA DEPAN BISKITA KETIKA BERADA DI JALAN RAYA

## HUTAN-KHAZANAH NEGARA YANG SANGAT BERHARGA



MENYEDARI tentang kepentingan perhutanan dalam pertumbuhan sosio-ekonomi negara, satu dasar ke arah mewujudkan/pengurusan hutan yang teratur dan bijaksana telahpun disusun dan dirancang.

Salah satu daripadanya ialah mendapatkan hasil hutan yang berkekalan bagi menampung keperluan asas dalam negara serta memperkembangkan dan memajukan perusahaan industri kayu-kayan. Ini ialah kerana kita menyedari bahawa hutan merupakan khazanah negara yang sangat berharga.

RENCANA LANJUT DI MUKA 2

### ANTARA KANDUNGAN


- Cerpen — Hati Selembut Bayu — muka 4 & 5
- Resipi — muka 6
- Apa Pendapat Biskita — muka 6
- Rencana — Rasuah Penyakit Masyarakat Pemusnah Negara — muka 3
- Pat-Pat Gulambir — muka 12
- Rancangan Radio & Tv — muka 8 & 9

انيكا ANEKA Pelita Brunei

Rencana رنچان

HUTAN merupakan tempat kediaman pelbagai jenis hidupan liar termasuk tumbuhan dan sumber rezeki kepada berbagai bentuk haiwan dan manusia.

Ianya bukan saja memberi kita keselesaan hidup khususnya ke arah menstabilkan suhu bumi tetapi juga berperanan memberi perlindungan kepada kejadian hakisan tanah, mengurangkan bencana banjir, membekalkan air yang mencukupi dan banyak lagi kemanfaatannya kepada penghuni alam sejagat ini.

Mengikut kajian beberapa orang pakar sains dari luar negeri menyatakan hutan memainkan peranan yang sangat mendalam ke arah menstabilkan suhu bumi. Deretan pokok-pokok hutan dapat mengelakkan cahaya matahari dari terus sampai ke bumi yang mana boleh bertindak melahirkan radiasi yang rendah dan boleh memanaskan permukaan bumi.

Sementara daun-daun pokok-pokok hutan yang berkilat berupaya membalikkan sebahagian dari cahaya matahari ke angkasa. Dengan adanya proses tersebut telah dapat memberikan ruang kehidupan yang selesa kepada makhluk di bumi ini.

Di samping itu dengan adanya proses 'photosyinthesis' yang berlaku ke atas tumbuh-tumbuhan juga telah membantu mengurangkan kadar gas karbon dioksida dan menambahkan kadar gas oksigen yang mana oksigen adalah satu komponen yang sangat penting dalam pernafasan semua jenis kehidupan.

Dari itu tanpa hutan dan tumbuh-tumbuhan yang menghijau yang meliputi hampir separuh kawasan dunia ini akan mengalami ketandusan alam sekitar, cuaca yang tidak menentu serta mendatangkan ketidakselesaan kepada seluruh penduduk di persekitarannya.

Oleh
Dk. Saidah POA



HUTAN bukan sekadar menjadi sumber makanan dan hasil kayu-kayan tetapi juga boleh memberikan ketenangan dan kesejahteraan kepada semua makhluk di dunia ini terutama mereka yang mencintai keindahan alam semula jadi.

# HUTAN MENJADI PELINDUNG KEPADA MANUSIA, HAIWAN

Negara Brunei Darussalam yang kaya dengan keindahan alam semula jadi ini mempunyai kawasan hutan meliputi 469,046 hektar dari jumlah keseluruhan luas negara. Dari jumlah tersebut 341,184 hektar digolongkan sebagai hutan utama yang belum diganggu atau diterokai. Sementara itu 127,862 hektar lagi merupakan kawasan hutan yang sudah diterokai.

Dari jumlah keluasan hutan tersebut terdapat hutan hujan tropika dari pelbagai jenis, hutan bakau, hutan paya gambut, hutan dipterocap jauh ke pendalaman dan 6,000 kaki dari paras laut dan tumbuh hutan gunung.

Kita sangat beruntung kerana dapat mempertahankan hutan-hutan dara yang belum diusik malah sebahagian dari hutan-hutan itu disimpan secara kekal sebagai hutan pemeliharaan dan dihasratkan sebagai tempat kajian dan penyelidikan.

Dengan keindahan alam semula jadi ciptaan Tuhan itu kawasan-kawasan tertentu telah diubahsuai menjadi hutan rekreasi yang disediakan dengan berbagai kemudahan untuk berkelah, berjogging dan berehat-rehat sambil menikmati udara bersih dan segar.

Kerajaan melalui Jabatan Perhutanan telah membina beberapa buah hutan rekreasi di merata tempat negara ini seperti Hutan Arboretum Sungai Liang, Hutan Peradayan di Temburong, Hutan Simpanan Berakas, kawasan Luagan Lalak di Daerah Belait dan kawasan Bukit Shahbandar di Jerudong.

Dalam waktu yang sama pula, kebanyakan negara lain di dunia ini menaruh kebimbangan kerana terpaksa mengeksploitasikan satu kawasan hutan besar semata-mata untuk pembangunan negara dan keperluan ekonomi. Kesan yang diterima dari pemusnahan itu ternyata lebih merugikan dari keuntungan yang diraih.

Mengikut kajian yang telah dijalankan di dalam dan di luar negeri, perbelanjaan untuk memulihkan semula kemusnahan hutan adalah terlalu besar iaitu berjuta-juta ringgit misalnya bagi tiap-tiap 100 hektar kawasan hutan yang terbakar.

Untuk itu penanaman semula saja boleh menelan belanja $1 juta dan kerugian kerana kemusnahan alam sekitar dan kehilangan khazanah negara boleh menelan belanja $100 juta. Dengan itu kemusnahan hutan juga boleh mengucar-ngacirkan sesebuah negara.

Di Negara Brunei Darussalam, perhutanan adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Perhutanan di mana fungsi utamanya ialah bagi mengurus perhutanan negara dengan matlamat bagi memastikan manfaat yang maksima di bidang ekonomi, sosial dan persekitaran bagi rakyat dan penduduk negara ini selaras dengan amalan prinsip perhutanan yang baik.

Dengan kuasa yang ada pada jabatan tersebut, mereka boleh mendenda sesiapa saja yang didapati melakukan kesalahan dalam hal perhutanan seperti membakar hutan atau kawasan-kawasan yang berdekatan dengannya tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu.

Mengikut Akta Hutan 1934 seksyen 20, kesalahan ini boleh didenda $1,000 dan 6 bulan penjara. Di samping itu pihak mahkamah juga boleh mengenakan tuntutan ganti rugi kerana kemusnahan alam sekitar sabit dari kebakaran ini.

Apabila kita merenung sejenak kemusnahan alam sekitar dan hutan yang dilakukan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab ini kita akan mendapati negara kita sedikit sebanyak akan menanggung risiko kerugian besar kerananya.

Sebenarnya hutan bukan saja memainkan peranan yang penting dalam kehidupan sosial kita tetapi juga merupakan sebagai pelindung kepada manusia dan haiwan yang hidup di merata muka bumi ini di samping itu ianya juga menyediakan berbagai sumber makanan bagi manusia dan bintang serta memberikan sumber ekonomi kepada manusia.



TANPA hutan dan tumbuh-tumbuhan yang menghijau yang meliputi hampir separuh kawasan dunia ini akan mengalami ketandusan alam sekitar, cuaca yang tidak menentu serta mendatangkan ketidakselesaan kepada seluruh penduduk di persekitarannya.

Menyedari tentang kepentingan perhutanan dalam pertumbuhan sosioekonomi negara, satu dasar ke arah mewujudkan pengurusan hutan yang teratur dan bijaksana telah pun disusun.

Salah satu daripadanya ialah mendapatkan hasil hutan yang berkekalan bagi menampung keperluan asas dalam negara serta memperkembangkan dan memajukan perusahaan industri kayu-kayan.

Pada tahun 1973 saja revenu perhutanan termasuk dari sumber balak, kayu api, arang, jelutung dan sebagainya ialah sebanyak $350,156 di mana revenue dari balak adalah bernilai $334,445. Pada ketika itu harga satu tan bagi jenis kayu Selanggan Batu ialah $320, Kapur Bukit $220 satu tan, Kapur Paya setan $200, Keriung $180 setan dan Meranti setan $180.

Oleh yang demikian jika penjagaan, pemeliharaan dan sebagainya hanya dibebankan kepada kerajaan melalui Jabatan Perhutanan saja sudah pasti harta kerajaan bagi mewujudkan pengurusan hutan yang teratur dan bijaksana dalam penggunaan sumber hutan tidak akan tercapai.

Untuk itu kita selaku rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang bersifat peka dan mencintai alam sekitar akan sewajarnya menghargai hutan dan mencintai alam sekeliling secara bertanggungjawab.

Dengan adanya kerjasama yang kita hulurkan itu sudah setentunya kita akan dapat mengekalkan khazanah negara yang menjadi kebanggaan kita bersama.

Di Majlis Pelancaran Hari Perhutanan Sedunia yang telah diadakan pada tahun ini di Taman Rekreasi Hutan Sungai Liang, Pengarah Perhutanan, Dr. Awang Morni bin Othman telah mengingatkan orang ramai yang menggunakan sumber-sumber daripada hutan supaya sentiasa mengikut dan mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan hutan yang berjalan masa ini.

"Satu kesalahan boleh didenda $10,000 dan 2 tahun penjara dan Jabatan Perhutanan tidak akan ragu-ragu untuk mengambil tindakan yang sewajarnya apabila didapati kecuaian berlaku ke atas perkara ini," jelas Dr. Awang Morni.

Dari itu kita hendaklah beringat sebelum kena kerana akibat perbuatan kita yang disenghajakan itu bukan saja boleh merugikan diri sendiri tetapi juga boleh mendatangkan kerugian besar kepada negara.

Hari Perhutanan Sedunia yang diraikan setiap 21 Mac dan tahun ini merupakan kali yang ke-10 Jabatan Perhutanan menyertainya dengan bertemakan "Pokok Untuk Masa Depan" adalah bertujuan bagi menggalakkan kerjasama antarabangsa dalam pemeliharaan hutan dan alam sekitar.

Kini kita harus menyedari fungsi hutan bukanlah hanya sekadar menjadi sumber makanan dan hasil kayu-kayan tetapi juga boleh memberikan ketenangan dan kesejahteraan kepada semua makhluk di dunia ini terutama mereka yang mencintai keindahan alam semula jadi.

Hutan amat penting terhadap kehidupan kita, dan adalah wajar sumber ini dijaga, dipelihara, dikawal dan dipulihkan atau diganti agar ia tidak pupus serta dapat dihasilkan secara berterusan dari zaman ke zaman sebagai warisan generasi-generasi akan datang.

## RENCANA SEMPENA KEMPEN ANTI RASUAH

# RASUAH PENYAKIT MASYARAKAT PEMUSNAH NEGARA

**SIRI AKHIR**

**MUKADIMAH**

**RENCANA bertajuk "Rasuah Penyakit Masyarakat Pemusnah Negara" oleh Awang Haji Osman bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Awang Mohd. Tamin, Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam adalah pemenang ketiga dalam Peraduan Menulis Rencana Sempena Kempen Anti Rasuah yang dianjurkan oleh Biro Mencegah Rasuah, Negara Brunei Darussalam. Dihidangkan untuk renungan dan tatapan para pembaca. — Penyunting.**

### Keadilan dalam Bertugas

ALLAH Subhanahu Wataala berfirman dalam Al-Quran menerusi Surah Al-Maidah, ayat 8, yang terjemahannya berbunyi :

**"Wahai orang-oranag yang beriman, hendaklah kamu sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa-apa yang kamu lakukan."**

Dengan berlaku adil dalam bertugas dan mematuhi disiplin bekerja dengan betul akan dapat menjadikan individu, bertugas lebih efisien dan mampu meningkatkan prestasi kerja yang bermutu. Dengan berlaku adil ini akan menghindari diri seseorang daripada rasuah.

Ertinya setiap kerja (lebih-lebih lagi kerjaya yang bertembung dengan khidmat kepada masyarakat dapat dibuat dengan adil, iaitu yang dahulu didahulukan, yang kemudian dikemudiankan, tanpa memilih bulu.

Jikalau berlaku penyelewengan rasuah, tentu sahaja orang yang kemudian (kerana sudah menumbuk rusuk/menyogok kepada pegawai berkenaan) akan mendapat layanan 'istimewa' dan menerima kehendaknya lebih dahulu daripada orang yang lebih awal sampai untuk mendapatkan khidmat yang sepatutnya diberikan kepada orang yang dahulu sampai tadi.

Perkara semacam ini tidaklah adil namanya dan dengan sendirinya perbuatan ketidakadilan ini akan memburukkan nama jabatan pada pandangan masyarakat. Jadi patutkah perkara seperti ini berterusan?

### TEKNIK KETIDAKADILAN

Kita juga sering mendengar dan melihat sama ada menerusi tayangan televisyen atau akhbar yang memuatkan pelbagai teknik ketidakadilan kerana rasuah.

Misalnya rasuah wang, rasuah rumah, rasuah perempuan, rasuah kereta, rasuah melancong, rasuah perbelanjaan tanpa batas dengan kad kredit dan pelbagai jenis lagi yang semuanya mengundang individu tertentu kabur mata dan terus memanfaatkan rasuah yang sebenarnya tidak memberi manfaat ini.

Oleh yang demikian kita perlu memahami pepatah Melayu yang berbunyi, sesal dahulu pendapatan, 'sesal kemudian tidak berguna.'

Dengan berlaku adil ini seseorang Islam itu jalan yang diredai oleh Allah dan menempatkan dirinya sebagai insan yang bertakwa kepada Allah kerana dapat memikul tanggungjawab kemanusiaannya mengikut lunas-lunas yang disenangi oleh Allah.

Ketidakadilan yang menjerumuskan ke arah rasuah ini memanglah merupakan gejala yang meruntuhkan negara dan bangsa.

### Peralatan Moden

Berhubung dengan keburukan yang diakibatkan oleh rasuah ini, banyak cara yang dapat diungkayahkan oleh mana-mana pihak yang kesemuanya saling kaitberkait dan perlu ada sokongan yang padu daripada orang ramai.

Begitu juga institusi yang bertugas dalam bidang pencegahan rasuah ini perlu mempunyai sistem atau tatakerja yang canggih dan berkualiti dengan mempunyai peralatan-peralatan yang dapat menampung kehendak bidang tugas itu.

Kepentingan alat-alat moden serba canggih ini memang seratus peratus perlu, terutama dalam menyimpan setiap data dan bukti-bukti yang diperolehi itu dengan sempurna, selamat dan terpelihara.

Dengan yang demikian akan dapat menanamkan semangat yang total lagi penuh disiplin kepada petugas dari institusi pencegahan rasuah ini dalam mengharungi tugas-tugas mereka dengan penuh dedikasi.

Alatan moden yang paling diperlukan seperti komputer yang paling canggih, alat perakam yang paling peka, kamera yang terbaik dan apa-apa jua alat-alat moden yang dapat membantu usaha mencegah perbuatan rasuah ini daripada terus berlarutan dan berkembang di kalangan pegawai dan individu tertentu, baik sebagai 'pemberi atau penerima' rasuah.

Kita maklum, kegiatan menyuap ini semakin ada cara mencegahnya, semakin itu pula ada cara "jenayah" mengatasinya dengan teknik yang rumit untuk dikesan. Sehubungan dengan itu kita patut menghargai usaha salah sebuah institusi mencegah rasuah dari salah sebuah negara jiran yang bersungguh-sungguh mencegah rasuah ini dengan mencuba pelbagai teknik terbaru. Baca potongan berita tersebut : "Komputer kerajaan disambung ke BPR" *(Berita Harian, 17 Disember, 1991)* yang berbunyi bahawa "Semua pejabat Badan Pencegah Rasuah (BPR) akan mempunyai sistem komputer yang dihubungkan terus ke jabatan kerajaan bagi memudahkannya mendapatkan maklumat bagi tujuan siasatan.

"Pelaksanaan sistem komputer itu dikendalikan oleh Cawangan Komputer dan Cawangan Penyelidikan serta Pengawasan Korporat yang baru ditubuhkan bagi meningkat keupayaan BPR untuk keperluan era teknologi maklumat masakini."

"Pegawai BPR perlu berada pada tahap pengetahuan yang tinggi dan paling penting ialah kewibawaan serta sikap amanah dan disiplin yang mesti dijadikan contoh kepada pegawai awam lain.

"Pegawai BPR perlu mematuhi semua peraturan tatalaku sejajar dengan matlamat BPR supaya semua pegawai awam lain mematuhinya."

### Kesimpulan

Dengan berdasarkan beberapa keterangan yang lebih awal tadi, adalah jelas betapa rasuah yang berterusan tanpa pencegahannya akan menjadi 'penyakit masyarakat' yang boleh menghancurkan negara.

Yang penting setiap individu yang pernah terlibat pada peringkat awal dan menyedarinya perlulah bertaubat dan kembali ke pangkal jalan.

Sikap semua pihak dalam mengatasi masalah rasuah ini mestilah juga diselaraskan agar ia benar-benar bersih dan dapat menjamin kestabilan negara daripada dihantui oleh 'penyakit masyarakat' ini. Negara yang terhindar seratus peratus daripada jenayah 'rasuah' ini sudah setentunya akan menjadi sebuah negara makmur, maju, harmoni, sejahtera, aman dan sentosa.

Mudah-mudahan usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerusi Biro Mencegah Rasuah ini akan dapat menjalankan sepenuhnya amanah yang dipertanggungjawabkan itu selaras dengan kehendak dan hasrat murni ketua negara kita bagi Negara Brunei Darussalam demi kestabilan, kemakmuran, keselamatan dan keamanan negara yang sama-sama dicintai ini.

***KEPENTINGAN alat-alat moden serba canggih ini memang seratus peratus perlu, terutama dalam menyimpan setiap data dan bukti-bukti yang diperolehi itu dengan sempurna, selamat dan terpelihara. Dengan yang demikian akan dapat menanamkan semangat yang total lagi penuh disiplin kepada petugas dari institusi pencegahan rasuah ini dalam mengharungi tugas-tugas mereka dengan penuh dedikasi.***

***DENGAN berlaku adil dalam bertugas dan mematuhi disiplin bekerja dengan betul akan dapat menjadikan individu bertugas lebih efisien dan mampu meningkatkan prestasi kerja yang bermutu. Dengan berlaku adil ini akan menghindari diri seseorang daripada rasuah.***

***SIKAP semua pihak dalam mengatasi masalah rasuah ini mestilah juga diselaraskan agar ia benar-benar bersih dan dapat menjamin kestabilan negara daripada dihantui oleh 'penyakit masyarakat' ini. Negara yang terhindar seratus peratus daripada jenayah 'rasuah' ini sudah setentunya akan menjadi sebuah negara makmur, maju, harmoni, sejahtera, aman dan sentosa.***

انيکا ANEKA Pelita Brunei

# HATI SELEMBUT BAYU

چرفين
چرفين
چرفين
چرفين
چرفين
چرفين

CERPEN

OLEH
MALIZA H.R.



AKU duduk sendirian termenung melayani fikiranku yang kusut ini. Aku sendiri tidak mengerti. Aku menjadi serba salah serta tidak pernah aku meminta itu semua akan terjadi pada diriku. Sepantas kilat sahaja berlaku seperti baru semalam.

Dia kukenali lebih dua tahun. Kini bukan milikku lagi. Kebahagiaan yang kami bina bersama telah hancur berkecai. Punah segala harapan yang aku bina.

Sikapnya yang terlalu hipokrit dan mementingkan diri sendiri telah membuat kami terpisah. Tiba-tiba dalam aku termenung aku terdengar lagu 'Janji Manismu' yang dinyanyikan oleh penyanyi popular.

Lamunan semakin jauh melayang mengenangkan peristiwa yang lama yang mana masih tersimpan di kotak fikiranku. Aku dan dia buat kali pertama bertemu. Lantas saling sayang-menyayangi di antara satu sama lain. Cinta pertama adalah cinta yang manis.

Eddie adalah orang yang pertama sekali yang sangat kusayangi. Dialah jejaka yang pertama dan terakhir bagiku walaupun kami terpisah namun aku masih menyayangi dirinya.

Sudah hampir lima bulan kami tidak berjumpa entah bagaimanakah keadaan dirinya, apakah dia masih mengingati diriku atau dia sudah lupa padaku ini.

"Oh...mungkinkah aku sahaja yang mengingati dirinya sedangkan dia mungkin sudah mendapat penggantinya.

Hampir semalaman aku hanya berkurung di dalam bilik. Malam sudah semakin larut. Mataku pun sudah mengantuk hendak tidur. Namun aku masih tertanya-tanya apakah yang dibuat Eddie pada malam ini apakah dia bersama dengan perempuan lain!

"Rina....Rina....!" Panggil seorang gadis yang sudah lama kukenali, Mimi sahabatku yang paling rapat denganku sejak dari Tingkatan Dua.

"Oh kamu Mimi, apa hal ni?" Jawabku dan soalku dengan ringkas.

"Oii...macam tak dengar saja orang panggil sampai nak pecah suaraku tau!" Kata Mimi separuh marah.

"Maaflah kawan tak perasaan tadi kamu panggil," balasku sambil aku memandang tepat ke wajahnya, sejenak aku termenung.

"Termenunglah tu....pasal itulah lagikan." Soal Mimi terputus-putus.

Belum sempat Mimi meneruskan kata-katanya, aku terlebih dahulu memotongnya dan mengubah kepada tajuk yang lain, "Eh....kamu sudah makan ke....!" Soalku pada Mimi.

"Belum lagilah, inilah aku jumpa, kamu ni, nak ajak makan," kata Mimi sambil menjelingku.

"Baiklah, Rina pun tahu dari muka kamu yang montel ini, jelas membayangkan yang kamu ini lapar yang tak terhingga, lihatlah pada potongan badan kamu yang sudah naik gemuk," Kataku dengan panjang lebar.

"Kamu ini nak ajak makan ke....atau dengar syarahan yang tergempar ini....?" Kata Mimi merayu dengan wajah yang serius.

"Eh...Rina benar ke....yang badanku ini sudah naik gemuk eee....takutlah, jauhkanlah aku dari masalah tu....!"

"Sudahlah tu....Mimi kamu ini pantang diajak berbual sampai esok pun tak habis."

Di kantin sekolah ramai penuntut yang sedang menjamu selera. Sewaktu kami dalam perjalanan hendak menuju dewan kantin aku dan Mimi terserempak dengan Azlan. Dialah lelaki yang memang Mimi minati dari dulu tapi Azlan terlambat kerana Mimi sudah pun ada teman lelaki istimewa.

Kami hanya saling menyapa seperti biasa namun dari wajahnya aku dapat tahu yang Azlan masih ada hati dengan Mimi. Dia cuba sembunyikan dari pengetahuan Mimi tapi aku dapat merasakannya.

Jam menunjukkan kurang lima minit pukul tujuh tiga puluh malam. Malam minggu begini ini banyak rancangan yang telah disusun bagi remaja tapi bagi diriku aku tak ada minat pergi berjalan-jalan meskipun Mimi mengajak aku bersiar tapi aku dengan tegasnya menolak.

"Ring...Ring...!

Gagang telefon diangkat. Entah siapa yang mengangkat aku pun tak tahu mungkin mama atau papa.

"Hello boleh bercakap dengan Karina?" Soal orang itu dalam telefon.

"Boleh tunggu sekejap ya...," balas mama pula, "Rina...Rina ada panggilan untukmu," laung mama dari tingkat bawah.

"Tunggu sekejaplah mama," balasku pula. Aku pun mengangkat telefon dalam bilikku, "Hello Rina cakap," jawabku ringkas.

"Eh....Rina nampak tak ada semangat saja, eh....aku nak ajak kamu pergilah, kita jumlah sama Rosman Kamu mahu pergi tak....?" kata Mimi panjang lebar.

"Malaslah nak pergi lagipun aku nak bagi kamu romantiklah, tak elok aku kacau daun, betul tak!"

"Tapi Rina....kau sudah lama tak keluar malam minggu ini. Aku tahu ini tentulah pasal Eddie itu lagi kan," kata Mimi terputus-putus.

"Bukan pasal itu. Cuma aku tak ada minatlah kawan," kataku lagi untuk memberi kepercayaan.

"Okeylah...kalau kau tak nak pergi tak apalah."

Sampai sahaja aku meletak gagang telefon aku pun mula membaca buku, setelah kira-kira lima belas minit saja aku membaca tiba-tiba saja mataku tertumpu kepada mesin taip. Ingatanku menjelma kembali padanya iaitu Eddie. Dia yang memberi mesin taip itu kepadaku sewaktu aku menyambut ulang tahun yang ketujuh belas tahun pada tahun lepas.

Pada masa itu dia berusia setahun tua dariku dan kami menuntut dalam tingkatan lima. Cuma kami tidak sama tempat bersekolah. Tidak kusedari air mataku mengalir bila mengingat peristiwa itu. Zaman remaja adalah zaman yang paling indah sekali bagiku namun aku tahu batas-batas pergaulan.

Tiba-tiba pintu bilikku diketuk orang, "Tuk...tuk...!"

"Siapa?" Tanyaku.

"Mama. Rin ada orang nak jumpa kau, dia menunggumu di bawah," kata mama memberitahu padaku.

**LAMUNAN semakin jauh melayang mengenangkan peristiwa yang lama yang mana masih tersimpan di kotak fikiranku. Aku dan dia buat kali pertama bertemu. Lantas saling sayang-menyayangi di antara satu sama lain. Cinta pertama adalah cinta yang manis.**

Aku pun bangkit dari tempat duduk lalu membuka pintu, "Siapa mama, yang datang nak jumpa Rina tu...?" Tanyaku pula kepada mama.

"Entahlah Rina," jawab mama ringkas.

"Aku pun nak berjumpa dengan orang yang tak diundang ini, siapa agaknya," kataku dalam hati.

Alangkah terkejutnya aku bila orang yang datang itu ialah orang yang selalu dalam ingatan. Dialah juga orang yang memutuskan ikatan kasih, setelah lima bulan tidak bersua, kini dia hadir lagi dalam hidupku walhal aku cuba untuk melupakannya.

Kenapa mesti terjadi oh! Kenapa mesti kau hadir lagi dalam hidupku! Oh....Tuhanku kenapa mesti terjadi.

"Selamat malam Rina!" Sapa Eddie kepadaku.

Aku teragak-agak hendak membalas ucapannya itu seolah mulutku terkunci rapat.

"Buat apa kamu datang lagi Eddie. Tak puas-puas lagi nak menyakiti hati Rina ini," kataku dengan wajah yang serius tapi ada kekerasan di dalam kata-kataku.

"Rina maaflah jikalau kedatanganku mengganggu diri Rina tapi....!" Katanya terputus bila aku memotong bicaranya.

"Tapi nak apa.... nak Rina halau Eddie sekarang, boleh apa salahnya," kataku sambil memandang tepat ke wajahnya.

Memang wajah Eddie sememangnya tampan dan kacak. Ramai wanita yang terpikat padanya.

LIHAT MUKA 5

DARI MUKA 4

"Rina dengar dulu kata Eddie ini. Eddie nak minta maaf padamu kerana Eddie salah sangka padamu Rina." Kata Eddie sambil melutut di hadapanku.

"Eh....ada bakat juga aku ini ya!"

"Pandai juga kamu merayu aku. Mana perginya keegoan dan sikap suka mementingkan diri sendiri itu," kataku dalam hati, "Sudahlah Eddie aku dari dulu lagi sudah memaafkan kamu. Tiada rasa dendam di hatiku walaupun kamu menyakitiku dengan kata yang memedihkan," kataku dengan sebak tapi dapat dikawal supaya tidak ketara.

Aku tiba-tiba terpaku apabila melihat dengan mataku sendiri bilamana Eddie menangis di hadapanku. Aku jadi bingung tak tahu apa yang harus aku buat.

"Rina aku tahu kau tak dapat menerima kenyataan itu tapi harap....Rina dapat menerima Eddie semula seperti dulu. Eddie sangat sayang padamu," kata Eddie sambil wajahnya tertunduk.

"Eddie, tak mungkin aku menerimamu kerana aku....," kata-kataku terputus sehingga itu saja kerana mama lalu di hadapan kami.

"Rina, tak pelawa tamu kita minum?" Tanya mama sewaktu melintasi ruang bilik tamu.

"Tunggu sekejap mama," balasku dengan ringkas.

"Eddie aku harap engkau tidak merayu lagi padaku. Anggaplah yang diriku hanya teman biasa," kataku dengan sayu.

"Baiklah Rina, kalau itu sudah mahumu, Eddie tak dapat buat apa-apa lagi. Cuma Eddie harap Rina tidak keberatan untuk menerima jejaka lain." Kata Eddie mengakhiri perbualan.

Sejak dari itu Eddie selalu datang menjumpaiku walaupun aku cuba mengelak daripada berjumpa dengannya. Satu hari dia mengajakku pergi menonton wayang. Aku cuba menolaknya namun aku tewas kerana pujukannya.

"Rina, ceritanya menarik tak?" Soalnya selepas kami menonton tayangan gambar itu tadi.

"Menarik juga," jawabku dengan ringkas.

"Kamu macam tak suka saja!" Tanyanya lagi. Aku merasa tak selesa bersama Eddie. Mungkin kerana Eddie dan aku bukan seperti dulu lagi.

"Eh....ke mana kita lagi ni Eddie?" Soalku pada Eddie sambil memandang wajahnya.

"Kita minum dulu sekejap bagaimana?" Soalnya sambil melirik padaku.

"Tapi Eddie.....!" Bicaraku hanya terhenti setakat itu saja kerana kereta yang dipandu oleh Eddie sudah pun sampai di tempat yang dituju.

Di sekolah, Mimi juga mula syak padaku yang aku mulai berkawan dengan Eddie. Aku mula rasa tak sedap hati apabila Eddie berani datang ke sekolah untuk menjemput aku pulang.

"Eddie, sebaiknya kamu jangan datang lagi ke sekolah. Aku tak mahu mereka salah sangka terhadapku," kataku pada Eddie.

"Aku tahu Rina engkau takut mereka menuduhmu yang hati kita masih terjalin," balas Eddie dengan wajah yang serius. Aku merasa ada rahsia di sebalik kata-kata Eddie itu.

**"RINA, mungkin engkau tidak tahu selama ini aku merasa gelisah dan merasa berdosa terhadapmu kerana aku belum menjelaskan padamu kenapa kita terpisah dan kenapa kita putus kasih," kata Eddie sambil memandang wajahku. "Aku tak akan mahu tahu kenapa Eddie. Pokoknya kita sekarang sudah putus. Aku hanya menganggapmu hanya sekadar kawan biasa. Itu sudah cukup!"**

"Rina, mungkin engkau tidak tahu selama ini aku merasa berdosa gelisah dan merasa berdosa terhadapmu kerana aku belum menjelaskannya padamu kenapa kita terpisah dan kenapa kita putus kasih," kata Eddie sambil memandang wajahku.

"Aku tak akan mahu tahu kenapa Eddie. Pokoknya kita sekarang sudah putus. Aku hanya menganggapmu hanya sekadar kawan biasa. Itu sudah cukup!" Kataku mula marah.

"Rina, engkau mesti memberi aku kesempatan untuk aku menerangkan perkara yang sebenarnya. Dalam hal ini memang aku yang bersalah kerana menuduhmu curang kepadaku, aku akui juga yang aku ini bersikap ego. Kini aku menyedarinya." Kata Eddie sambil menundukkan kepalanya.

Aku mula merasa serba salah kerana dalam bicaranya itu mengandungi semacam permintaan yang mungkin tak dapat kupenuhi.

"Rina ketahuilah olehmu sesungguhnya aku masih menyayangimu walau apa pun yang terjadi," kata Eddie penuh perasaan.

"Tapi Eddie, aku tak mungkin dapat menerimamu kerana hatiku masih terluka oleh peristiwa itu namun aku tak menaruh dendam terhadapmu. Percayalah." Kataku dengan suara yang tertahan-tahan.

Dari sejak itu Eddie selalu merayu padaku meskipun aku sudah memberitahu padanya yang hatiku sudah tidak ada lagi untuknya namun dia sentiasa merayu padaku.

"Hello nona manis apa khabarmu," kata Eddie. Hari itu Eddie datang lagi ke rumahku. Entah untuk yang ke berapa kali, aku pun tak tahu.

"Buat apa kamu datang lagi ni. Tak habis-habis kamu mengganggu aku. Apa, kamu nak kena ke....!" Kataku sambil bercekak pinggang.

Eddie hanya tersenyum seperti mengejek diriku. Geram aku bila melihat perangainya itu. Rasa nak kulontar pasu bunga yang ada di hadapanku itu. Baru puas hatiku.

"Hey...jangan marahlah nona manis. Nanti lekas tua tak ada orang nak hendak kamu," kata Eddie memperliku.

"Kalau orang tak suka lagi baik tak menyusahkan diri dan ke mana saja kita pergi tak ada orang yang larang tau....!" Kataku sambil menjulurkan lidahku padanya.

Aku tidak dapat melarikan diri dari Eddie. Akhirnya aku tewas. Aku terpaksa menerimanya dengan hati yang terbuka.

"Rina aku sangat sayang padamu Rina." Kata Eddie.

"Apa betul katamu itu Eddie atau hanya kamu pura-pura kepadaku," kataku padanya.

"Aku tak pernah pura-pura Rina. Aku sangat sayang padamu, kau tahu itu!" Kata Eddie lagi.

"Kau masih tak percaya Rina, aku akan buktikan padamu," kata Eddie sambil berjalan menghampiriku tiba-tiba dia membisikkan sesuatu padaku.

Aku ketawa bila mendengarnya. Adakah patut dia hendak menyanyi di waktu itu sedangkan banyak orang berada di situ. Lalu Eddie pun mula bernyanyi aku fikir dia hanya bergurau tapi rupa-rupanya dia bersungguh-sungguh. "Sejak memandangmu fikiran sering tak menentu, desir angin berlalu....?" Setelah dia habis menyanyi kini aku sedari yang Eddie begitu sungguh-sungguh. Kini aku dan Eddie baru menyedari yang salah sangka itu puncanya sengketa.

## PUISI

### ESOK UNTUK SIAPA?

*Entahlah!*
*Esok untuk siapa?*
*Yang patah pasti bercambah*
*yang mati pasti berganti*
*entah bila-bila*
*mereka bersara*
*antara kita*
*mungkin jua*
*jadi pengganti.*
*Entah-entah*
*esok, lusa atau*
*bila-bila*
*nasib menjelma*
*aku jadi pengganti*
*mereka*
*akan kumusnahkan segala*
*dendammu*
*kerana aku*
*mangsa cakarmu.*

### BETAH MENANTI

*Destinasi ini*
*amat gelita*
*mentari gerhana*
*di ufuk senja.*
*Cuma sisa*
*keimanan*
*dan kesabaran*
*sangkar terkunci*
*aku betah di sini*
*sebentar menanti*
*bulan purnama.*

**FIRDAUS H.N.**
**TEMBURONG.**

### DI PUSARA MAMA

*Sampai kini*
*kemboja yang masih segak*
*setia memayungi pusara mama*
*di tanah perkuburan*
*setelah tiga musim berhijrah pergi*
*pergi yang tidak pasti akan kembali*
*di dalam permusafiran yang abadi*
*menuju jalan ke arah ke Tuhanan Yang Esa.*
*Menjelang hari raya yang mulia*
*bulan kemenangan yang syahdu*
*putera puteri menziarahi pusaramu, mama*
*di sini kami bertafakur*
*di sini kami menghadiahkan*
*Surah Al-Fatihah ummul kitab mulia*
*Surah Yaasiin inti Al-Quran*
*Surah Al-Mulk (Surah Tabarak)*
*memohon berkat dan rahmat pada Ilahi*
*khusus buatmu mama*
*dalam kenangan di ambang Syawal.*
*Semoga Tuhan Yang Penyayang*
*mempertemukan hamba-hamba-Nya*
*di pertemuan yang bahagia*
*di pelabuhan yang abadi*
*di akhirat nanti. Aamin.*

**BAZILAH DARUSSALAM.**

### MENCARI DIRI

*Di dunia dilahirkan*
*manusia beraneka sifat dan kemahuan*
*bergeraklah mengikut hati*
*carilah ilmu pengetahuan dan agama*
*selagi dunia ini luas dan bebas*
*asalkan*
*jangan sampai lupa diri, lupa Pencipta*
*kerana hidup cuma lakonan*
*walau tidak ada pengarah*
*berhati-hatilah memilih watak*
*kerana di dalam watak mencerminkan*
*hakikat diri*
*meski pengadilan tidak di dunia*
*balasan tetap dilaksanakan*
*bila sampai waktunya*
*kita tidak tahu ke mana harus lari!*

**H.MAR.**

انيكا
ANEKA
Pelita Brunei

سنتياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سکيتر ار. تي. بي
SEKITAR RTB

انتوق بيسكيت
UNTUK BISKITA

## APA PENDAPAT AWDA

### KURANGNYA MEMBERIKAN JADUAL LATIHAN/ SENAMAN MENJADI PENYEBAB MENINGKATNYA KES PENYAKIT JANTUNG KORONARI

ADA beberapa sebab terjadinya penyakit jantung koronari. Antaranya ialah pemilihan makanan yang tidak seimbang, tekanan kerja atau stress, merokok dan pemilihan cara hidup masa kini yang mahukan kecepatan tanpa menimbangkan kesan sampingan.

Faktor-faktor ini, walaupun berlainan, memberi kesan parah yang sama terhadap tubuh badan yang akhirnya menjadi penyebab penyakit jantung koronari.

Cara hidup sekarang memaksa orang mengejar masa. Orang tidak mahu berjalan kaki malah lebih selesa memandu kenderaan ke pintu kedai majalah untuk membeli suratkhabar. Suri rumah tidak lagi memarut kelapa dengan menggunakan kukuran. Cukup sekadar menekan suis blender. Orang kampung tidak perlu mengejar ayam di reban sebelum menyembelihnya untuk dimakan. Daging ayam yang sudah dipotong sedia menunggu di pasaraya-pasaraya. Walhal semua kegiatan hidup yang dianggap cara lama itu merupakan senaman yang tidak ketara.

Bersenam itu amat penting dalam kehidupan. Bersenam mengurangkan kalori yang disebabkan oleh berlebihan memakan makanan yang mengandungi kolesterol. Bersenam dapat melonggarkan otot-otot setelah penat bertugas seharian dan bersenam juga boleh meringankan fikiran.

Yang ketara masa ini banyak orang tidak memandang pentingnya senaman apatah lagi untuk menjadualkannya. Kesibukan-kesibukan kerana tuntutan material memaksa banyak orang mengenepikan jadual senaman sehingga keadaan sudah tidak tertolong lagi. Masa itu baharu terasa sebanyak manapun harta tidak dapat mengimbangi badan yang sihat.

Kita semua mempunyai masa yang sama iaitu dua puluh empat jam sehari. Kalau sebelah petang kita terperangkap dengan urusan keluarga kita boleh menjadualkan senaman dengan bangun awal pada sebelah pagi. Kalau itu pun tidak dapat dilaksanakan kita boleh menyisipkan kegiatan senaman yang tidak ketara dalam menjalani tugas harian.

Dengan menyiram bunga atau mencuci kereta sebelah pagi kita sudah melakukan sedikit senaman. Tiba di pejabat jangan gunakan lif untuk sampai ke ofis. Gunakan anak tangga. Lima kali turun naik tangga setiap hari sudah memadai bagi mengurangi beberapa kalori yang berlebihan. Kalau ke pasar sebelah petang cuba paksa diri untuk meletak kenderaan lebih jauh dari tempat yang dituju. Ini memaksa kita untuk melakukan senaman jalan. Mencuci dan menstrika pakaian juga adalah senaman yang tidak ketara. Cuba ambil alih sedikit dari tugasan ini dari pembantu rumah.

Yang utama ialah kesedaran untuk bersenam. Ini amat penting untuk ditanamkan di sanubari semua orang bagi mengurangkan kes penyakit jantung koronari. Kalau sudah timbul kesedaran baharulah diikuti dengan kegiatan-kegiatan. Kegiatan-kegiatan ini pula apabila menjadi perkara rutin akan sendirinya membentuk jadual latihan/senaman.

**Oleh : Hajjah Sofiah binti Beniamin,**
**21 Jalan 31,**
**Lambak Kanan, Berakas 3690.**

Tajuk akan datang ialah : Majlis Korban Beramai-ramai Suatu Amalan Yang Patut Diperluaskan.

Tarikh tutup penyertaan : 22 Jun 1992.

# SEINDAH BAHASA

BAHASA Melayu sudah cukup lama digunakan di negara kita bahkan ianya sudah dijadikan bahasa rasmi bagi Brunei Darussalam ini. Namun yang demikian, sebagai masyarakat yang menggunakannya, apakah kita telah menguasai sepenuhnya bahasa ini?

Mempelajari bahasa ini memang mudah bagi mereka yang ingin tahu terutama bagi orang yang bukan Melayu. Tetapi untuk mendalaminya tidaklah semudah menuturnya bahkan orang Melayu sendiri ada yang tidak mengetahui keseluruhan perkataan-perkataan dalam bahasa Melayu. Adakah semua kata-kata yang kita gunakan atau kita tuturkan itu menepati maksud sebenarnya, kerana dalam bahasa Melayu banyak perkataan yang seakan-akan sama bunyinya tetapi berlainan maksudnya. Kita contohkan saja perkataan 'hemat' dan 'hemah' yang seakan-akan sama bunyi sebutannya tetapi sungguh berbeza erti dan maksudnya. Perkataan 'hemat' bermaksud kesimpulan pemikiran atau pertimbangan fikiran atau pendapat, manakala 'hemah' pula bermaksud rajin, berjiwa tinggi dan beranian. Ada pula perkataan yang seakan-akan sama erti dan maksudnya, tetapi berlainan sebutannya. Contohnya perkataan 'takut', 'gerun' dan 'ngeri'. Sungguhpun mempunyai maksud yang sama tetapi kalau penggunaannya disalahtempatkan, maka maksudnya tidak akan kena. Itulah 'indahnya bahasa Melayu'.

Bahagian Perkhidmatan Melayu Radio dalam menjalankan salah satu matlamat penyiaran iaitu mendidik, telah mendapatkan khidmat seorang pakar dalam bahasa Melayu dari Universiti Brunei Darussalam untuk menjayakan satu terbitan rancangan yang bertajuk 'Seindah Bahasa'. Rancangan yang disiarkan dua kali seminggu itu, iaitu dalam Selamat Pagi hari-hari Jumaat dan Ahad, adalah dihasratkan akan dapat menjadi panduan dan sumber ilmu kepada masyarakat pendengar agar dengannya bertambahlah khazanah kamus bahasa Melayu pada diri kita. Dengan isi kandungan yang padat dimuatkan juga dengan contoh dan misalan yang cukup jelas, rancangan 'Seindah Bahasa' sedaya upaya mengupas sedalam-dalamnya erti dan maksud setiap perkataan yang diutarakan.

Dari contoh perkataan-perkataan yang disebutkan tadi iaitu 'takut', 'gerun' dan 'ngeri', memang tidak ramai yang mengetahui bahawa walaupun maksudnya seakan sama tetapi penggunaannya adalah berbeza. Kalau perasaan takut boleh menyebabkan seorang itu menjerit, tetapi orang yang berasa gerun tidak menjerit kerana gerun itu adalah perasaannya saja ketika dia menghadapi sesuatu umpamanya ketika meniti atas titian yang tinggi. Manakala 'ngeri' pula adalah perasaan kita bila memerhati atau melihat suatu kejadian yang buruk. Takut boleh menyebabkan seorang itu lari, tetapi perasaan gerun hanyalah perasaan dan ngeri membuatkan kita bersimpati.

Perkara seumpama ini kadang-kadang barulah kita mengetahui maksud sebenarnya suatu perkataan itu bila kita terdengar rancangan ini. Makanya 'Seindah Bahasa' akan terus mendidik dan memberitahu agar kita akan lebih mahir dalam penggunaan bahasa Melayu yang menjadi bahasa kegunaan kita sehari-hari baik dalam pertuturan ataupun dalam pesuratan.

# SARANG KELADI




**Bahan-bahannya:**

1 biji keladi
3 sudu besar tepung
½ kati daging
1 biji bawang besar
3 ulas bawang putih
1 tin kecil cendawan butang
2 sudu besar kicap manis
1 sudu besar kicap cair
½ kati rebung rebus
1 biji lobak merah
1 biji lada kapal
1 cawan peas (pis)
1 botol minyak
garam dan serbuk perasa.
Lada putih secukupnya
½ cawan air.

**Cara-cara membuatnya :**

1. Buatkan sarang keladi. Hiris keladi panjang-panjang. Gaulkan dengan 2 sudu besar tepung jagung. Silang-silangkan di dalam penapis, goreng perlahan-lahan.
2. Daging dipotong kecil-kecil. Rebung, lobak merah dan lada kapal dipotong kecil-kecil.
3. Campurkan kicap, garam, lada putih, tepung jagung, 1 sudu besar air dan daging.
4. Panaskan minyak dan tumis bawang besar dan bawang putih.
5. Masukkan daging dan goreng 5 minit. Masukkan rebung, lobak merah dan cendawan. Goreng 2 minit. Campurkan ½ cawan air. Masak perlahan-lahan.
6. Masukkan lada kapal, masak sehingga empuk. Masukkan peas.
7. Susunkan sarang keladi di atas daun salad. Tuangkan isi-nya.

NYA NINI . . . پانيني

## MENGHADAPI MASALAH MINYAK

MENJERNIHKAN minyak menggoreng : Kebanyakan kita membuang saja minyak yang hitam bekas menggoreng. Perbuatan ini sudah tentu membazir.

Untuk menjernihkan semula minyak hitam ini awda boleh menggoreng kerak nasi agak kering ke dalam minyak itu. Biarkan kerak nasi menjadi hitam. Awda akan dapati minyak hitam tadi menjadi jernih dan masih boleh digunakan.

Ikan melekat di kuali : Kadang-kadang bila kita menggoreng ikan, ia melekat di kuali dan sudah tentu merosakkan bentuk ikan. Perkara ini berlaku mungkin kerana minyak belum cukup panas, tetapi sudah digoreng ikan atau mungkin ikan agak lama/buruk.

Untuk mengelakkannya, cuba awda goreng sedikit asam keping/gelugur terlebih dahulu hingga garing. Keluarkan asam gelugur itu dan masukkan pula ikan yang hendak digoreng. Awda akan dapati ikan tidak melekat di kuali dan bentuknya masih cantik.



Sentiasa Bersama Biskita

# MENARIK MINGGU INI

## RAMPAI PAGI

### HARI JUMAAT

**(19 Jun, 8.30 pagi)**

RANCANGAN Rampai Pagi akan menemui awda dengan bahan-bahan yang menarik seperti :

a. Biro Mencegah Rasuah.
b. Dahulu dan Sekarang : Haji Erwan bin Haji Mohd. Said.
c. Alat Kebesaran Diraja.

### HARI AHAD

**(21 Jun, 8.30 pagi)**

BEBERAPA bahan yang menarik akan diutarakan dalam rancangan Rampai Pagi.

a. Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan Dadah.
b. Senaman Aerobik Beramai-ramai.
c. Jawatankuasa Perumahan Lambak Kanan.
d. Memproses Udang Kering.

## LIPUTAN SEMASA

**Rabu 17 Jun**

Syarahan Inaugural sempena Anugerah Profesor Yang Pertama dari UBD.

**Jumaat 19 Jun**

Majlis Muzakarah Sempena Hari Raya Aidiladha.

**Isnin 22 Jun**

Pengawas Kejiranan bagi Kampong Sengkarai, Penabai, Kuala Tutong dan Penanjong.

## LAPORAN DARI TANAH SUCI

**RADIO :**

Tiap-tiap hari jam 5.00 petang.
Jumaat dan Ahad dalam Rancangan Selamat Pagi jam 9.00 pagi.



SIRI menarik Super Force ditayangkan menerusi televisyen Brunei pada hari Selasa 23 Jun jam 10.35 malam.

**SELASA, 23 JUN**

### SUPER FORCE

**'At The End Of The Tunnel' Bhg. I (10.35 malam)**

SIRI yang menarik ini kembali lagi menemui penonton bagi musim kedua. Dalam episod pertama musim kedua ini F.X dalam keadaan dukacita atas kematian Zach. Hungerford memberitahu F.X yang kawan lamanya Zander Tyler boleh menghidupkan Zach, tapi tidak seperti yang asal.

## KUIZ HIJRAH 1992 PERINGKAT SUKU AKHIR

RADIO Televisyen Brunei dengan kerjasama Jabatan Pengajian Islam, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam, sekali lagi menganjurkan Pertandingan Kuiz Hijrah 1413/1992 bagi kali keempat bagi sekolah-sekolah menengah dan maktab.

Rancangan suku akhir akan dapat diikuti siarannya menerusi TV pada tarikh berikut :-

Khamis ( 18 Jun, 1992)

SUKU AKHIR SIRI 4 – Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin bertemu dengan Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan.

Khamis (25 Jun, 1992)

SEPARUH AKHIR SIRI I – Sekolah Menengah Muhammad Jamalul Alam bertemu dengan Ma'had Islam Brunei.

Khamis (2 Julai, 1992)

SEPARUH AKHIR SIRI 2 – Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin bertemu dengan Sekolah Menengah Lambak Kanan.

## PERTANDINGAN BINTANG RTB '92

RADIO Televisyen Brunei sekali lagi menganjurkan Pertandingan Bintang RTB 1992 mulai bulan depan. Pertandingan itu dibahagikan kepada tiga kategori. Kategori I bagi nyanyian solo untuk peserta yang berumur 15 tahun ke atas. Kategori 2 ialah bagi nyanyian kumpulan atau pasangan dengan ramai peserta tidak melebihi 5 orang bagi kumpulan dan berumur 15 tahun ke atas.

Sementara kategori 3 ialah bagi peserta bakat solo, umur tidak dihadkan. Lawak jenaka tidak dipertandingkan.

Setiap peserta atau kumpulan dibenarkan menyertai satu kategori dari tiga kategori yang dipertandingkan.

Juara bagi kategori 1 dan 2 akan menerima hadiah wang tunai sebanyak $2,000.00 tiap-tiap satu. Juara kategori 3 menerima hadiah wang tunai sebanyak $1,500.00.

Borang penyertaan boleh didapati dari Seksyen Hiburan dan Kanak-Kanak TV, Tingkat 4, Jabatan Radio dan Televisyen Brunei pada masa pejabat dibuka dan hendaklah dikembalikan kepada :-

Setiausaha Pertandingan Bintang RTB 1992,
Seksyen Hiburan dan Kanak-Kanak TV,
Jabatan Radio dan Televisyen Brunei,
Bandar Seri Begawan 2042,
Negara Brunei Darussalam.

Borang-borang sudah diisikan dengan lengkap, jelas dan betul hendaklah sampai tidak lewat dari hari Khamis, 16 Julai, 1992 jam 4.00 petang.

## TETAMU SUKAN MINGGU INI

TETAMU Sukan minggu ini akan dimuatkan dengan temuramah bersama Awang Bakar bin Kassim salah seorang pemain sepak takraw dalam tahun 70-an dan kini menjadi pengadil yang diiktiraf oleh ASTAF.

Ikutilah siarannya pada hari Ahad 21 Jun jam 11.45 pagi dan ulangannya pada hari Selasa 23 Jun jam 1.45 petang.



AWANG Bakar bin Kassim berdiri di belakang sekali dari kiri bersama dengan pengadil-pengadil ASTAF yang lain ketika menjadi pengadil Sepak takraw di Sukan Asia Beijing, China 1990.

## Pertandingan Nasyid

PASUKAN nasyid yang telah berjaya memasuki peringkat akhir pertandingan Nasyid yang akan diadakan pada hari Sabtu, 1 Ogos depan.

Pasukan-pasukan tersebut terdiri dari :-

**Bahagian Lelaki :**

Kumpulan Belia-Belia Setia; Kumpulan An-Namirah; Kumpulan Jabatan Penjara Jerudong; Kumpulan Talabul Ummah dan Kumpulan Rijalul Ummah.

**Bahagian Perempuan :**

Kumpulan Ukhuwah; Kumpulan Nasyid Puteri Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan; Kumpulan Beliawanis PERDA Kampong Penanjong, Tutong; Kumpulan Universiti Brunei Darussalam dan Kumpulan Aiman Zafirah.

**ISNIN, 22 JUN**

### SURVIVAL

**'The Tombs Below Aruba' (5.05 petang)**

SURVIVAL minggu ini akan membawa penonton untuk mengetahui kehidupan sejenis serangga yang berkulit keras dan berkepala iaitu 'kumbang'. Untuk terus hidup serangga ini bergantung pada tahi gajah. Kumbang-kumbang ini terpaksa terbang berbatu-batu jauhnya mengikutkan ke mana gajah-gajah pergi.

# Tirai Keluarga

**AHAD, 21 JUN (8.00 MALAM)**

### GERIMIS KASIH

DENGAN barisan pelakon Kasma Diana, Abu Bakar Juah, Norlida Ahmad, Sabree Fadzil, Karim Latiff A.M.N., Khatijah Abu Hassan, Zainuddin Zimbo, Khir Mohd. Noor. Gerimis Kasih mengisahkan dua orang gadis yang berkawan dengan ikrab bermusuhan hanya dengan disebabkan seorang pemuda yang masing-masing mencintainya. Dengan harapan akan dapat memperolehi pemuda tersebut Kak Su mengupah Ayub untuk menganiaya Fadzilah.



SIRI Survival dengan tajuk 'The Tombs Below The Aruba' ditayangkan pada hari Isnin 22 Jun jam 5.05 petang.

انيكا ANEKA Pelita Brunei

سنتياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

# سوسونن رنچاڠن تليبيشن
# susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak meminda susunan rancangan

## سروان سوچي
## Seruan Suci

*(17 Jun)*
**Tajuk : Bayangan Alam Akhirat.**
*(18 Jun)*
**Tajuk : Bayangan Alam Akhirat.**
*(19 Jun)*
**Tajuk : Mensyukuri Nikmat.**
*(20 Jun)*
**Tajuk : Fadilah Mensyukuri Nikmat.**
*(21 Jun)*
**Tajuk : Mementingkan Dunia Punca Kejahatan.**
*(22 Jun)*
**Tajuk : Ihsan.**
*(23 Jun)*
**Tajuk : Memuliakan Jiran dan Tetangga.**

## عمالن۲ سنة
## Amalan-Amalan Sunat

*(17 Jun)*
**Tajuk : Doa Apabila Ditimpa Kesusahan.**
*(18 Jun)*
**Tajuk : Zikir Ketika Menghadapi Kesukaran.**
*(19 Jun)*
**Tajuk : Doa Masuk Tandas (Bilik Air).**
*(20 Jun)*
**Tajuk : Doa Keluar Dari Tandas.**
*(21 Jun)*
**Tajuk : Doa Ketika Takut Atau Terkejut.**
*(22 Jun)*
**Tajuk : Bacaan Memudahkan Membayar Hutang.**
*(23 Jun)*
**Tajuk : Doa Ketika Angin Kencang.**

## Kuliah Subuh

Ceramah mengenai 'Mengingati Mati' dalam 3 siri akan disiarkan pada 22, 23 dan 24 Jun, 1992 yang akan disampaikan oleh Dr. Haji Abdul Aziz bin Haji Hanafi.

## SIRI PILIHAN

### MACGYVER
**'Obsessed'**

*(23 Jun, jam 7.20 malam)*

MACGYVER selalu diganggu fikiran dengan kematian Murdoc dan percaya bahawa Murdoc masih hidup. Ini disebabkan dia selalu bermimpi dan menerima panggilan telefon. Tanpa pengetahuan MacGyver, Delasora dan Murdoc berkerjasama untuk mengambil alih dan menyerbu bandar El Sentorie.

### WILDLIFE ON ONE
**'Mysteries Of The Chinese Cranes'**

*(18 Jun, jam 6.00 petang)*

SIBERIAN Crane adalah salah satu burung-burung yang menarik dan luar biasa sehinggalah kebelakangan ini dianggap sebagai spesis yang membahayakan. Di samping itu satu laporan yang menakjubkan mengenai dengan burung-burung ini datang dari sebuah tempat yang terpencil di China. Beberapa banyaknya? Dari mana datangnya? Tidak seorang pun tahu. Buat pertama kalinya sepasukan pengambil filem hidupan liar pergi ke tempat itu untuk menghuraikan misteri tersebut.

## RABU 17 JUN

**PETANG**

4.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
4.02 AL-QURAN
4.12 SUSUNAN RANCANGAN
4.15 TALESPIN 'Bearly Alive'
4.40 POPEYE CARTOON
5.05 WISHKID 'Grand Of Time'
5.30 HOGAN FAMILY 'Ex Marks The Spot'
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 HOGAN FAMILY — Sambungan
6.00 WIDGET 'That's The Spirit'
6.34 AZAN MAGHRIB
6.39 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
6.45 SERUAN SUCI 'Bayangan Alam akhirat' Bahagian I

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.20 HUMAN TARGET
7.50 AZAN ISYAK
7.55 HUMAN TARGET — Sambungan
8.30 WARTA BERITA
9.05 SUDUT PELITA
9.10 LAPORAN DARI TANAH SUCI
9.20 LIPUTAN SEMASA
9.40 HERMAN'S HEAD '9½ Hours'
10.10 HUNTER 'A Snitch'11 Break Your Heart'
11.00 ROAD TO BARCELONA
11.50 DOA
12.000 SIARAN TAMAT

## KHAMIS 18 JUN

**PETANG**

4.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
4.02 AL-QURAN
4.12 SUSUNAN RANCANGAN
4.15 SESAME STREET
5.10 BABAR 'Babar Returns'
5.35 TORKELSONS 'The Ice Princess'
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 TORKELSONS — Sambungan
6.00 WILDLIFE ON ONE 'Mysteries Of The Chinese Cranes'
6.34 AZAN MAGHRIB
6.39 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
6.42 SERUAN SUCI 'Bayangan Alam Akhirat' Bahagian II

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.20 HIDAYAT
7.50 AZAN ISYAK
7.55 HIDAYAT — Sambungan
8.00 SURAH YASSIIN
8.30 WARTA BERITA
9.05 DUNIA MINGGU INI
9.30 KUIZ HIJRAH
10.20 WAYANG PILIHAN 'The Barbarians'
12.00 DOA
12.10 SIARAN TAMAT

## JUMAAT 19 JUN

**PAGI**

8.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
8.02 AL-QURAN
8.12 SUSUNAN RANCANGAN
8.15 STORY WORLD
8.30 RAMPAI PAGI — Siaran Langsung
9.30 THE NEW ADVENTURES OF THE BLACK BEAUTY
9.55 CERAMAH JUMAAT
10.25 SEKITAR HAL EHWAL UGAMA
11.00 DAY IN THE LIFE
11.30 WARTA BERITA
11.40 THE YOUNG RIDERS 'Born To Hang'
12.30 SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN, BSB

**PETANG**

1.30 BIMBINGAN ISLAM
1.45 SUSUNAN RANCANGAN
1.50 SUKAN DUNIA
2.50 NADASARI — Ulangan
3.25 CAMP CANDY
3.49 AZAN ASAR
3.55 DARKWING DUCK
4.20 STARSTREET ANIMATION
4.45 ASEAN DOCUMENTARY 'Traditional Games' (Singapore)
5.15 FULL HOUSE 'Honey I Broke The.....'
5.40 MARI BELAJAR MENGAJI
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 MARI BELAJAR MENGAJI — Sambungan
6.00 THE CHANGING CITY 'Africa Clay Architecture — Living Without Concrete'
6.34 AZAN MAGHRIB
6.39 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
6.45 SERUAN SUCI 'Mensyukuri Nikmat'

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.20 DRAMA 'Rahsia Hati' Bahagian I'
7.50 AZAN ISYAK
7.55 DRAMA — Sambungan
8.30 WARTA BERITA
9.00 KHUTBAH JUMAAT
9.15 LIPUTAN SEMASA
9.35 DOCUMENTARY — 360 DEGREES 'Dominican Republic'
10.05 FRESH PRINCE OF BEL AIR 'Guess Who's Coming To Marry'
10.35 GOLD
11.25 DOA
11.35 SIARAN TAMAT

## SABTU 20 JUN

**PETANG**

4.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
4.02 AL-QURAN
4.12 SUSUNAN RANCANGAN
4.15 SESAME STREET
5.05 PIRATES OF DARK WATER 'The Collection'
5.30 A DIFFERENT WORLD
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 A DIFFERENT WORLD — Sambungan
6.00 ATTACK OF THE KILLER TOMATOES
6.34 AZAN MAGHRIB
6.39 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
6.45 SERUAN SUCI 'Fadilah Mensyukuri Nikmat'

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.20 MEETING POINT 'Treasure Hunters'
7.50 AZAN ISYAK
7.55 MEETING POINT — Sambungan
8.00 WARTA BERITA
8.30 MUSTIKA SILAM — 'Lain Jalan Ke Syurga'
10.30 PERFECT STRANGERS 'Grand Pa'
11.00 LIFE GOES ON 'The Bigger Picture'
11.50 DOA'
12.00 SIARAN TAMAT

## AHAD 21 JUN

**PAGI**

8.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
8.02 AL-QURAN
8.12 SUSUNAN RANCANGAN
8.15 MARI BELAJAR HADRAH
8.30 RAMPAI PAGI (Siaran Langsung)
9.30 CHILDREN'S WARD
10.00 ZORRO
10.30 CHALLENGE 'Galapagos Challenge'
11.00 BINTANG KECIL 1992 — Ulangan

**TENGAH HARI**

12.00 BERITA TENGAH HARI
12.15 BINTANG KECIL — Sambungan
12.55 SUSUNAN RANCANGAN

**PETANG**

1.00 UEFA CHAMPION CLUBS CUP FINAL
1.50 NATURE BY PROFESSION ' Cayo Santiago : The Island Of The Monkeys'
2.40 TAYANGAN GAMBAR 'Paper Tiger'
3.50 AZAN ASAR
3.55 TAYANGAN GAMBAR — Sambungan
4.15 FUN HOUSE
4.40 CANDID CAMERA INTERNATIONAL
5.10 RENCANA TEMPATAN — Warisan 'Candasan/Kandul'
5.35 WHO'S THE BOSS 'The Unsinkable Tony Micelli'
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 WHO'S THE BOSS — Sambungan
5.55 LITTLE ROSEY
6.35 AZAN MAGHRIB
6.40 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
6.50 SERUAN SUCI 'Mementingkan Dunia Punca Kejahatan'

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.20 ERA 'Sejauh Mana Seni Sastera Merupakan Ibadah Serta Hubungannya Dengan Kehidupan Manusia' Bhg. 2'
7.51 AZAN ISYAK
7.56 ERA — Sambungan
8.00 TIRAI KELUARGA 'Gerimis Kasih'
8.30 WARTA BERITA
9.00 TIRAI KELUARGA — Sambungan
10.00 SUDUT ASIA
10.30 TRUE COLORS — (Episod Akhir)
10.55 CHINA BEACH 'The Call'
11.45 DOA
11.55 SIARAN TAMAT

## ISNIN 22 JUN

**PAGI**

4.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
4.02 AL-QURAN
4.12 SUSUNAN RANCANGAN
4.15 ADVENTURES OF DYNAMO DUCK
4.40 SCHEME OF THINGS 'Secrets Of Survival'
5.05 SURVIVAL 'The Tombs Belows Aruba'
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 SURVIVAL — Sambungan
6.05 ALFRED J. KWAK
6.35 AZAN MAGHRIB
6.40 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
6.50 SERUAN SUCI 'Ikhsan'

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.20 L.A. LAW
7.51 AZAN ISYAK
7.56 L.A LAW — Sambungan
8.30 WARTA BERITA
9.05 LIPUTAN SEMASA
9.25 FAMILY MEDICAL CENTER 'Pertussis/Claustrophobia'
9.50 TAYANGAN GAMBAR 'Father Frost'
11.20 DOA
11.30 SIARAN TAMAT

## SELASA 23 JUN

**PETANG**

4.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
4.02 AL-QURAN
4.12 SUSUNAN RANCANGAN
4.15 WONDERFUL WIZARD OF OZ 'Mombi's Terrible Magic'
4.40 GRUEY — (Final Episod)
5.05 MIGHTY MOUSE AND FRIENDS
5.35 MEDICINAL DRUGS 'Can Herbs Help The Liver'
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 MEDICINAL DRUGS — Sambungan
6.00 PETER PAN AND THE PIRATES
6.35 AZAN MAGHRIB
6.40 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
6.50 SERUAN SUCI 'Memuliakan Jiran Dan Tetangga'

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.20 MACGYVER 'Obsessed'
7.51 AZAN ISYAK
7.56 MACGYVER — Sambungan
8.30 WARTA BERITA
9.05 BERBALAS PANTUN — (Siri Baru)
9.35 ARENA SUKAN
10.30 SUPERFORCE SR. 2 (Siri Baru) 'At The End Of The Tunnel' Bahagian I
10.40 DARK JUSTICE 'Forbea For The Defense'
11.50 DOA
12.00 SIARAN TAMAT

انيكا ANEKA Pelita Brunei

## Belia dan Sukan بليا دان سوكن

# Pasukan PERKASA 'A' juarai kejohanan sepak takraw

PASUKAN PERKASA 'A' muncul sebagai juara setelah menewaskan pasukan lawan AKSE 'A' dalam Kejohanan Sepak Takraw anjuran Angkatan Kampong Setia (AKSE) Seluruh Negara yang berlangsung di Gelanggang Darul Muslim, Kampong Setia 'A' pada 5 Jun yang lalu.

Pasukan PERKASA 'A' dibarisi oleh Awang Asdini bin Asmat sebagai tekong, apit kanan Awang Osman bin Haji Besar dan apit kiri Awang Tahir bin Abdullah. Sementara pasukan AKSE 'A' pula dibarisi oleh Awang Yunus bin Haji Tapa sebagai tekong, apit kanan Awang Mustafa bin Haji Mohammad Salleh dan apit kiri Awang Said bin Haji Mat Zin.

Pasukan PERKASA 'A' telah menewaskan AKSE 'A' dengan rubber set dengan kiraan mata 15-12, 6-15 dan 15-7.

Sementara tempat ketiga dimenangi oleh pasukan AKSE 'B'.

Sebanyak 26 buah pasukan telah mengambil bahagian dalam kejohanan ini yang terdiri dari jabatan-jabatan kerajaan, persatuan-persatuan belia, mukim-mukim dan kampung-kampung yang disempenakan dengan sambutan jubli perak dan merupakan projek tahunan Angkatan Kampong Setia (AKSE).

Kejohanan ini telah bermula pada 31 Mei yang lalu dengan tujuan untuk memilih para pemain yang berpotensi bagi diserapkan ke dalam pasukan kebangsaan.



PASUKAN PERKASA 'A' muncul sebagai juara dalam Kejohanan Sepak Takraw Seluruh Negara anjuran Angkatan Kampong Setia (AKSE) ketika menerima piala kemenangan mereka yang disampaikan oleh Yang Dipertua AKSE, Awang Haji Ariffin bin Haji Hassan. — Gambar oleh Abdullah HAD.



PENGARAH Penerangan, Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah ketika menyampaikan hadiah kepada para pemenang dalam sukan tahunan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin yang berlangsung di padang maktab tersebut. — Gambar oleh Abdullah HAD.

# Kegiatan sukan di sekolah perlu diberi perhatian

Oleh Aliddin HM

KEGIATAN sukan di sekolah-sekolah bukanlah merupakan pilihan atau pembuangan masa kepada penuntut tetapi satu keperluan dan kepentingan yang mesti diberikan perhatian oleh penuntut-penuntut.

Di dalam dunia persekolahan matlamat yang hendak dicapai ialah, di samping untuk melahirkan kaum intelek dan terpelajar tetapi juga untuk melahirkan tubuh-tubuh yang cergas dan sihat seimbang dengan kecerdasan otak sebagaimana pepatah Melayu ada menyatakan bahawa 'Otak yang cerdas terletak di badan yang sihat'. Jika kita amati ungkapan ini adalah nyata bahawa belajar dan bersenam atau bersukan itu, satu saudara kembar yang tidak boleh dipisahkan.

Perkara ini telah dijelaskan oleh Pengarah Penerangan, Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah di Majlis Pembukaan Rasmi Sukan Tahunan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin yang berlangsung di padang maktab tersebut pada 30 Mei yang lalu.

Awang Haji Hazair menjelaskan bahawa kegiatan bersukan bukan sahaja ditumpukan kepada peringkat sekolah rendah dan menengah tetapi juga diberikan keutamaan di peringkat pengajian tinggi dan universiti.

Malahan di kalangan universiti-universiti yang terkemuka dan terkenal tambah Awang Haji Hazair, penglibatan yang aktif dalam sukan adalah menjadi salah satu kelayakan untuk memasukinya dan diberikan keutamaan.

"Hendaklah difahami oleh penuntut-penuntut, di dalam menggerakkan pembangunan negara tenaga-tenaga kerja yang diperlukan bukan sahaja setakat berpelajaran dan berkemahiran tetapi tenaga-tenaga itu juga perlu sihat dan cergas fizikal mereka," ujar Awang Haji Hazair.

Kumpulan tenaga yang cergas dan sihat ini jelas Awang Haji Hazair, perlu dibentuk di peringkat awal-awal lagi iaitu sejak di bangku sekolah, terutama sekali dalam era serba-serbi automatis dan 'remote control', makanan segera, komputer, video games dan masa banyak dihabiskan di hadapan televisyen. Kita perlu mengamalkan tabiat suka bersenam dan bersukan bagi menghindarkan penyakit-penyakit pembunuh utama dewasa ini yang berpunca dari badan yang kurang pergerakan dan mengeluarkan peluh seperti penyakit jantung koronari, darah tinggi dan strok.

Awang Haji Hazair menambah, di samping dapat membentuk kesihatan dan kecerdasan fizikal dan mental, penglibatan dalam kegiatan sukan juga dapat mendisiplinkan, dan membentuk keunggulan keperibadian penuntut, sama ada sebagai seorang individu mahupun secara berkumpulan. Antara lain ialah melatih para penuntut kepada semangat teamwork dan setiakawan serta bertanggungjawab kepada organisasi.

Semangat bersaing yang sihat terdapat di dalam bersukan menjadikan penuntut berjiwa besar dan semangat waja di dalam mengejar cita-cita dan apabila mereka menjadi dewasa dan melangkah ke alam pekerjaan kelak. Sementara sikap untuk sentiasa membuat sesuatu dengan hasil yang memuaskan dan mencapai kejayaan cemerlang secara berkumpulan akan menjadikan penuntut warga yang komited kepada tugas dan tanggungjawab, bersatu padu di samping sentiasa memberikan perhatian kepada masyarakat keliling mereka, kata Awang Haji Hazair.

Pada umumnya kata Awang Haji Hazair, sekolah adalah merupakan sebagai institusi formal, selepas pendidikan di rumah, bagi mereka untuk membentuk sikap diri serta mengasuh kebolehan dan bakat. Sekolah juga adalah tempat penuntut menjalani proses sosialisasi dan berinteraksi di dalam organisasi dengan mengikut lunas-lunas disiplin dan peraturan-peraturan yang tertentu yang dikenakan kepada semua tanpa mengira latar belakang sosial para penuntut.

"Oleh yang demikian bagi penuntut-penuntut yang beranggapan disiplin dan peraturan sekolah tidak perlu diikuti dan dihormati dan lebih cenderung kepada citarasa sendiri, mereka sudah terkeluar daripada etika dan norma seorang penuntut. Penuntut-penuntut seperti ini tidak lagi dikira sebagai penuntut dalam erti kata penuntut yang sebenar," tegas Awang Haji Hazair.

Seorang penuntut yang berjaya jelas Awang Haji Hazair, seharusnya mempunyai cita-cita dan jiwa yang besar serta sentiasa berusaha mengejar cita-cita dengan penuh keazaman dan ketekunan. Mereka yang berjiwa kerdil dan tidak punya cita-cita yang kuat akan mudah patah dan tewas di separuh jalan persekolahan.

Dalam waktu menjadi seorang penuntut tambah Awang Haji Hazair, sekolah bukanlah merupakan sebagai tempat persinggahan untuk berada di luar rumah buat seketika, ataupun tempat menantikan cukup umur untuk mendapatkan pekerjaan atau meninggalkan bangku sekolah, akan tetapi setiap penuntut mempunyai tanggungjawab pada mengejar cita-cita mereka sendiri untuk menjadi orang yang berjaya dan sempurna dan juga memenuhi harapan ibu bapa dan negara untuk melihat mereka menjadi orang yang berguna, berilmu pengetahuan, beriman dan bermaruah dan seterusnya dapat menjadi tenaga penerus dan pelapis dalam menggerakkan jentera pembangunan dan pentadbiran negara di samping memikul dan mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan bangsa dan negara.

Awang Haji Hazair seterusnya berkata, dalam mengejar cita-cita dan memenuhi harapan yang diletakkan kepada mereka, tidak terdapat jalan mudah atau 'short cut' bagi memenuhinya melainkan dengan pengorbanan dan ketabahan seperti kata pepatah Melayu 'Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ketepian, bersakit-sakit dahulu bersenang-senang kemudian' dan Tidak bulat datang menggolek dan yang pipih datang melayang'.

Awang Haji Hazair berharap para penuntut akan merenungkan dan mengambil iktibar daripada peribahasa tersebut dan jadikan sebagai sandaran dan dorongan dalam persekolahan.

Rumah Maharajalela berwarna kuning muncul sebagai juara keseluruhan setelah mengalahkan tiga buah rumah yang lain dalam acara sukan tahunan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin di antara rumah-rumah.

Rumah Kerma Indera berwarna hijau menduduki tempat kedua dan Rumah Bendahara berwarna merah di tempat ketiga dan Rumah Pemancha di tempat keempat.

# Negara anggotai ISTAF, ASTAF

PERSATUAN Sepak Takraw Negara Brunei Darussalam (PESTABARU) telah dipilih menganggotai Jawatankuasa Tertinggi Persekutuan Sepak Takraw Antarabangsa (ISTAF) dan Ahli Jawatankuasa Persekutuan Sepak Takraw Asia (ASTAF) dalam Mesyuarat Agung Dwitahunan ASTAF dan Mesyuarat Penubuhan ISTAF di Bangkok, Thailand baru-baru ini.

PESTABARU dalam kedua-dua jawatankuasa itu diwakili oleh Yang Dipertuanya, Pengiran Haji Alihassan bin Pengiran Dato Seri Laila Jasa Haji Abas.

Menurut Timbalan Yang Dipertua PESTABARU, Awang Haji Tuah bin Noordin yang juga menghadiri mesyuarat itu, mesyuarat berkenaan diadakan setiap dua tahun sekali yang akan menentukan penerimaan permohonan dari negara-negara yang ingin menjadi ahli-ahli baru dalam ISTAF dan ASTAF.

"Penetapan dan pengiktirafan sesuatu kejohanan antarabangsa juga diputuskan dalam jawatankuasa itu," jelas Awang Haji Tuah.



YANG Dipertua PESTABARU, Pengiran Haji Alihassan bin Pengiran Dato Seri Laila Jasa Haji Abas.

# IKLAN-IKLAN اعلان-اعلان

## JABATAN BANDARAN TUTONG
## KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa untuk membekalkan kenderaan yang berikut di bawah ini bagi Jabatan Bandaran Tutong.

1. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran dialamat :-

   Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 4,
   Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce,
   Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

2. Tawaran-tawaran hendaklah diterima tidak lewat daripada 23 Jun, 1992 jam 12.00 tengah hari pada hari Selasa, tawaran-tawaran yang lewat diterima daripada tarikh, masa dan waktu yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Tawaran yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat yang tersebut di atas.
4. Specification tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi daripada Pejabat Bandaran Tutong.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap penawar yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bonafide tender).
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

**Bilangan Tawaran : 1/1992.**

**MEMBEKALKAN (2) BUAH TRAK SAMPAH**

**Cagaran Tawaran : $500.00**

## JADUAL PERPUSTAKAAN BERGERAK

| TEMPAT PERHENTIAN | TARIKH | HARI | MASA | TARIKH MENGEMBALIKAN |
|---|---|---|---|---|
| Sekolah Rendah Serasa | 17.6.92 | Rabu | 9.45 — 10.15 pagi | 1.7.92. |
| Sekolah Rendah Mentiri | 17.6.92 | Rabu | 10.30 — 11.00 pagi | 1.7.92. |
| Sekolah Rendah Sultan Abdul Bubin Sungai Besar | 17.6.92 | Rabu | 11.15 — 12.00 t/hari | 1.7.92. |
| Sekolah Rendah Haji Mohd Yusof, Katimahar | 20.6.92 | Sabtu | 8.30 — 9.30 pagi | 4.7.92. |
| Penjara Jerudong | 20.6.92 | Sabtu | 9.45 — 10.45 pagi | 4.7.92. |
| Sekolah Rendah Mulaut | 20.6.92 | Sabtu | 11.00 — 12.00 t/hari | 4.7.92. |
| Sekolah Rendah Birau (Ugama) | 20.6.92 | Sabtu | 1.30 — 2.30 petang | 4.7.92. |
| Sekolah Rendah Kiudang (Ugama) | 20.6.92 | Sabtu | 2.45 — 3.45 petang | 4.7.92. |
| Sekolah Rendah Lamunin (Ugama) | 20.6.92 | Sabtu | 4.00 — 5.00 petang | 4.7.92. |
| Sekolah Rendah Kiarong | 22.6.92 | Isnin | 8.30 — 9.30 pagi | 6.7.92. |
| Sekolah Rendah Mata-Mata Gadong | 22.6.92 | Isnin | 9.45 — 10.45 pagi | 6.7.92. |
| Sekolah Rendah Hj. Mohd. Salleh Sungai Hancing | 22.6.92 | Isnin | 8.45 — 9.45 pagi | 6.7.92. |
| Sekolah Rendah Tutong | 22.6.92 | Isnin | 10.00 — 10.30 pagi | 6.7.92. |
| Sekolah Rendah Binturan | 22.6.92 | Isnin | 10.45 — 11.45 pagi | 6.7.92. |
| Sekolah Rendah Delima Satu | 23.6.92 | Selasa | 9.15 — 10.15 pagi | 7.7.92. |
| Sekolah Rendah Anggerek Desa | 23.6.92 | Selasa | 10.30 — 11.00 pagi | 7.7.92. |
| Sekolah Rendah Hj. Mohd Jaafar, Kiulap | 23.6.92 | Selasa | 2.45 — 3.15 petang | 7.7.92. |
| Sekolah Rendah Sengkurong (petang) | 23.6.92 | Selasa | 3.30 — 4.40 petang | 7.7.92. |
| Sekolah Rendah Telisai, Tutong | 17.6.92 | Rabu | 9.45 — 10.45 pagi | 1.7.92. |
| Sekolah Rendah Labi, Belait, | 18.6.92 | Khamis | 9.45 — 10.45 pagi | 2.7.92. |
| Sekolah Rendah Rampayoh, Belait | 18.6.92 | Khamis | 11.00 — 12.00 T/hari | 2.7.92. |
| Sekolah Rendah Sungai Liang | 23.6.92 | Selasa | 9.45 — 10.45 pagi | 7.7.92. |
| Sekolah Rendah Puni | 17.6.92 | Rabu | 9.00 — 10.00 pagi | 1.7.92. |
| Sekolah Rendah Bukok | 17.6.92 | Rabu | 10.15 — 11.15 pagi | 1.7.92. |
| Sekolah Rendah Kenua | 20.6.92 | Sabtu | 9.00 — 10.00 pagi | 4.7.92. |
| Sekolah Rendah Semabat | 20.6.92 | Sabtu | 10.15 — 11.15 pagi | 4.7.92. |
| Sekolah Rendah Sultan Hashim Batu Apoi | 22.6.92 | Isnin | 9.30 — 10.30 pagi | 6.7.92. |

# PAT-PAT GULAMBIR



### SOALAN

1. Gambar ini diambil dari sudut tertentu, sebutkan apakah nama lengkap bangunan ini?
2. Di daerah manakah letaknya bangunan ini?

### SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

### HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya dihadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
2. PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti kemeja T; alatulis atau buku-buku.
3. Gambar comel alai akan disiarkan dalam PELITA BRUNEI di ruangan Pat-Pat Gulambir.

### TARIKH TUTUP

1. Hantarlah borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

### BORANG JAWAPAN

**Pat-Pat Gulambir ........**

Jawapan :

1. ..........................................................

2. ..........................................................

Nama : ____________________
____________________

Umur : ____________________

Alamat : ____________________
____________________
____________________

Telefon rumah (jika ada) : ____________________

Sekolah : ____________________
____________________

Hantarlah borang jawapan alai:

Kepada,
Ruangan Alai,
Pat-Pat Gulambir, 24,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Jalan Stoney, Bandar Seri Begawan 2041,
Negara Brunei Darussalam.

## NAMA PEMENANG PAT-PAT GULAMBIR KELUARAN 27 MEI, 1992

Jawapan Pat-Pat Gulambir keluaran 27 Mei, 1992 ialah **Bangunan Pejabat Perkhidmatan Elektrik, Tutong di Daerah Tutong.**

Mereka yang berjaya memenangi hadiah setelah dijalankan undian ialah :

HIMASAHRIN BIN BARAHIM
NO. 246 KAMPONG DANAU,
TUTONG 5985,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
UMUR : 9 TAHUN
SEKOLAH RENDAH DANAU, TUTONG

ZUL HILMI BIN BUSRAH
NO. 10 SIMPANG 37 JALAN PALU,
KAMPONG PENANJONG TUTONG,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
UMUR : 10 TAHUN
SEKOLAH RENDAH PENANJONG TUTONG

LUHAZEMI DATANG
NO. 6 BLOCK A JALAN SG. BESAR,
TUTONG 5082,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
UMUR :12 TAHUN
SEKOLAH MENENGAH MUDA HASHIM TUTONG

# IKLAN-IKLAN اعلان-اعلان

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1 **PENOLONG PENJADUAL**
**(DI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN)**
(Bilangan Kod : 110 08-321)
**Tanggagaji** : C.1 EB. 2 $1,280 – $1,930 sebulan.
**Kelayakan :**
a) i) Higher National Certificate/BEC Higher Certificate dalam Computer Studies atau yang sebanding dengannya

ATAU

ii) Ordinary National Diploma/BTEC National Diploma/Certificate Computer Studies atau yang sebanding dengannya serta mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman dalam kerja-kerja Penjadualan (Programming).
iii) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan dalam jawatan-jawatan yang berkaitan dan tugas-tugas Penjadualan dalam Bahagian IV sekurang-kurangnya selama 5 tahun.
b) Pemohon yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam PC Operating System, Data Base Management system, Spread Sheet dan Word Processing Programme akan diberikan keutamaan.

2) **JURUTAYANG KANAN**
**(DI JABATAN PENERANGAN, JABATAN PERDANA MENTERI)**
(Bilangan Kod : 086 86 - 241)
**Tanggagaji** : C.1 EB.2 $1,280 – $1,930 sebulan.
**Kelayakan :**
a) i) Higher National Certificate dalam bidang yang bersesuaian atau yang sebanding dengannya.

ATAU

ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan dalam Bahagian IV dalam jawatan yang berkaitan sekurang-kurangnya selama 5 tahun.
b) Berpengalaman dalam membaiki kerosakan-kerosakan kecil wayang gambar dan alat pembesar suara.
c) Boleh menayangkan wayang gambar dan menyediakan alat pembesar suara secara bersendirian.

**Tugas-Tugas dan Tanggungjawab :**
Mengetuai dan mengatur kerja khususnya pertunjukan wayang gambar dan alat-alat pembesar suara serta mengawasi alat-alat perkakas supaya dalam keadaan dapat digunakan pada bila-bila masa diperlukan dan teratur.

3) **PENGENDALI KOMPUTER**
**(DI JABATAN PERBENDAHARAAN, KEMENTERIAN KEWANGAN)** (Bilangan Kod : 097 34 – 221)
**Tanggagaji** : D.3 EB 4 - 5 $900 - $1,625 sebulan.
**Kelayakan :**
a) Ordinary National Certificate dalam bidang komputer atau yang sebanding.
b) i) Satu (1) mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya serta sekurang-kurangnya mempunyai 3 tahun pengalaman dalam bidang berkaitan.

ATAU

ii) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya dan sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan dalam jawatan yaeng bersesuaian tidak kurang dari 5 tahun.
c) Bagi kelayakan b) i) dan ii) pemohon-pemohon mestilah pernah menjalani kursus Sijil Komputer bagi tempoh tidak kurang dari 1 tahun.

4) **PEGAWAI LUAR PENERANGAN**
**(DI JABATAN PENERANGAN, JABATAN PERDANA MENTERI)**
(Bilangan Kod : 014 15 – 914)
**Tanggagaji** : D.1 - 2 - 3 EB.4 - 5 $530 – $1,625 sebulan.
**Kelayakan :**
a) Satu (1) mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

ATAU

b) i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei dan telah berkhidmat dengan kerajaan tidak kurang dari 3 tahun.
ii) Berpengalaman dengan kerja-kerja Penerangan.

**Tugas-Tugas dan Tanggungjawab :**
Mengatur dan membuat rancangan wayang gambar serta laporannya. Memberi syarahan ke kampung-kampung dan bersedia untuk bertugas di pedalaman pada bila-bila masa dikehendaki.

5) **i) MEKANIK (KENDERAAN)**
**(DI KEMENTERIAN PERTAHANAN)**
(Bilangan Kod : 104 84 – 352)
**ii) MEKANIK KENDERAAN**
**(DI PEJABAT DAERAH BRUNEI DAN MUARA, KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI)**
(Bilangan Kod : 024 84 – 352)
KELAYAKAN DAN TANGGAGAJI NO: 5) (i) dan (ii) ADALAH SEPERTI BERIKUT:
**Tanggagaji** : E.3 EB. 4 $660 – $875 sebulan.
**Kelayakan :**
a) City and Guilds Trade Certificate dalam Kejuruteraan Automotife atau kelulusan yang sebanding dengannya dan mempunyai pengalaman yang bersesuaian dalam pemeliharaan kedua-dua kenderaan ringan dan berat sekurang-kurangnya 2 tahun.

ATAU

b) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan atau swasta sebagai pekerja dalam bidang kerja mekanik.

**Tambahan Kelayakan Di Pejabat Daerah Brunei dan Muara :**
c) Mestilah boleh membaiki kerosakan kenderaan atau jenis Trak, 4WD, Bas, Pick-up termasuk enjin-enjin mesin rumput dan kenderaan-kenderaan yang berat seperti Caterpiller, Grader, Roller, Wheel Loader.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab Di Pejabat Daerah Brunei dan Muara :**
a) Bertanggungjawab memelihara/memastikan bahawa kenderaan-kenderaan kepunyaan jabatan dan kerosakan kenderaan yang telah dibaiki adalah dalam keadaan selamat untuk digunakan.
b) Menghadapkan laporan-laporan kerja dan kerosakan kenderaan kepada Ketua Bahagiannya.

6) **PENJAGA KESELAMATAN GUDANG**
**(DI JABATAN PELABUHAN, KEMENTERIAN PERHUBUNGAN)**
(Bilangan Kod : 076 58 – 993)
**Tanggagaji** : F. 3- 4 EB. 5 $515 – $700 sebulan.
**Kelayakan :**
a) Umur lebih daripada 25 tahun.
b) Mempunyai pengalaman yang luas dalam tugas-tugas yang berkaitan dengan penjaga atau penjaga keselamatan atau seseorang yang mempunyai latar belakang dalam kerja-kerja keselamatan dengan pihak polis atau tentera. Berpengetahuan dalam Bahasa Inggeris.
c) Mempunyai perwatakan dewasa, penglihatan dan pendengaran yang baik adalah satu keutamaan.

**Tugas-Tugas dan Tanggungjawab :**
a) Tugas-tugas sebagai Penjaga adalah termasuk 24 jam sehari bergilir-gilir.
b) Memeriksa orang ramai, kenderaan-kenderaan dan barang-barang yang masuk/keluar dari kawasan gudang.

7) **PEMANDU MOTOR SANGKUT TINGKAT I**
**(DI KEMENTERIAN KESIHATAN)**
(Bilangan Kod : 113 98 – 156)
**Tanggagaji** : F. 3 - 4 - 5 EB. 6 $550 – $790 sebulan.
**Kelayakan :**
a) Berumur 25 tahun ke atas.
b) i) Lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei.

ATAU

ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan sebagai Pemandu Motor Sangkut Tingkat II tidak kurang dari 3 tahun.
c) Mempunyai tubuh badan yang sihat dan penglihatan yang baik dan hendaklah pandai berenang.
d) Mempunyai pengetahuan yang luas terhadap selok-belok perairan dan sungai-sungai di Negara Brunei Darussalam.
e) Berpengalaman dalam membantu kecemasan adalah merupakan satu kelebihan.

**Tugas-Tugas dan Tanggungjawab :**
a) Memandu motor sangkut ke mana-mana saja seperti yang diarahkan.
b) Bertanggungjawab dalam menjaga kebersihan dan keselamatan motor sangkut dan perahu dan memastikan yang ianya sentiasa berada di dalam keadaan baik.
c) Mencatat semua perjalanan dan melaporkan setiap kerosakan yang berlaku ke atas motor sangkut.

8) **TUKANG LUKIS**
**(DI PEJABAT DAERAH BRUNEI DAN MUARA, KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI)**
(Bilangan Kod : 024 03 – 296)
**Tanggagaji** : E. 1 - 2 - 3 EB. 4 $515 – $875 sebulan.
**Kelayakan :**
a) i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei.

ATAU

ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan sebagai Tukang Lukis atau Tukang Pelan tidak kurang dari 5 tahun.

9) **MANDUR**
**(DI PEJABAT UKUR, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN)**
(Bilangan Kod : 094 70 – 103)
**Tanggagaji** : F. 2 - 3 - 4 EB. 5 $495 – $700 sebulan.
**Kelayakan :**
Mempunyai pengalaman serta pengetahuan yang luas dalam kerja-kerja mandur dan pengawasan buruh sekurang-kurangnya 5 tahun.

10) **PEMBERSIH**
**(DI JABATAN BIRO KAWALAN NARKOTIK, JABATAN PERDANA MENTERI)** (Bilangan Kod : 077 55 – 293)
**Tanggagaji** : F. 1 - 2 - 3 EB. 4 $445 – $650 sebulan.
**Kelayakan :**
a) Berumur di antara 30 hingga 45 tahun dan tahu menulis dan membaca.
b) Berbadan sihat dan telah mempunyai pengalaman yang luas sebagai Pembersih.
c) Tinggal di kawasan yang berdekatan merupakan satu kelebihan.

**Tugas-Tugas dan Tanggungjawab :**
a) Membersihkan di dalam atau luar Pejabat Biro Kawalan Narkotik.
b) Membantu menyediakan minuman semasa mesyuarat-menyuarat yang diadakan di Biro Kawalan Narkotik.
c) Melaksanakan kerja-kerja lain yang diarahkan dari masa ke semasa oleh Pengarah/Timbalan Pengarah Biro Kawalan Narkotik.

11) **ATENDAN PELABUHAN**
**(DI JABATAN PELABUHAN KEMENTERIAN PERHUBUNGAN)**
(Bilangan Kod : 076 97 – 110)
**Tanggagaji** : F. 1 - 2 - 3 - 4 EB. 5 $445 – $700 sebulan.
**Kelayakan :**
a) Berumur di antara 18 hingga 45 tahun dan lulus sekurang-kurangnya Tingkatan I atau yang sebanding dengannya.
b) Mereka mestilah berbadan sihat dan mempunyai kecenderungan dalam kerja luar.
c) Pengalaman sebagai Pembersih atau Tukang Kebun adalah satu Keutamaan.
d) Tinggal di Kawasan Muara adalah diutamakan.

**Am :**
Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**
Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Tutup : 30 Julai, 1992**
**Bilangan Pendaftaran : 29/1992 Rujukan (E/2030/91)**

## DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS

No. 260/1989

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Haji Musa bin Mohd. Said @ Md. Said. No. 11, Kampong Lubok Pulau, Tutong, Negara Brunei Darussalam kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Siradin bin Tangguan yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah cucu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Tutong pada 24 Jun, 1992, pada jam 9.30 pagi.

Bertarikh 4 Jun, 1992

No. 20/1991

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Mohd. Taib bin Muda @ Taib. No. 4A, Kampong Birau, Tutong, Negara Brunei Darussalam kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Muda bin Kanai yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Tutong pada 24 Jun, 1992, pada jam 9.30 pagi.

Bertarikh 4 Jun, 1992

No. 29/1991

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Hj. Gharif bin Hussin, d/a. Zanudin bin Haji Tuah, Pejabat Kemajuan Kerjasama, Tutong, Negara Brunei Darussalam kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Hajjah Banun binti Jumaat @ Jumat yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Tutong pada 24 Jun, 1992, pada jam 9.30 pagi.

Bertarikh 4 Jun, 1992

No. 30/1991

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Siti Zubaidah binti Awang Hamzah, No. 3, Kampong Lubok Pulau, Tutong, Negara Brunei Darussalam kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Hamzah bin Labai @ Hamzah bin Labai Abd. Rahman yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Tutong pada 24 Jun, 1992, pada jam 9.30 pagi.

Bertarikh 4 Jun, 1992

No. 68/1992

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Awang Haji Mohamad bin Maidin kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Jabaidin bin Merasan/Merhasan @ Maidin @ Mohiddin bin Hassan yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 30 Jun, 1992, pada jam 9.15 pagi.

Bertarikh 30 Mei, 1992

**PERINGATAN:**

**Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.**

**Seniapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris, Bandar Seri Begawan, dan Tutong sebelum tarikh yang tersebut di atas.**

# IKLAN-IKLAN اعلان-اعلان

## PEMBERITAHUAN

**Wang Cagaran Kontrek (Tender Deposit)**
**Yang Tidak Dituntut Lebih 5 tahun pada 31 Disember, 1991**

Adalah dengan ini sukacita dimaklumkan kepada pemborong-pemborong yang berkenaan bahawa Jabatan Perkhidmatan Eletrik, Negara Brunei Darussalam masih menyimpan wang-wang cagaran kontrek yang belum ditunut lebih lama tahun keatas seperti di senaraikan dibawah ini.

Oleh yang demikian pemborong-pemborong yang ada tercatat dalam senarai tersebut dikehendaki membuat tuntutan wang cagaran berkenaan dengan membawa resit-resit resmi asal kepada Jabatan Perkhidmatan Elektrik (Bahagian Kewangan) di Tingkatan I, Bangunan Suruhjaya Perkhidmatan Awam, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan pada waktu pejabat di buka. Semua tututan hendaklah di buat tidak lewat 2 minggu dari tarikh pemberitahuan ini di kluarkan Mana-mana Wang Cagaran yang tidak di tuntut pada masa di tentukan tidak akan di bayar dan akan di ambil (forfeited) dan di pindah kepada hasil rampaian Kerajaan.

## JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SENARAI WANG CAGARAN (TENDER DEPOSIT) LEBIH 5 TAHUN KE ATAS YANG TIDAK DITUNTUT PADA 31.12.1991

| NO. BERSIRI | BIL RESIT | JUMLAH | TARIKH | NAMA PENYIMPAN WANG |
|---|---|---|---|---|
| 332/81 | 382326 | 500.00 | 28/09/81 | Kwek Engineering Co |
| 336/81 | 382330 | 200.00 | 30/09/81 | Friendly Electrical Co |
| 343/81 | 382337 | 200.00 | 03/10/81 | Lobi Electrical & Engineering Co |
| 345/81 | 382339 | 200.00 | 05/10/81 | Capital Air Conditioning & Engineering Co |
| 359/81 | 382353 | 200.00 | 26/10/81 | Carrier (SINGAPORE) Pte Ltd |
| 387/81 | 383006 | 100.00 | 07/10/81 | BMS Engineering Co |
| 360/81 | 382354 | 500.00 | 03/11/81 | Saho General Contractor |
| 362/81 | 382356 | 200.00 | 14/11/81 | Cheng Kong Electrical Co |
| 368/81 | 382362 | 100.00 | 17/11/81 | New Union Electric Co |
| 373/81 | 382367 | 200.00 | 19/11/81 | BMS Engineering Co & Partners |
| 374/81 | 382368 | 300.00 | 19/11/81 | BMS Engineering Co & Partners |
| 400/81 | 382394 | 300.00 | 21/11/81 | Cheng Kong Electrical Co |
| 401/81 | 382395 | 200.00 | 21/11/81 | Paramount (B) Pte Ltd |
| 402/81 | 382396 | 300.00 | 21/11/81 | Paramount (B) Pte Ltd |
| 435/81 | 623129 | 300.00 | 24/11/81 | Sharikat Bersatu Maju |
| 449/81 | 623144 | 300.00 | 30/11/81 | Auto Engineering Pte Ltd |
| 451/81 | 623146 | 300.00 | 30/11/81 | Ting Sii King Electric Co |
| 452/81 | 623147 | 200.00 | 30/11/81 | Ting Sii King Electric Co |
| 453/81 | 623148 | 100.00 | 30/11/81 | Ting Sii King Electric Co |
| 454/81 | 623149 | 300.00 | 30/11/81 | Ting Sii King Electric Co |
| 459/81 | 623154 | 200.00 | 01/12/81 | Carrier (SINGAPORE) Pte Ltd |
| 464/81 | 623159 | 300.00 | 09/12/81 | Sharikat Haji Mat Noor |
| 466/81 | 623161 | 200.00 | 09/12/81 | Sharikat Haji Mat Noor |
| 477/81 | 623172 | 200.00 | 21/12/81 | Wong Kim Sui |
| 479/81 | 623174 | 200.00 | 23/12/81 | Brunei Electrical Co |
| 4/82 | 623182 | 200.00 | 04/01/82 | Kon Kim Electrical Co |
| 20/82 | 623198 | 500.00 | 28/01/82 | Kon Kim Electrical Co |
| 28/82 | 752206 | 200.00 | 02/09/82 | Victory Electrical Co |
| 29/82 | 752207 | 200.00 | 09/02/82 | Auto Engineering Pte Ltd |
| 41/82 | 752219 | 100.00 | 22/02/82 | Friendly Electrical Co |
| 56/82 | 752234 | 400.00 | 10/03/82 | Guya Co |
| 61/82 | 752239 | 300.00 | 13/03/82 | Sharikat Multi Systems |
| 66/82 | 752244 | 300.00 | 16/03/82 | Star Trading & Printing Ltd |
| 69/82 | 752247 | 200.00 | 16/03/82 | Ting Sii King Electric Co |
| 72/82 | 752250 | 200.00 | 17/03/82 | Ting Sii King Electric Co |
| 98/82 | 752276 | 1,000.00 | 24/03/82 | Central Development Ltd |
| 105/82 | 752283 | 1,000.00 | 27/03/82 | Sharikat Aman |
| 114/82 | 752292 | 1,000.00 | 05/04/82 | Chung & Hiew Electric Co |
| 133/82 | 912013 | 500.00 | 15/04/82 | Global Enterprise & Co |
| 146/82 | 912026 | 500.00 | 21/04/82 | United Engineers (S) Pte Ltd |
| 148/82 | 912028 | 300.00 | 24/04/82 | Wai Fah Electrical Co |
| 151/82 | 912031 | 1,000.00 | 24/04/82 | Darul Salam Motors |
| 153/82 | 912033 | 200.00 | 26/04/82 | Lee Jong Electrical Co |
| 191/82 | 912071 | 400.00 | 29/04/82 | Carrier Singapore (Pte) Ltd |
| 195/82 | 912075 | 300.00 | 29/04/82 | Sharikat Osyusi Enterprise |
| 216/82 | 912096 | 300.00 | 10/05/82 | Osyusi Enterprise |
| 220/82 | 912100 | 200.00 | 11/05/82 | Lee Jong Electrical Co |
| 222/82 | 913402 | 300.00 | 12/05/82 | Pembenaan Desa Damai Ltd |
| 224/82 | 913404 | 300.00 | 13/05/82 | Sharikat Tutong, Tutong |
| 227/82 | 913407 | 400.00 | 15/05/82 | Carrier Singapore (Pte) Ltd |
| 233/82 | 913413 | 400.00 | 17/05/82 | Paramount (B) Pte Ltd |
| 235/82 | 913415 | 500.00 | 17/05/82 | Specialist Engineering & Hardware Supplies |
| 240/82 | 913420 | 300.00 | 20/05/82 | Electro Systems |
| 242/82 | 913422 | 300.00 | 20/05/82 | Overseas Agency Co Ltd |
| 243/82 | 913423 | 500.00 | 20/05/82 | Soon Foon Construction |
| 249/82 | 913430 | 300.00 | 24/05/82 | Specialist Engineering & Hardware Supplies |
| 259/82 | 913440 | 1,000.00 | 25/05/82 | Specialist Engineering & Hardware Supplies |
| 261/82 | 913442 | 100.00 | 25/05/82 | New Union Electrical Co |
| 271/82 | 913452 | 500.00 | 26/05/82 | Sablina General Contractor |
| 273/82 | 913454 | 300.00 | 26/05/82 | Friendly Electrical Co |
| 275/82 | 913456 | 200.00 | 26/05/82 | Lee Jong Electrical Co |
| 288/82 | 913469 | 100.00 | 03/06/82 | Ting Sii King Electric Co |
| 294/82 | 913475 | 1,000.00 | 08/06/82 | Darul Salam Motors |
| 302/82 | 913484 | 100.00 | 14/06/82 | Wong Aun Tun Electric Co |
| 304/82 | 913486 | 200.00 | 24/06/82 | Plessey (B) Ltd |
| 308/82 | 913490 | 500.00 | 28/06/82 | Ng & Tan Company |
| 313/82 | 913495 | 300.00 | 28/09/81 | Kwek Engineering Co |
| 329/82 | 109012 | 100.00 | 01/07/82 | Friendly Electrical Co |
| 331/82 | 109014 | 200.00 | 01/07/82 | Friendly Electrical Co |
| 335/82 | 109019 | 300.00 | 01/10/82 | Laksamana Jaya Company |
| 337/82 | 109021 | 300.00 | 05/07/82 | Pembenaan Desa Damal |
| 341/82 | 109025 | 300.00 | 05/07/82 | United Engineers (S) Pte Ltd |
| 348/82 | 109033 | 200.00 | 05/07/82 | By Order Ele Sdn Bhd |
| 354/82 | 109039 | 400.00 | 13/07/82 | Guthrie Brunei Sdn Bhd |
| 355/82 | 109040 | 400.00 | 13/07/82 | Guthrie Brunei Sdn Bhd |
| 360/82 | 109045 | 300.00 | 17/07/82 | Friendly Electrical Co |
| 365/82 | 109050 | 400.00 | 21/07/82 | Capital Air-Conditioning & Engineering Co |
| 366/82 | 109051 | 400.00 | 21/07/82 | Capital Air-Conditioning & Engineering Co |
| 373/82 | 109058 | 300.00 | 29/07/82 | Osyusi Enterprise |
| 374/82 | 109059 | 100.00 | 29/07/82 | Osyusi Enterprise |
| 375/82 | 109060 | 200.00 | 29/07/82 | Osyusi Enterprise |
| 376/82 | 109061 | 200.00 | 29/07/82 | Osyusi Enterprise |
| 377/82 | 109062 | 300.00 | 29/07/82 | Kwek Engineering Co |
| 378/82 | 109063 | 100.00 | 29/07/82 | Kwek Engineering Co |
| 282/82 | 109067 | 200.00 | 31/07/82 | Spectra Electrical Trading Co |
| 384/82 | 109069 | 200.00 | 02/08/82 | Capital Air-Conditioning Engineering Co |
| 386/82 | 109071 | 200.00 | 02/08/82 | Universal Electronic Enterprise |
| 399/82 | 109084 | 500.00 | 03/08/82 | AEC Air-Conditioning & Engineering Pte Ltd |
| 410/82 | 109095 | 500.00 | 11/08/82 | Jurutera Tempatan |
| 411/82 | 109096 | 100.00 | 11/08/82 | Wong Aun Tun Electrical Co |
| 418/82 | 110703 | 200.00 | 16/08/82 | Plessey (B) Ltd |
| 422/82 | 110707 | 300.00 | 17/08/82 | NCR Malaysia Sdn Bhd |
| 426/82 | 110711 | 100.00 | 19/08/82 | Seng Suan Electrical Co |
| 429/82 | 110714 | 200.00 | 21/08/82 | Capital Air-Conditioning & Engineering Co |
| 430/82 | 110715 | 200.00 | 23/08/82 | Marsee & Company |
| 431/82 | 110716 | 200.00 | 26/08/82 | Diethelm Singapore Pte Ltd |
| 434/81 | 110719 | 200.00 | 28/08/82 | Malayan Electrical Co |
| 440/81 | 110725 | 200.00 | 01/09/82 | Hj Sulong Elect & Eng Pte Ltd |
| 441/81 | 110726 | 200.00 | 01/09/82 | Hj Sulong Elect & Eng Pte Ltd |
| 442/82 | 110727 | 200.00 | 01/09/82 | Hj Sulong Elect & Eng Pte Ltd |
| 443/82 | 110728 | 200.00 | 01/09/82 | AEC Air Conditioning & Engineering Pte Ltd |
| 449/82 | 110734 | 200.00 | 06/09/82 | Plessey (B) Ltd |
| 456/82 | 110741 | 200.00 | 09/09/81 | Friendly Electrical Company |
| 457/82 | 110742 | 100.00 | 09/09/82 | Friendly Electrical Company |
| 465/82 | 110750 | 1,000.00 | 09/09/82 | Friend Company |
| 488/82 | 110773 | 200.00 | 20/09/82 | Capital Air-Conditioning & Engineering Co |
| 503/82 | 110788 | 1,000.00 | 05/10/82 | Ng & Tan Company |
| 506/82 | 110791 | 100.00 | 11/10/82 | Lee Jong Electrical Company |
| 518/82 | 375003 | 100.00 | 14/10/82 | Brunei Electrical Company |
| 530/82 | 375015 | 1,000.00 | 18/10/82 | Beaver Company |
| 545/82 | 375030 | 500.00 | 27/10/82 | Sharikat Pembinaan Kebangsaan |
| 546/82 | 375031 | 500.00 | 27/10/82 | Polly Transport Company |
| 553/82 | 375038 | 500.00 | 30/10/82 | Malay United Stevedoring |
| 559/82 | 375045 | 100.00 | 03/11/82 | Sharikat Penjualan Kimia |
| 560/82 | 375046 | 500.00 | 03/11/82 | Hj Sulong Elect & Eng Co |
| 566/82 | 375052 | 500.00 | 04/11/82 | Modern Electrical Company |
| 584/82 | 375070 | 100.00 | 09/11/82 | Hension Supplies |
| 589/82 | 375075 | 1,000.00 | 11/11/82 | Hyundai Heavy Ind. Co Ltd |
| 606/82 | 375092 | 100.00 | 17/11/82 | Wong Aun Tun Electrical Co |
| 608/82 | 375094 | 100.00 | 17/11/82 | Wong Aun Tun Electrical Co |
| 616/82 | 376202 | 1,000.00 | 18/11/82 | Hwa Yew Iron Works Pte Ltd |
| 624/82 | 376210 | 100.00 | 23/11/82 | Friendly Electrical Co |
| 625/82 | 376211 | 100.00 | 23/11/82 | Friendly Electrical Co |
| 627/82 | 376213 | 100.00 | 23/11/82 | Friendly Electrical Co |
| 629/82 | 376215 | 100.00 | 23/11/82 | Friendly Electrical Co |
| 654/82 | 376240 | 300.00 | 27/11/82 | Everwide Darussalam |
| 656/82 | 376242 | 300.00 | 27/11/82 | Sin Matu Enterprise |
| 659/82 | 376259 | 1,000.00 | 29/11/82 | Mc Harris United |
| 673/82 | 376245 | 500.00 | 01/12/82 | Cheng Kong Electrical Co |
| 678/82 | 376264 | 300.00 | 01/12/82 | Kwek Engineering Co |
| 687/82 | 376273 | 300.00 | 02/12/82 | Overseas Agency Company Ltd |
| 693/82 | 376279 | 300.00 | 04/12/82 | Overseas Agency Company Ltd |
| 695/82 | 376281 | 100.00 | 04/12/82 | Kwek Engineering Co |
| 703/82 | 376290 | 300.00 | 06/12/82 | Rex Electrical Co |
| 710/82 | 376297 | 300.00 | 07/12/82 | Fashion Furniture Mfg & Trading Co |
| 716/83 | 377003 | 100.00 | 08/12/82 | Lido Electrical Co |
| 727/82 | 377014 | 500.00 | 09/12/82 | Everwide Darussalam |
| 730/82 | 377017 | 200.00 | 11/12/82 | Kwek Engineering Co |
| 731/82 | 377018 | 300.00 | 11/12/82 | GEC Brunei Ltd |
| 740/82 | 377027 | 200.00 | 13/12/82 | Marsee & Company |
| 742/82 | 377029 | 200.00 | 13/12/82 | Everwide Darussalam |
| 744/82 | 377031 | 500.00 | 14/12/82 | Capital Air–Conditioning & Engineering Co |
| 753/82 | 377040 | 200.00 | 16/12/82 | Sin Matu Enterprise |
| 758/82 | 377045 | 200.00 | 20/12/82 | Plessey (B) Ltd |
| 761/82 | 377048 | 100.00 | 20/12/82 | Hj Sulong Electrical Company |
| 775/82 | 377062 | 300.00 | 29/12/82 | Auto Engineering Co |
| 776/82 | 377063 | 100.00 | 29/12/82 | Auto Engineering Co |
| 781/82 | 377068 | 300.00 | 30/12/82 | Intan Electric Company |
| 3/83 | 377073 | 500.00 | 06/01/83 | Plessey (B) Ltd |
| 9/83 | 377079 | 300.00 | 12/01/83 | Fong's Electrical & Trading Co Ltd |
| 10/83 | 377080 | 200.00 | 12/01/83 | Fong's Electrical & Trading Co Ltd |
| 17/83 | 377087 | 200.00 | 15/01/83 | Hj Sulong Elect & Eng Pte Ltd |
| 23/83 | 377093 | 300.00 | 17/01/83 | Southern Electrical Co |
| 24/83 | 377094 | 200.00 | 17/01/83 | Southern Electrical Co |
| 25/83 | 377095 | 300.00 | 18/01/83 | Rex Electrical Company |
| 27/83 | 377097 | 300.00 | 18/01/83 | Tay Electrical Co |
| 28/83 | 377098 | 200.00 | 12/01/83 | Tay Electrical Co |
| 42/83 | 555113 | 100.00 | 26/01/83 | Rank O'Connors Ltd |
| 47/83 | 555118 | 200.00 | 27/01/83 | Marsee & Company |
| 55/83 | 555125 | 300.00 | 31/01/83 | Hj Abdullah Bin Hashim & Anak-Anak |
| 56/83 | 555127 | 300.00 | 31/01/83 | Tay Electrical Co |
| 69/83 | 555140 | 300.00 | 16/02/83 | Overseas Agency Co Ltd |
| 84/83 | 555155 | 200.00 | 21/02/83 | Sanicons SJ (B) Pte Ltd |
| 85/83 | 555156 | 200.00 | 21/02/83 | Overseas Agency Ltd |
| 86/83 | 555157 | 200.00 | 21/02/83 | Overseas Agency Ltd |
| 87/83 | 555158 | 200.00 | 21/02/83 | Overseas Agency Ltd |
| 93/83 | 555165 | 100.00 | 22/02/83 | Lingkas Letrik Tutong |
| 95/83 | 555167 | 100.00 | 23/02/83 | Hj Sulong Elect & Eng Pte Ltd |
| 103/83 | 555175 | 100.00 | 26/02/83 | Progress Electrical Co |
| 104/83 | 555176 | 100.00 | 26/02/83 | Progress Electrical Co |
| 110/83 | 555182 | 200.00 | 28/02/83 | Capital Air–Conditioning & Engineering Co |
| 111/83 | 555183 | 200.00 | 28/02/83 | Capital Air–Conditioning & Engineering Co |
| 112/83 | 555184 | 200.00 | 28/02/83 | Capital Air–Conditioning & Engineering Co |
| 113/83 | 555185 | 200.00 | 28/02/83 | Capital Air–Conditioning & Engineering Co |
| 117/83 | 555189 | 500.00 | 28/02/83 | City Associates |
| 118/83 | 555190 | 200.00 | 28/02/83 | City Associates |

# IKLAN-IKLAN اعلان-اعلان

## JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Bilangan Tawaran : JDB/TD/7/1992**

PROJEK TAWARAN MEMBINA JAMBATAN BATU
DI KAMPONG SUNGAI MATAN MUKIM KOTA BATU

TAWARAN ada dipelawa daripada pemborong-pemborong yang berdaftar untuk membina Jambatan Tiang Batu.

2. Tawaran hendaklah dihantar di Bahagian Perhubungan Awam, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Negara Brunei Darussalam, dalam sampul surat yang tertutup tidak lewat pada 25 Jun 1992 jam 4.00 petang. Tawaran yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Cagaran tawaran adalah dikehendaki sebanyak $200.00 (Dua Ratus Ringgit sahaja) dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran dengan jujur.
4. Penerangan lanjut boleh diperolehi dari Penyalaras Projek di Jabatan Daerah Brunei dan Muara.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

## KEMENTERIAN PENDIDIKAN

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Tingkat 1, Blok "B" Jabatan Pentadbiran dan PerkhidmatanPerkhidmatan, Kementerian Pendidikan.

Tidak lewat jam 3.00 petang pada tiap-tiap hari Rabu 17 Jun, 1992 TQ/117/92.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam yang ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.
3. Tiap-tiap tawaran hendaklah dinyatakan tempoh pembekalannya.
4. Segala kehendak dalam borang ini mestilah ditulis dengan betul dan terang jika tidak permohonan tawaran ini akan ditolak.
5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk atau bilangan tawaran sepertimana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran itu, tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada :

   Pengerusi, Lembaga Tawaran Kecil,
   Kementerian Pendidikan, Tingkat Satu (1),
   Lapangan Terbang Lama, Berakas
   Negara Brunei Darussalam.

6. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran Kecil, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

| | |
|---|---|
| ISNIN - KHAMIS | 8.00 pagi - 11.00 pagi |
| | 1.30 petang - 2.30 petang |
| SABTU | 8.00 pagi - 10.00 pagi |

7. Cagaran tawaran adalah dikehendaki sebanyak $100.00 dengan wang tunai pada setiap tawaran. Cagaran akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (Bona-fide tender).
8. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
9. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.
10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain.

| BIL. TAWARAN | KETERANGAN |
|---|---|
| DA/TQ/115/92 | MEMBINA RUMAH GURU JENIS SEMENTARA BAGI SEKOLAH RENDAH MERANGKING DAERAH BELAIT |

## JABATAN TELEKOM

**Bilangan Tawaran : JTB/CS/3 /92**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi THE SUPPLY, DELIVERY AND TRAINING OF PHONE BOOTHS.
2. Tiga salinan dari tawaran-tawaran berkenaan hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup, ditulis dengan :

   TAWARAN BAGI THE SUPPLY, DELIVERY AND TRAINING OF PHONE BOOTHS
   Bilangan Tawaran : JTB/CS/3/1992

**Bilangan Tawaran : JTB/CS/4/92**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi THE SUPPLY, DELIVERY OF OPERATOR TELEPHONE HEADSETS.
2. Tiga salinan dari tawaran-tawaran berkenaan hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup, ditulis dengan :

   TAWARAN BAGI THE SUPPLY AND DELIVERY OF OPERATOR TELEPHONE HEADSETS
   Bilangan Tawaran : JTB/CS/4/1992

   Tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada :-

   Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perhubungan,
   Tingkat 2, Bangunan Kementerian Perhubungan,
   Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan,
   Negara Brunei Darussalam.

   Tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Selasa, 30 Jun, 1992.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Pengarah Telekom, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Perhubungan, Kawasan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam dengan menunjukkan resit cagaran berjumlah $50.00 (tidak dikembalikan) dan $100.00 (dikembalikan).
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.
6. Pembayaran wang cagaran hendaklah dibayar sama ada dengan Wang Tunai atau Cek Tempatan berserta dengan Bank Guarantee.

**Bilangan Tawaran : JTB/CS/2/1992**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi THE SUPPLY, DELIVERY AND TRAINING OF PAYPHONE.
2. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, di Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada hari Isnin 29 Jun, 1992. Tawaran-tawaran lewat selepas tarikh dan waktu tersebut tidak akan diterima.
3. Tawaran-tawaran yang dipilih akan dikehendaki menghantar contoh sistem yang ditawarkan dengan perbelanjaan penender sendiri kepada Pengarah Telekom, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Perhubungan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat dari 30 hari selepas pemberitahuan.
4. Penender-penender yang terpilih dengan perbelanjaan mereka akan dikehendaki untuk memasang dan menunjukkan pengendalian sistem tersebut kepada Pengarah Telekom atau wakil. Contoh-contoh sistem akan dikembalikan kepada penender-penender yang tidak berjaya dengan perbelanjaan mereka.
5. Jika penender gagal menghadapkan contoh atau gagal memasang dan menunjukkan sistem dalam masa yang ditentukan, tawaran-tawaran dikira batal.
6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan sampul surat yang tertutup dengan tanda seperti di bawah tanpa menunjukkan indentiti pemborong :-

   TENDER FOR THE SUPPLY, DELIVERY AND TRAINING OF PAYPHONE FOR JABATAN TELEKOM BRUNEI
   Bilangan Tawaran : JTB/CS/2/1992

7. Dokumen dan syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Pejabat Pengarah Telekom, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Perhubungan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam dengan menunjukkan resit cagaran berjumlah $50.00 (tidak dikembalikan) dan $1,000.00 (dikembalikan). Pembayaran wang cagaran hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai atau dengan cek tempatan beserta dengan bank gurantee.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

## HARGA KERETA 'MAZDA'

BERIKUT di bawah ini adalah senarai harga-harga kereta "MAZDA" dijual dari Syarikat GRAND MOTORS SDN BHD, yang telah diluluskan oleh Pengawal Harga baru-baru ini.

| JENIS KERETA (Type of Car) | HARGA JUALAN (Showroom-Selling Nett Price) | HARGA JUALAN PENUH (Selling Price On The Road) |
|---|---|---|
| MAZDA 323 1.8 DOHC M5 GT Model: BB 5T RBC (1840cc) Aircondition; Radio Cassette (Local Fitted); Power Steering; Power Window; Electric Sunroof; Digital Clock with date Display; Electrical Rearview Mirrors; Cig. Lighter; Color Keyed Rear Spoiler | $26,250.00 | $27,365.00 |
| MAZDA 626 2.0L 4 DRS. SEDAN (Manual) Model: GBIC RAW (1995 cc) Aircondition; Radio Cassette; Power Steering; Power Window; Central Locking; Electric Side Mirrors; Central Mirrors; Auto Cruise Control; ABS Brake System; Aluminium Wheel Cap etc. | $35,400.00 | $36,751.00 |
| MAZDA 626 2.0L 4 DRS. SEDAN (Auto) Model: GBID RAW (1995 cc) Aircondition; Radio Cassette; Power Steering; Power Window; Central Locking; Electric Side Mirrors; Central Mirrors; Auto Cruise Control; ABS Brake System; Aluminium Wheel Cap etc. | $37,550.00 | $38,979.00 |
| MAZDA MX-6 2.0L 2-DRS. COUPE (Manual) Model: GBOA RAI (1995 cc) Aircondition; Radio Cassette; Power Steering; Power Window; Central Locking; Electric Side Mirrors; Central Mirrors; Auto Cruise Control; ABS Brake System; Aluminium Wheel Cap etc. | $42,250.00 | $43,917.00 |
| MAZDA MX-6 2.0L 2-DRS. COUPE (Auto) Model: GBOB RAI (1995 cc) Aircondition; Radio Cassette; Power Steering; Power Window; Central Locking; Electric Side Mirrors; Auto Cruise Control; ABS Brake System; Aluminium Wheel Cap etc. | $44,665.00 | $46,418.00 |
| MAZDA E2000 GLASS VAN Model: SF 89 RO 2 (1998 cc) Two side Mirrors; Cig. Lighter; Front & Rear Mud Flat | $19,400.00 | $20,555.00 |
| MAZDA E2200 15 SEATER BUS SRW Model: SE51 RDC (2184 cc) Two side Mirrors; Cig. Lighter; Front & Rear Mud Flat | $23,050.00 | $24,465.00 |
| MAZDA 929 4 DRS H/T (3000) Auto Model: HG 43 RAT (2954 cc) Aircondition; Radio Cassette with CD Player; 6-speaker; Power Steering; Power Window; Power Door Locks; Electric Rear Antenna; Analog Clock; Electric with rear Vent Cooler; Power Tilt & Lift Driver seat etc. | $49,500.00 | $51,290.00 |

Orang ramai bolehlah menghubungi Pengawal Harga atau pegawai yang berkenaan nombor telefon 241910 atau 225555, Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam, jika sekiranya harga-harga yang mereka jual itu berlainan dari harga-harga yang telah ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan.

---

DENGAN bantuan Pusat Promosi ASEAN di Jepun, Lembaga Kemajuan Ekonomi dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber akan menganjurkan :

## SEMINAR MENGENAI PELANCONG JEPUN

**(7 – 8 Julai 1992)**

**Bertempat : Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.**

Ceramah akan disampaikan oleh dua orang pakar daripada Travel Journal Institute of Japan.

**Disesuaikan untuk faedah :-**
Agensi-Agensi Pelancongan dan Pengembaraan
Hotel-Hotel
Restoran-Restoran

**Tajuk-tajuk ceramah termasuk :-**
Cara untuk melayani Pelancong Jepun
Mengetahui kebudayaan orang-orang Jepun
Industri Pelancongan di Jepun
Mengapa orang Jepun suka melancong?

Sesiapa yang berminat sila hubungi DAYANG NOORIZRINA BINTI ABDULLAH (telefon : 240243 samb : 426) di Lembaga Kemajuan Ekonomi, Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan. Permohonan pendaftaran berakhir pada hari Khamis, 25 Jun 1992.

# ...N SEMPENA ...AYA AIDILADHA

## ...lah dikorbankan

Sulaiman dan Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Ahmad serta beberapa orang pegawai kanan kementerian.

Pada hari berikutnya, majlis-majlis korban terus diadakan. Antara yang mengadakannya ialah Pasukan Polis Diraja Brunei yang menyambutnya di Ibu Pejabat Pasukan Polis di Gadong dan juga anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei bertempat di Bolkiah Garison.

Selain daripada itu beberapa buah kampung dan persatuan-persatuan belia dan kebajikan di negara ini juga mengadakan majlis yang serupa.



PEGAWAI dan kakitangan Kementerian Perhubungan beserta keluarga ketika sama-sama membungkus daging-daging korban untuk dibahagi-bahagikan kepada umat Islam yang hadir di majlis korban anjuran kementerian tersebut.



...DUK Kampong Sungai Besar di Daerah Brunei dan Muara juga tidak ketinggalan ...majlis korban.



SATU majlis korban bersempena dengan Sambutan Hari Raya Aidiladha telah diadakan di rumah Dayang Hajjah Marhani binti Abdul Latif Yang Di-Pertua Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Brunei Darussalam di Kampong Pancor Papan, Tutong. Di majlis itu sebanyak lima ekor lembu telah dikorbankan dan daging-dagingnya telah dibahagi-bahagikan kepada ahli-ahli pertubuhan itu beserta keluarga. Majlis seumpama ini adalah buat pertama kalinya dianjurkan oleh Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI). Gambar atas kelihatan sebahagian dari ahli-ahli pertubuhan tersebut bergotong-royong memotong dan menimbang daging untuk dibahagi-bahagikan.

# ...AJLIS KORBAN ANJURAN RBA

Oleh Zubaidah HS

...jika kita benar-benar menghayati apa dia sebenarnya ibadat korban itu.

Beliau berkata bahawa keagungan umat Islam di zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan khalifah-khalifah selepas Baginda banyak bergantung kepada pengorbanan yang tulus ikhlas mereka kepada agama Allah semata-mata.

Pengorbanan yang berupa tenaga, buah fikiran dan semangat yang ikhlas dan kerana Allah, tegas beliau, boleh kita amalkan jika kita mahu maju di dalam apa juga bidang sekalipun, kerana Islam adalah agama yang terulung dan progresif kerana tidak pernah menghalang kemajuan dan ketekunan bekerja umatnya.

Dalam pada itu beliau menyarankan kepada pegawai dan kakitangannya supaya dapat meneruskan usaha yang berkebajikan seumpama itu, iaitu dalam usaha sama-sama meningkatkan syiar Islam sejajar dengan konsep dan aspirasi negara yang telah menjadikan agama Islam sebagai landasan untuk mencapai cara hidup yang lengkap.

Beliau juga merasa sukacita kerana majlis korban tersebut telah mendapat sambutan yang begitu baik daripada kakitangan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei dan ini jelasnya membuktikan wujudnya kesedaran dan semangat perpaduan antara umat Islam umumnya dan di antara kakitangan syarikat khususnya.

Di samping itu beliau juga menyeru semua kakitangan syarikat agar mempertingkatkan usaha dan bersatu padu untuk memastikan kejayaan syarikat dalam apa juga bidang.

Di *majlis* itu ceramah agama yang berkisar mengenai dengan peristiwa korban telah disampaikan *oleh* penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Long bin Mat Saman.

Sebanyak lima ekor lembu dan seekor kerbau telah dikorbankan. Pengorbanan terdahulu sebelum itu telah dikendalikan *oleh* Pusat Penyembelihan Mulaut dan dibahagi-bahagikan kepada kakitangan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei dan kakitangan dari syarikat-syarikat gabungan yang terdiri dari Syarikat Penyajian Diraja Brunei, Perkhidmatan Teknikal Diraja Brunei, Pusat Penyembelihan Mulaut dan ABACUS Sendirian Berhad yang hadir di majlis itu. Pembahagian daging-daging korban itu telah disempurnakan sendiri oleh tetamu kehormat.



ANGGOTA-ANGGOTA Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ketika mengadakan majlis korban bertempat di Bolkiah Garison.

# Usahawan tempatan digalakkan ceburi perusahaan a-bangsa

Oleh
Zubaidah HS

GADONG, 8 Jun. — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama menyeru dan menggalakkan usahawan-usahawan tempatan yang giat berkecimpung di dalam berbagai-bagai perusahaan yang mana skopnya terhad supaya menceburi kegiatan perusahaan yang lebih bercorak antarabangsa.

Yang Berhormat percaya usahawan-usahawan tempatan yang sebahagian besarnya berpotensi supaya membentuk usaha sama yang bercorak antarabangsa agar dengan demikian mereka dapat membantu negara ini mempercepatkan perkembangan ekonomi negara melalui perusahaan yang mereka ceburi.

Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama berucap demikian ketika merasmikan Seminar Anjuran KEMUDA Resource Agency yang mana telah disampaikan oleh wakil peribadi Yang Berhormat, Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Malai Ali bin Malai Haji Othman yang berlangsung di Universiti Brunei Darussalam di sini Isnin lepas.

Seminar yang diberi nama 'Participative Business Success' itu adalah buat pertama kalinya dianjurkan oleh KEMUDA iaitu sebuah agensi perunding tempatan di negara ini.

Dalam pada itu Yang Berhormat berpendapat seminar anjuran KEMUDA itu amat penting kerana ianya adalah merupakan untuk usaha sama-sama kritikal dan memahami kedudukan iklim perusahaan yang terdapat di negara ini.

Pemahaman ini penting, tegas Yang Berhormat, terutamanya kepada semua usahawan-usahawan, kerana dengan memahaminya mereka akan dapat memainkan peranan secara lebih bermakna untuk sama-sama mengenalpasti unsur-unsur yang sepatutnya diwujudkan untuk menjadikan iklim perusahaan di negara ini lebih dinamik dan kompetitif.

"Seminar ini juga penting dari segi ianya akan dapat membantu usahawan-usahawan untuk menilai kedudukan mereka pada waktu ini dari segi status dan potensi perusahaan, rancangan masa depan dan kaedah-kaedah bagaimana untuk menumpukan usaha ke arah matlamat rancangan masing-masing," tegas Yang Berhormat.

Seminar itu juga akan dapat memberikan pengertian pemahaman kepada peserta-peserta mengenai kepentingan perancangan perusahaan, strategi perusahaan, pengurusan sumber, pengetahuan untuk meningkatkan keuntungan dan seumpamanya.

Ciri-ciri seperti ini, tegas Yang Berhormat, adalah terbukti sangat penting untuk mengetahui dan difahami oleh pihak-pihak yang berkecimpung di dalam perusahaan dan mempunyai perancangan untuk terus meningkatkan perusahaan mereka.

Yang Berhormat percaya pengetahuan yang mendalam di dalam bidang-bidang tersebut akan meningkatkan keupayaan usahawan-usahawan yang mana seterusnya akan memberikan kredibiliti yang lebih kuat demi untuk mengukuhkan kedudukan masing-masing untuk berhadapan dengan pelabur-pelabur luar negeri.

Yang Berhormat juga mengatakan kegembiraan kerana adanya kerjasama pertubuhan-pertubuhan usahawan khususnya dewan-dewan perniagaan dan perusahaan dengan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama untuk meningkatkan kemajuan perusahaan negara.

Setakat ini menurut Yang Berhormat kementeriannya telah menumpukan perhatian kepada lima bidang penting yang bertujuan untuk memudahkan sektor swasta di negara ini supaya terus berkembang maju.

Bidang tersebut ialah dari segi memberikan perkhidmatan untuk memudahkan tertubuhnya kegiatan-kegiatan perusahaan; memudahkan perjalanannya; mengambil perhatian kepada unsur-unsur keselamatan dan kemajuan perusahaan tersebut dan seterusnya memberikan sebarang perkhidmatan yang bersesuaian untuk meningkatkan produktiviti perusahaan tersebut.

Seminar yang bertujuan untuk memberikan sumbangan ke arah perkembangan industri perusahaan itu berlangsung selama dua hari di Dewan Kuliah Universiti Brunei Darussalam. Seminar tersebut telah disertai oleh lebih sembilan puluh orang pegawai kerajaan, dan dari pihak swasta.

Terdahulu sebelum majlis perasmian berlangsung ucapan alu-aluan juga telah disampaikan oleh Pengurus Am KEMUDA Resource Agency, Datin Hajjah Gayah Kamariah binti Haji Shafiee.

Hadir sama di majlis perasmian tersebut ialah Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong; Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Awang Haji Abdul Razak bin Haji Muhammad dan ketua-ketua jabatan serta para peserta seminar.



PERTUKARAN cenderamata antara Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu, Timbalan Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam dengan Ketua Angkatan Pertahanan Republik Singapura, Leftenan Jeneral Dato Paduka Seri Winston Choo sejurus selepas menerima kunjung hormat di pejabat Yang Amat Mulia di Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison. — Gambar oleh Masmaleh HMA.

# Lebih 50 orang belia menyertai Kursus Asas Kepimpinan Belia

Oleh
Hj. Ahat HI

BANDAR SERI BEGAWAN, 5 Jun. — Lebih 50 orang belia-belia dari Daerah Brunei dan Muara telah menyertai Kursus Asas Kepimpinan Belia Peringkat Daerah Brunei dan Muara selama tiga hari anjuran Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan yang berlangsung di Pusat Belia di sini.

Kursus yang bermula hari ini dimulakan dengan sesi taklimat dan suaikenal oleh seorang pegawai dari Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Awang Tamrin bin Ibrahim yang antara lain menggariskan bahawa tujuan kursus tersebut ialah untuk memberi pengetahuan dan kemahiran kepada pemimpin-pemimpin belia di dalam hal ehwal kepimpinan pentadbiran serta pengurusan persatuan.

"Melalui kursus ini belia-belia akan dapat menggerakkan persatuan masing-masing dan seterusnya membimbing mereka bergiat aktif dalam semua bidang," tegasnya.

Selain daripada itu tambahnya, kita akan dapat melahirkan pemimpin-pemimpin yang berkaliber serta bertanggungjawab terhadap persatuan mereka.

"Usaha yang dijalankan oleh Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan ini sekurang-kurangnya akan dapat melahirkan pemimpin pelapis yang berwibawa, berpotensi dan berkeyakinan dalam menggerakkan persatuan mereka demi faedah belia dan masyarakat," jelasnya.

Di hari pertama kursus, para belia telah mendengar ceramah-ceramah mengenai 'Matlamat Belia Berpersatuan' oleh Pengiran Suhaimi bin Pengiran Wahid, 'Ciri-Ciri Kepimpinan' oleh Awang Haji Mustafa bin Haji Abdul Rahman dan 'Struktur Organisasi dan Tugas-Tugas Jawatankuasa' oleh Awang Ismail bin Bohari.

Kemudian di hari kedua pula para peserta diberikan taklimat mengenai 'Peraturan Mesyuarat dan Teknik Penulisan' oleh Awang Abu Bakar bin Haji Moksin, 'Pentadbiran Kewangan' oleh Awang Tamrin bin Ibrahim, 'Menyusun Rancangan' oleh Awang Mohd. Zali bin Haji Arshad, dan 'Komunikasi' oleh Awang Haji Zabidi bin Juru Laki Haji Wahid, sementara di hari ketiga pula para peserta membuat kerja-kerja kumpulan.



SEBAHAGIAN daripada 50 orang belia yang menyertai Kursus Asas Kepimpinan Belia Peringkat Daerah Brunei dan Muara yang berlangsung dari 5 hingga 7 Jun yang lalu di Pusat Belia. — Gambar oleh Harun Rashid.

# Kunjungan hormat Ketua Turus Angkatan Pertahanan Republik Singapura

Oleh
Zubaidah HS

BOLKIAH GARISON, 8 Jun. — Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu telah menerima kunjungan hormat Ketua Turus Angkatan Pertahanan Republik Singapura, Leftenan Jeneral Dato Paduka Seri Winston Choo di Kementerian Pertahanan di sini Isnin lepas.

Leftenan Jeneral Dato Paduka Seri Winston Choo berada di negara ini selama dua hari bagi lawatan perpisahan dengan rakan sejawat di Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sebelum bersara sedikit masa lagi.

Hadir sama di majlis kunjungan hormat itu ialah Setiausaha-setiausaha Tetap di Kementerian Pertahanan iaitu Setiausaha Tetap (Kewangan dan Pembangunan), Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya; Setiausaha Tetap (Dasar dan Pentadbiran), Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Karim dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Indera Setia Mejar Jeneral Dato Seri Paduka Haji Awang Sulaiman bin Haji Damit.

Ketika berada di negara ini, Leftenan Jeneral Dato Paduka Seri Winston Choo juga telah membuat kunjungan kepada Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, dan mengadakan lawatan ke Markas Angkatan Bersenjata Republik Singapura di Jalan Aman.

# Negara jadi tuan rumah Persidangan ASEANAPOL Ogos depan

GADONG, 9 Jun. – Negara Brunei Darussalam akan menjadi tuan rumah Persidangan Ketua-ketua Polis ASEAN, (ASEANAPOL) kali ke-12 pada awal bulan Ogos depan.

Oleh
Hanafiah HM

Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman bin Awang Haji Besar, Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, mengumumkan demikian di satu majlis Jamuan Makan Malam yang diberikan kepada Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei Republik Singapura, Tan Sri Goh Yong Hong yang berada di negara ini selama dua hari bagi kunjungan perpisahan sebelum menamatkan kariernya pada akhir bulan ini.

Di dalam ucapannya, Pesuruhjaya Polis antara lain menyentuh mengenai bantuan yang berterusan yang diberikan oleh Pasukan Polis Republik Singapura kepada Pasukan Polis Diraja Brunei dengan kemudahan-kemudahan seperti kursus-kursus, lawatan-lawatan sambil belajar, penempatan-penempatan, seminar-seminar dan sebagainya.

Menurut Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman antara tahun 1970 hingga 1992, seramai 355 orang pegawai lelaki dan perempuan dari Pasukan Polis Diraja Brunei telah menghadiri berbagai kursus yang berhubung dengan kerjaya polis dan penguatkuasa undang-undang di republik itu.

"Dengan adanya perhubungan di antara kedua-dua pasukan polis berkenaan, Pasukan Polis Diraja Brunei sangat-sangat berhasrat untuk melihat keamanan terus terpelihara," kata Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman.

Pesuruhjaya Polis juga melahirkan harapan agar pengganti Pesuruhjaya Polis Republik Singapura yang baru akan terus memberikan kerjasama kepada Pasukan Polis Diraja Brunei.

Sementara itu, di dalam ucapan balas, Pesuruhjaya Polis Republik Singapura antara lain menyentuh mengenai perhubungan yang terjalin di antara kedua-dua pasukan polis sejak tahun 1961.

Tan Sri Goh berkata bahawa kerjasama yang wujud bukan hanya merupakan bantuan kepada Pasukan Polis Diraja Brunei tetapi Pasukan Polis Republik Singapura itu juga telah menghantar polis republik itu ke negara ini bagi mempelajari beberapa aspek kerjaya polis termasuk ke bahagian Polis Laut yang beliau sifatkan sebagai pasukan yang 'cekap'.

Pesuruhjaya Polis Republik Singapura, melahirkan keyakinan bahawa kerjasama dan persahabatan di antara kedua pasukan polis itu akan berterusan.

Di majlis tersebut kedua-dua Pesuruhjaya Polis itu bertukar-tukar cenderamata masing-masing.

Kunjungan Tan Sri Goh Yong Hong ke negara ini diiringi oleh dua orang Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis Republik Singapura, Awang Goh Liang Kiong dan Awang Khoo Voon Hoii serta Penguasa Polis Republik Singapura, Awang Benedict Cheong.

Semasa berada di negara ini Pesuruhjaya Polis Republik Singapura itu juga mengadakan kunjungan muhibah kepada Pesuruhjaya Polis Negara Brunei Darussalam di Ibu Pejabat Polis Gadong.



PESURUHJAYA Polis, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman bin Awang Haji Besar ketika berbual mesra dengan Pesuruhjaya Polis Republik Singapura, Tan Sri Goh Yong Hong di Majlis Jamuan Makan Malam bagi meraikan Tan Sri Goh dan rombongan yang mengadakan kunjungan ke negara ini. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.



DATIN Hajjah Masni binti Haji Mohd. Ali isteri Menteri Undang-Undang memukul gong sebagai tanda perasmian pameran dan jualan barangan Malaysia 'Fascinating Malaysia' anjuran Perbadanan Promosi Pelancongan Malaysia di salah sebuah hotel terkemuka, dekat ibu negara pada 4 Jun yang lalu. — Gambar oleh Abdullah HAD.

# Pembantu Perkembangan Agama perlu diberi peluang, meningkatkan pengetahuan

PULAIE, 10 Jun. – Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Mohd. Amin bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abd. Rahim menegaskan perlunya Pembantu-Pembantu Perkembangan Agama diberi peluang dari sekarang untuk meningkatkan diri dengan pengetahuan dan pelajaran sama ada di dalam mahupun di luar negeri bagi persediaan di masa akan datang.

Berucap sejurus sebelum menyampaikan sijil-sijil kepada peserta Kursus Pembantu Perkembangan Agama yang diadakan di Dewan Besar, Pusat Da'wah Islamiah di sini beliau menyeru pegawai dan kakitangannya supaya bersatu padu dan faham memahami antara satu sama lain sebagai satu keluarga.

Kursus Pembantu Perkembangan Agama adalah satu kursus yang bertujuan bagi menampung tenaga pengajar kepada Skim Bimbingan Asas Saudara-saudara Baru sama ada secara langsung mahupun secara persendirian kepada saudara-saudara baru.

Oleh
Zubaidah HS

Di samping itu mereka juga akan dapat bersemuka dan dapat menggunakan ilmu pengetahuan agama kepada orang ramai di dalam menampung hajat-hajat yang tertentu umpamanya dari segi penyelesaian masalah-masalah agama.

Selama mengikuti kursus para peserta juga telah diberikan ujian dan peperiksaan. Dalam keputusan peperiksaan kursus tersebut seorang peserta telah dipilih oleh pihak penganjur sebagai mendapat kejayaan cemerlang. Beliau ialah Awang Mahadi bin Metali.

Di awal majlis ucapan alu-aluan juga telah diberikan oleh Pengerusi Majlis, Awang Haji Mohd. Yussof bin Perak. Hadir sama di majlis itu termasuklah Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Abd. Kadir.

Seramai tiga belas orang pegawai dari Pusat Da'wah Islamiah telah menerima sijil masing-masing setelah menamatkan kursus tersebut selama setahun yanga dianjurkan oleh Pusat Da'wah Islamiah.



PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Mohd. Amin bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abd. Rahim menyampaikan sijil kepada peserta cemerlang Kursus Pembantu Perkembangan Agama, Awang Mahadi bin Metali. — Gambar oleh Amat bin Haji Moksin.

## Pemeriksaan kesihatan peringkat kedua akan diadakan kemudian

BANDAR SERI BEGAWAN, 8 Jun. – Kementerian kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa pemeriksaan kesihatan untuk mengesan risiko-risiko penyakit jantung komonari bagi peringkat kedua akan diadakan tidak lama lagi. Ini adalah memandangkan kepada sambutan orang ramai yang begitu menggalakkan dan di luar dari dugaan semasa pemeriksaan tersebut diadakan di Pusat Komersil dan Perdagangan Bumiputera di sini pada 1 hingga 6 Jun yang baru lalu.

Menurut siaran akhbar yang dikeluarkan oleh kementerian tersebut hari ini, walaupun pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan yang bertugas telah bekerja keras dan berusaha demi untuk memberikan pemeriksaan sedaya upaya kepada mereka yang hadir tetapi oleh sebab kedatangan yang terlalu ramai maka adalah sukar untuk mereka memberikan pemeriksaan kepada semuanya pada masa yang dihadkan.

Demi unuk memenuhi keperluan orang ramai maka pemeriksaan kesihatan ini akan dilanjutkan lagi pada tarikh dan tempat pemeriksaan yang akan diumumkan kemudian.

Pemeriksaan kesihatan ini dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan sempena Hari Kesihatan Sedunia yang bertemakan 'Degupan Jantung Irama Kesihatan'.

Sejak kempen ini dilancarkan, seramai lebih kurang 5,000 orang telah menjalani pemeriksaan tersebut.

Pemeriksaan-pemeriksaan yang diberikan termasuk berat badan, ketinggian, tekanan darah, paras kolesterol dan paras gula. Kaunseling kesihatan dan nasihat permakanan juga diberikan. Ianya adalah bagi orang yang berumur 30 tahun ke atas.

# Kerajaan tidak menghalang kaum lain untuk menghidupkan kebudayaan masing-masing



PEGAWAI Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Kassim bin Haji Johan ketika memukul gong bagi menandakan rasminya Pesta Gawai Sempena Tahun Melawat ASEAN 1992 yang berlangsung di Rumah Panjang Kampong Melilas. — Gambar oleh Rabaee Haji Sabli.

Oleh
Aliddin HM

MELILAS, 7 Jun. — Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Kassim bin Haji Johan berkata, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak menghalang setiap kaum di negara ini untuk menghidupkan kebudayaan masing-masing dengan cara teratur dan tidak bercanggah dengan peraturan-peraturan dan undang-undang di negara ini.

Tidaklah dinafikan bahawa kadangkala abis kita diperlukan memohon kebenaran untuk mengadakan sesuatu pesta seperti 'menyabung ayam' kerana dikhuatiri ianya disalahgunakan dan kadangkala terjadi perkara-perkara yang tidak diingini di pesta tersebut yang boleh menimbulkan suasana yang mencemaskan," jelas beliau.

Pesta Gawai ini menurut yang difahamkan kepada beliau, adalah merupakan hari kesyukuran bagi puak Iban dalam menyambut kedatangan tahun baru mereka.

"Keghairahan dan kegembiraan dalam menyambut hari yang mulia ini samalah juga seperti orang Cina menyambut Kong Hee Fatt Choinya, orang Dusun dengan Ado Gayuhnya, orang India dengan Deepavalinya, orang Kristian dengan Hari Krismasnya dan orang Islam dengan Hari Raya Aidilfitrinya di negara ini, semua perayaan ini dapat kita raikan dalam suasana aman damai dan dengan penuh kemesraan", kata beliau ketika berucap di Majlis Pembukaan Rasmi Pesta Gawai Sempena Tahun Melawat ASEAN 1992 di Rumah Panjang Melilas di sini.

Pesta-pesta dan hari-hari mulia ini tambah beliau, bukan sahaja diraikan oleh masyarakat yang berkenaan tetapi ianya juga dirayakan secara terbuka oleh seluruh kaum menyertainya dengan harapan dan tujuan untuk mengeratkan lagi tali silaturahim di antara sanak-saudara dan sahabat handai.

Di mana moden yang mencabar ini kata beliau, kesenian dan kebudayaan lama yang kita warisi sejak turun-temurun menghilang dengan cepatnya maka, "Adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk menyedarkan para belia dan beliawanis kita pada masa ini untuk mencari, meneliti dan mempelajarinya kerana budaya itu dianggap sebagai satu identiti bangsa yang mendukungnya," ujar beliau.

Pegawai Daerah Belait menyeru para penduduk di kampung pedalaman supaya akan sentiasa berunding terlebih dahulu dengan para penghulu di mukim yang berkenaan sebelum membuat sesuatu keputusan dan rancangan. Ini termasuklah berpindah rumah panjang dari satu kawasan kepada satu kawasan yang lain.

"Perundingan dengan penghulu abis kita sangatlah digalakkan kerana sesuatu tindakan yang diambil tanpa perundingan terlebih awal akan mendatangkan kerugian kepada abis kita sekalian dan juga pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang sentiasa ingin melihat rakyat dan penduduk di negara ini hidup dalam suasana aman damai dan dalam kesejahteraan," jelas beliau.

Dalam usaha untuk memajukan dan mengembangkan mukim-mukim pedalaman di Daerah Belait ini jelas beliau, pihak kerajaan melalui Pejabat Daerah dan agensi-agensi kerajaan yang lain akan terus berusaha untuk melaksanakan rancangan-rancangan yang telah dirancangkan dari tahun ke setahun.

Dalam melaksanakan rancangan ini tambah beliau, ianya kadangkala menemui beberapa masalah yang tidak diduga seperti keadaan cuaca dan penyertaan penduduk setempat itu sendiri.

"Dalam keadaan ini kita tidaklah boleh menyalahkan pihak kerajaan tetapi apa yang diperlukan ialah kerjasama yang erat dan sedikit pengorbanan daripada abis kita sekalian. Kita perlulah bersikap positif dan memandang jauh ke hadapan dalam sama-sama membangunkan daerah kita ini khususnya dan Negara Brunei Darussalam amnya," tegas beliau.

Terdahulu sebelum itu, Pengerusi Majlis Pesta Gawai Sempena Tahun Melawat ASEAN 1992, Awang Pong anak Sap juga berucap di majlis itu yang antara lain menjelaskan Pesta Gawai adalah merupakan hari kebesaran bagi masyarakat iban Brunei yang disambut dan diraikan setiap tahun pada 1 Jun seperti juga masyarakat Iban di negara jiran kita. Ianya merupakan salah satu adat tradisi yang turun-temurun diraikan hingga ke hari ini.

Kampong Melilas katanya, amat beruntung kerana sambutan Hari Gawainya pada tahun ini telah dipilih oleh ahli-ahli Jawatankuasa Tahun Melawat ASEAN 1992 sebagai Pesta Gawai Sempena Tahun Melawat ASEAN 1992 bagi mewakili masyarakat Iban di Negara Brunei Darussalam.

Menurut beliau, Pesta Gawai yang disambut dan diraikan in bukan sahaja akan dapat mengenalkan secara langsung kampung ini kepada kampung-kampung lain di negara ini tetapi juga ianya juga telah dapat menonjolkan dirinya ke dunia di rantau negara-negara ASEAN sebagai mewakili negara ini yakni Negara Brunei Darussalam yang masih mempunyai adat resamnya yang tersendiri.

Pesta Gawai pada tahun ini dinamakan 'Gawai Tuah Batu' oleh masyarakat Iban yang mana upacara Gawai ini telah dimulakan dengan pukulan tawak-tawak di mana keluarga ketua Gawai membawa seekor ayam untuk memaklumkan semua keluarga di rumah panjang untuk mengorak tikar pada ruang tamu atau 'ruai' dan salah seorang kaum perempuan keluarga ketua Gawai akan membawa keluar semua peralatan keperluan untuk menganyam ketupat bagi kegunaan sepanjang Hari Gawai.

Hari Gawai ini biasanya disambut dan diraikan oleh masyarakat Iban selama seminggu (tujuh hari). Berbagai-bagai persembahan dan pertandingan telah dipertunjukkan seperti Ngajat, Ratu Gawai (Kumang Gawai ASEAN dan Keling Gawai ASEAN 1992) (terbuka).

Persembahan-persembahan bagi menjayakan Pesta Gawai Sempena Tahun Melawat ASEAN 1992 ini telah dijayakan bersama oleh para penduduk Kampong Melilas, Persatuan Iban, Bahagian Kebudayaan Dayak dan setiap rumah panjang yang dikelolakan oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi.

Pesta Gawai yang disambut dan diraikan itu mendapat sambutan yang sangat meriah daripada pelawat tempatan dan luar negeri di mana berbagai-bagai persembahan yang penuh adat tradisi masyarakat Iban telah dipertunjukkan dan dipersembahkan.

# Brunei LNG akan bina kemudahan pemunggahan gas asli yang baru

LUMUT, 10 Jun. — Brunei LNG akan membina kemudahan pemunggahan gas asli yang baru.

Projek itu bernilai $100 juta dan ianya adalah sebahagian daripada rancangan yang besar bagi mengemaskinikan sistem pemunggahan ke arah membolehkan loji LNG memasuki abad ke-21.

Majlis menandatangani perjanjian kontrak tersebut telah berlangsung di bilik VIP loji LNG Brunei di sini hari ini.

Ketua Eksekutif LNG Brunei, Awang Ron Van Den Berg menandatangani bagi pihak Syarikat Minyak Shell Brunei manakala Pengarah Interbeton, Awang Gerard Van Heck menandatangani bagi pihak ITH yang akan mengendalikan projk tersebut.

Majlis menandatangani perjanjian ihi disaksikan oleh Pemangku Pengarah Unit Petroleum, Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail dan Timbalan Pengurus Umum Perbadanan Mitsubishi, Awang K. Irie.

ITH yang akan membina kemudahan pemunggahan LNG Brunei itu adalah sebuah syarikat usahasama dengan an-all-Dutch Interbeton dan sebuah syarikat tempatan QAF Holdings Berhad.

Perkhidmatan awam dalam projek ini akan dikendalikan oleh sebuah syarikat bumiputera QAF Holdings Berhad.

Kemudahan pemunggahan LNG Brunei ini dijangka siap dibina dan dapat digunakan pada penghujung tahun depan.

Pembinaan kemudahan itu menandakan projek pemodenan selama lima tahun telah dilaksanakan sebagai persediaan loji itu untuk membesarkan kintrak membekalkan LNG kepada tiga buah syarikat Jepun selama 20 tahun yang mana perjanjian kontrak itu akan berakhir dalam bulan Mac tahun depan dan perjanjian sekarang disambung sehingga 20 tahun lagi.

Dengan terbinanya kemudahan itu LNG Brunei akan mempunyai teknologi yang canggih dan lebih berkeupayaan bagi pemunggahan kapal-kapal LNG.



MAJLIS Menandatangani Perjanjian Kontrak Bagi Membina Kemudahan Pemunggahan Gas Asli yang baru ditandatangani oleh Awang Ron Van Den Berg, Ketua Eksekutif LNG Brunei bagi pihak Syarikat Minyak Shell Brunei dan Awang Gerard Van Heck, Pengarah Interbeton pula mewakili bagi pihak ITH. — Gambar oleh Masmaleh HMA.

# Negara jalin hubungan diplomatik dengan Republik San Marino

PARIS, 10 Jun. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Republik San Marino, telah bersetuju untuk menjalinkan hubungan diplomatik antara kedua buah negara mulai hari ini.

Majlis Menandatangani Kenyataan Bersama Penjalinan Hubungan itu telah diadakan di Paris.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh Tuan Yang Terutama Awang Suyoi bin Haji Osman, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Perancis sementara mewakili Kerajaan San Marino ialah Tuan Yang Terutama Tuan Camillo De Benedetti, Duta Besar San Marino ke Republik Perancis.



YANG Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Haji Bahrin bin Pengiran Haji Abas selaku Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri (dua dari kiri) ketika menghadiri Majlis Jamuan Makan bagi memperingati ulang tahun ke-94 Hari Kemerdekaan Republik Filipina. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

# Persatuan-persatuan wanita diseru agar lebih aktif dalam membantu anak-anak yatim

Oleh
Zubaidah HS

BERAKAS, 14 Jun. — Seramai kira-kira seratus orang anak-anak yatim dari Daerah Brunei dan Muara telah diraikan di satu majlis menyambut Hari Raya Aidiladha atau Hari Raya Korban yang dianjurkan oleh Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Negara Brunei Darussalam.

Majlis yang berlangsung di ibu pejabat pertubuhan itu di Jalan Merdeka di sini antara lain bertujuan untuk memberikan peluang kepada ahli-ahli WI menyumbangkan bantuan sukarela dan khidmat bakti kepada masyarakat amnya, dan kepada anak-anak yatim khususnya.

Penasihat badan tersebut, Datin Hajjah Masni binti Haji Mohd. Ali telah hadir selaku tetamu kehormat. Ketika berucap di majlis itu, beliau merasa amat gembira kerana adanya rasa tanggungjawab hidup bermasyarakat dan tidak 'camah mata' yang sentiasa diamalkan oleh ahli-ahli WI.

Dalam kemajuan pertubuhan-pertubuhan wanita atau NGO yang menjalankan kerja-kerja sukarela, Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Negara Brunei Darussalam, jelasnya telah banyak merintis jalan membuat kerja-kerja yang berkebajikan untuk masyarakat amnya dan kaum wanita dan kanak-kanak khasnya.



PENASIHAT Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Negara Brunei Darussalam, Datin Hajjah Masni binti Haji Mohd. Ali ketika menyampaikan hadiah-hadiah yang berupa wang tunai kepada anak-anak yatim. — Gambar oleh Masmaleh HMA.

Di kesempatan itu beliau menyeru kepada persatuan-persatuan wanita di negara ini agar lebih aktif dan tampil ke hadapan bagi sama-sama membantu dan menghulurkan bantuan sedaya yang terdapat bagi menolong anak-anak yatim yang beliau sifatkan amat perlu diberikan perhatian.

Di samping itu beliau juga merayu kepada anak-anak yatim supaya mengutamakan pelajaran di bangku sekolah, kerana peluang keemasan untuk mendapatkan pelajaran amat terbuka luas di negara ini demi untuk menjamin kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Terdahulu sebelum itu ucapan alu-aluan juga telah disampaikan oleh pengerusi majlis yang juga selaku Yang Dipertua Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI), Dayang Hajjah Marhani binti Abd. Latif.

Dalam ucapannya beliau menegaskan bahawa sudah semestinya anak-anak yatim mendapat perhatian yang wajar dari semua lapisan masyarakat terutama orang-orang yang dikurniakan oleh Allah kesenangan hidup.

Walau bagaimanapun jelasnya, pengelingaan dan pemedulian kita terutama orang ramai kepada anak-anak yatim di negara ini tinggi dan menggalakkan.

Perkara ini terbukti, jelasnya, terutama di hari-hari bulan Ramadan dan menjelang Hari Raya Aidilfitri di mana derma dan bantuan untuk anak-anak yatim datang mencurah-curah kepada pihak-pihak yang berkenaan kepada tabung anak-anak yatim di seluruh negara.

Dari itu beliau menyeru kepada para dermawan agar akan terus menderma, bukan saja semata-mata menjelang hari raya, malah pada bila-bila masa sahaja dirasakan ingin menderma dengan seikhlas-ikhlas hati.

Anak-anak yatim yang diraikan juga telah diberikan hadiah yang berupa wang tunai dua puluh ringgit seorang serta bungkusan kuih-muih. Hadiah-hadiah tersebut diperolehi oleh Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) semasa jualan kuih-muih di Hari Raya Aidilfitri yang lepas. Penyampaian hadiah-hadiah tersebut telah disempurnakan oleh tetamu kehormat Datin Hajjah Masni binti Haji Mohd. Ali.

Di majlis itu juga anak-anak yatim juga telah diraikan dengan Kumpulan Senandung Budaya dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir sama di majlis itu ialah Ketua Pegawai Kebajikan Masyarakat di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, ketua-ketua kampung dan penjaga anak-anak yatim.



SEBAHAGIAN dari anak-anak yatim dari Daerah Brunei dan Muara yang diraikan di satu majlis sempena dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Negara Brunei Darussalam. — Gambar oleh Masmaleh HMA.

# Memperingati ulang tahun kemerdekaan Republik Filipina

BERAKAS, 12 Jun. — Kedutaan Republik Filipina di Negara Brunei Darussalam telah mengadakan Majlis Jamuan Makan bagi memperingati ulang tahun ke-94 Hari Kemerdekaan republik itu, petang ini di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Jamuan tersebut telah diberikan oleh Duta Besar Republik Filipina ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Eusebio Atty Abaquin.

Tetamu kehormat di majlis itu ialah Menteri Undang-Undang, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Haji Bahrin bin Pengiran Haji Abas selaku Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Juga hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Mohd. Daud serta beberapa orang timbalan menteri dan setiausaha tetap, diplomat-diplomat asing di negara ini, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan ahli-ahli perniagaan.

Majlis dimulakan dengan lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan diikuti pula oleh lagu kebangsaan Republik Filipina.

# Dikehendaki hadir

DENGAN ini dimaklumkan kepada semua lepasan Tukang Tenunan Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei adalah dikehendaki hadir pada 7 Julai, 1992, hari Selasa, Jam 9.00 pagi, bertempat di Dewan Serbaguna, Jalan Residency, Bandar Seri Begawan, untuk mengadakan perjumpaan dengan Pengarah Muzium-Muzium Brunei.



PEMANGKU Pesuruhjaya Kemajuan Kerjasama, Awang Harun bin Haji Ismail ketika berucap di Majlis Pembukaan Rasmi Seminar Koperasi Sekolah III yang berlangsung di Jabatan Kemajuan Kerjasama. — Gambar oleh Masmaleh HMA.

# Gerakan k'sama penting dalam membina ketahanan nasional, semangat bersatu padu

Oleh
Aliddin HM

GADONG, 2 Jun. — Pemangku Pesuruhjaya Kemajuan Kerjasama, Awang Harun bin Haji Ismail menjelaskan, Seminar Koperasi Sekolah Ke-III ini diadakan bertujuan sebagai proses kesinambungan Pembelajaran untuk mempelajari dan mengenali gerakan kerjasama khusus bagi para penuntut sekolah menengah.

Seminar ini kata beliau, berhasrat untuk memberikan pemahaman, penerangan serta pendakwaan tentang pentingnya bagi para penuntut menghayati dan mempraktikkan syarikat kerjasama di dalam kehidupan seharian mereka.

Beliau menambah, gerakan kerjasama itu mempunyai nilai-nilai dan ciri-ciri yang penting dalam membina ketahanan nasional dan semangat bersatu padu serta bertolak ansur di kalangan mereka.

Pemangku Pesuruhjaya Kemajuan Kerjasama, Awang Harun bin Haji Ismail berucap demikian ketika membuka rasmi Seminar Koperasi Sekolah III di jabatan berkenaan.

Di samping itu juga syarikat kerjasama dalam pengertiannya yang tersendiri memupuk semangat toleransi di kalangan mereka dan mewujudkan masyarakat yang penyayang, bersatu padu serta bekerjasama dan yang baik sosioekonominya, di samping menguji dan mencungkil sifat kepimpinan melalui teladan di kalangan para penuntut itu sendiri, terang beliau.

"Syarikat kerjasama juga dapat membantu mereka yang sedang belajar dalam mata pelajaran ekonomi dan perniagaan untuk mempraktikkan sukatan-sukatan pelajaran mereka supaya mereka tidak akan dilatih melalui buku-buku dan teori-teori saja tetapi melalui amalan praktikal," kata beliau.

Menurut beliau, adalah baik dan berfaedah dalam perancangan jangka panjang ketahanan nasional itu dipupuk dan diserapkan supaya para penuntut itu dapat dilentur dan dibajai semasa mereka muda remaja dengan ilmu pengetahuan melalui gerakan kerjasama sesuai dengan pepatah Melayu kita 'Melentur buluh biarlah dari rebungnya' supaya mereka tahu dan mengerti akan masalah-masalah pengurusan perniagaan di masa akan datang.

Terdahulu dari itu Penolong Pesuruhjaya Kemajuan Kerjasama, Awang Haji Abd. Ghaffar bin Pengarah Mukim Haji Naim juga berucap yang antara lain berkata, para penuntut yang terlibat langsung dengan koperasi akan berpeluang berdikari dan mempelajari aspek-aspek perniagaan dan pengurusan koperasi. Di samping itu mereka juga berpeluang mempelajari ilmu perakaunan dan pengauditan yang mana berhubung rapat dengan pengurusan koperasi. Selain dari itu mereka juga akan dilatih supaya berani memberikan pendapat di mesyuarat-mesyuarat koperasi yang mereka tubuhkan.

Menurut beliau, jika para penuntut ini sudah diserapkan dan dilengkapkan dengan kefahaman koperasi, masalah kekurangan pemimpin yang terlatih di kalangan koperasi tidak akan timbul.

Beliau berharap dengan adanya seminar ini, akan dapat membuahkan hasil kepada para penuntut dalam memahami konsep koperasi di samping akan menubuhkan koperasi di sekolah masing-masing.

Seramai 120 orang penuntut dari sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab dan sekolah bukan kerajaan di seluruh negara menyertai seminar tiga hari ini. Ianya merupakan sebagai kesinambungan dari Seminar Koperasi Sekolah I dan II yang dihasratkan supaya koperasi sekolah boleh ditubuhkan di negara ini dengan para penuntut sebagai pendukung.

Dalam seminar ini sebanyak empat kertas kerja dibentangkan iaitu 'Apa Dia Koperasi', 'Koperasi Sekolah', 'Pentadbiran dan Pengurusan Koperasi Sekolah' dan 'Peranan Jabatan dan Akta Syarikat Kerjasama' yang disampaikan oleh seorang penceramah undangan dari Malaysia dan para pegawai Jabatan Kemajuan Kerjasama.

Majlis pada hari ini dimulakan dengan bacaan ayat-ayat Suci Al-Quran dan diakhiri dengan doa selamat.

# Rasuah jejaskan pembangunan, keselamatan negara

Oleh
Aliddin HM

TUTONG, 4 Jun. — Satu ceramah sempena Kempen Anti Rasuah telah diadakan di Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong di sini hari ini.

Ceramah anjuran bersama Biro Mencegah Rasuah dan Pejabat Perjawatan ini telah disampaikan oleh Dr. Haji Abd. Aziz bin Hanafi, Pensyarah Institut Pengajian Islam yang bertajuk "Rasuah Mengikut Pandangan Islam" yang antara lain beliau menekankan mengenai bahaya rasuah terhadap pembangunan, keamanan dan keselamatan sesebuah negara itu dan lagi perbuatan rasuah ini dilarang keras oleh agama Islam yang mana Allah dan Rasul-Nya melaknat pemberi rasuah, penerima rasuah dan perantaraan rasuah mengikut hadis yang diriwayatkan oleh Ahmad dan Hakim.



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Maidin (empat dari kiri) dan para pegawai kanan kerajaan antara yang hadir mendengarkan ceramah mengenai 'Rasuah Mengikut Pandangan Islam' yang disampaikan oleh Dr. Haji Abd. Aziz bin Hanafi di Dewan Kemasyarakatan Tutong. — Gambar oleh Masmaleh HMA.

Beliau menjelaskan daging yang tumbuh dalam badan kita dari hasil rasuah atau perbuatan haram itu, api nerakalah yang utama menjilatnya. Perbuatan rasuah ini bukan saja salah di segi syarak tetapi juga undang-undang negara yang mana ianya boleh melibatkan pentadbiran sesebuah negara itu dalam kucar-kacir.

Majlis pada hari itu dipengerusikan oleh Pengiran Haji Mohd. Salleh bin Pengiran Haji Othman dari Biro Mencegah Rasuah.

Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Maidin bin Haji Ahmad adalah di antara kira-kira 60 orang pegawai kerajaan, para penghulu dan ketua-ketua kampung dan pengusaha-pengusaha yang menghadiri ceramah tersebut.

Ceramah itu adalah sebahagian daripada siri kegiatan kempen anti rasuah bagi menyedarkan orang ramai tentang bahayanya rasuah di seluruh negara.

Pameran poster mengenai rasuah juga diadakan selama dua hari.

# Peraduan Pintu Gerbang Sempena Hari Keputeraan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan Pintu Gerbang kawasan-kawasan, pejabat-pejabat dan sekolah-sekolah akan diadakan sepanjang Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-46 tahun.

Peraduan ini terbuka kepada jabatan-jabatan kerajaan dan sekolah-sekolah, maktab-maktab dan institusi pengajian tinggi di kawasan Daerah Brunei dan Muara.

Tempat-tempat yang akan dihakimkan di dalam lingkungan 16 kilometer dari pusat Bandar Seri Begawan.

Butir-butir lanjut dan borang peraduan boleh diperolehi daripada Setiausaha, Pengiran Ismail bin Pengiran Haji Damit dan Awang bin Haji Maidin di Jabatan Kerja Raya, Bahagian Pergurusan Bangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, atau melalui telefon no : 242920 sambungan 175 atau 114 semasa pejabat dibuka.

Tarikh tutup menghantar borang tidak lewat daripada 10 Julai, 1992.



SEBAHAGIAN daripada para penuntut yang menyertai Seminar Koperasi Sekolah III anjuran Jabatan Kemajuan Kerjasama. — Gambar oleh Masmaleh HMA.



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman berucap merasmikan Seminar AFTA di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. — Gambar oleh Harun Rashid.

# Sebarang kegiatan yang dijalankan mesti bermotifkan untuk mewujudkan persefahaman

Oleh
Abd. Karim HAB

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Jun. — Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abidin bin Orang Kaya Periwara Abdul Rashid menasihatkan para penduduk kampung bahawa dalam bergiat aktif dalam apa jua usaha sama ada bercorak kemasyarakatan mahupun bercorak ekonomi, undang-undang dan peraturan negara, amalan hidup bermasyarakat, berkampung dan bernegara dan hukum agama hendaklah jangan dibelakangi.

Kerana, tegas Yang Mulia, apa pun kegiatan atau usaha yang dijalankan itu motif utamanya sama ada disedari atau tidak adalah mewujudkan persefahaman, keamanan, ketenteraman, keselamatan dan kesejahteraan bersama.

"Oleh itu adalah menjadi harapan saya, kita semua patutlah menyedari dan tahu tanggungjawab masing-masing dalam mencapai tujuan atau motif itu, dan bukan hanya diserahkan kepada pihak-pihak tertentu seperti pihak keselamatan, jabatan-jabatan tertentu, ketua kampung, persatuan-persatuan kampung, malah juga adalah setiap orang yang tinggal dan diam di negara ini," tegas Yang Mulia.

Yang Mulia memberikan nasihat itu di Majlis Muzakarah sempena Hari Raya Aidiladha anjuran Jawatankuasa Kampong Tanah Jambu di rumah Ketua Kampung, Awang Haji Mohd. Noor bin Zakaria, kira-kira 16 kilometer dari sini malam tadi.

Yang Mulia seterusnya memuji usaha ahli-ahli jawatankuasa kampung dan para penduduk kampung berkenaan mengadakan pelbagai kegiatan keagamaan, kemasyarakatan dan perekonomian bagi mempereratkan lagi hubungan silaturahim, konsep kejiranan dan kemasyarakatan yang sedia ada di samping menjalinkan hubungan atau perkenalan baru.

Kegiatan seperti itu atau acara-acara permuafakatan seumpamanya, kata Yang Mulia, memang sangat digalakkan bagi merapatkan lagi hidup berjiran lagi bersefahaman di dalam arah kehidupan hari ini yang semakin mencabar kebaikan dan keharmonian hidup berjiran.

Menyentuh majlis itu pula, Yang Mulia berkata, kejayaan mengadakan majlis itu hasil permuafakatan, persefahaman dan kerjasama dari semua pihak termasuk setiap penduduk kampung itu yang turut menghadirkan diri mereka.

"Kehadiran biskita itu adalah juga merupakan sokongan atau sumbangan moral dan tanda persefahaman biskita," ujar Yang Mulia.

Majlis yang dihadiri oleh lebih 300 orang penduduk itu merupakan kegiatan terakhir dalam program 'RUKUN SEKAMPUNG' yang dikendalikan oleh ahli-ahli Jawatankuasa Kampong Tanah Jambu tahun 1990/1992.

Sehubungan dengan itu,Yang Mulia menyatakan harapan agar ahli-ahli jawatankuasa kampung yang akan dilantik akan meneruskan usaha-usaha yang berkebajikan seumpama itu.

Di majlis itu, Yang Mulia dan Pemangku Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Yaakub bin Haji Ahmad dan Pegawai Daerah Brunei-Muara, Dato Paduka Awang Othman bin Awang Damit meluangkan masa mendengar dan memberi penjelasan beberapa masalah dan pandangan yang dihadapkan oleh para penduduk yang hadir.

Antara masalah dan cadangan itu termasuklah penubuhan kegiatan belia yang meliputi gelanggang sukan, perhentian bas bagi murid-murid sekolah dan penduduk kampung serta penamaan beberapa simpang dan jalan kecil di kampung itu.

Penghulu Mukim Mentiri, Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Naim dan beberapa orang pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Daerah Brunei-Muara juga hadir di majlis itu.

# AFTA langkah penting gerakkan pertumbuhan ekonomi a-bangsa

Oleh
Hj. Ahat Hj. Ismail

BERAKAS, 10 Jun. — Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman berkata Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) adalah langkah penting bagi ASEAN menggerakkan pertumbuhan ekonomi antarabangsa.

Yang Berhormat menjelaskan bagi ASEAN, AFTA adalah teras proses ke arah perdagangan dunia yang bebas.

"AFTA adalah satu proses awal ke arah membebaskan dagangan dunia dan ini termasuklah memperluaskan perdagangan bermula dari ASEAN, Asia dan Pasifik dan seterusnya ke seluruh dunia," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menyatakan perkara itu di hadapan kira-kira 100 orang peserta ketika merasmikan Seminar AFTA anjuran bersama Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Dewan Perniagaan Negara Brunei Darussalam di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Selanjutnya Yang Berhormat menyatakan bahawa pendekatan ASEAN ke arah mempelbagaikan perdagangan ialah melalui konsep memperluaskan perkaitan ASEAN, APEC dan dunia.

"Perhatian untuk AFTA adalah salah satu langkah penting ke arah mempelbagaikan perdagangan di mana mekanisma penyelarasan keistimewaan cukai kesan sama adalah satu pendekatan yang berkesan," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat kemudian menambah ciri penting ke arah keselamatan dan kedamaian berterusan mestilah melalui kerjasama antara negara-negara anggota dan saling harap-mengharap di antara satu sama lain.

Sejurus selepas upacara perasmian itu, Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Dato Paduka Awang Lim Jock Seng memulakan seminar apabila menyampaikan kertas kerja bertajuk 'Why AFTA', manakala Setiausaha Tetap di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Malai Ali bin Malai Haji Othman pula menyampaikan kertas kerja bertajuk 'AFTA dan implikasinya Bagi Negara Brunei Darussalam' sementara Dr. Lee Tsao Yuan, Timbalan Pengarah Institut Pengajian Dasar Singapura pula menyampaikan kertas kerja bertajuk, 'AFTA: Masalah dan Cabaran'.

Seminar sehari itu juga telah memberikan peluang kepada para peserta untuk membincangkan pelbagai perkara-perkara.

Sambungan dari muka 1

Di antara masalah-masalah yang amat popular, menurut baginda, seperti peperangan dan pergaduhan yang banyak memakan korban yang dicetuskan oleh berbagai-bagai sebab. Antaranya kerana dorongan tamak atau kerana mempertahankan pendirian atau kerana diskriminasi kaum dan lain-lain lagi.

"Dengan kita mengalami sendiri keadaan di tanah suci ini maka dapatlah diambil rumusan bahawa inilah suatu ajaran yang paling benar yang digariskan oleh Islam tentang perdamaian dan persaudaraan sejati di antara manusia iaitu tidak ada hasad dengki, tidak ada tamak dan tidak ada diskriminasi kaum. Semua orang adalah sama sahaja. Tidak kira sama ada kulitnya putih ataupun hitam, masing-masing itu ada hak yang wajib dihormati," tegas baginda.

Menyentuh Aidiladha yang mulia ini, baginda bertitah pengorbanan dan perjuangan Nabi Ibrahim Alaihissalam amat luar biasa iaitu semata-mata kerana taat dan menjunjung titah perintah Allah jua.

Di antara ajaran agama yang berasal daripada sejarah Nabi Ibrahim Alaihissalam dan keluarga baginda, jelas baginda, ialah ibadat haji.

Dalam konteks ini, titah baginda, kita bersyukur kerana negara kita Brunei Darussalam adalah salah sebuah negara di dunia yang tidak pernah luput daripada menyertai perhimpunan besar di tanah suci untuk mengerjakan Rukun Islam yang kelima.

"Apabila dianggarkan dari segi nisbah bilangan penduduk maka peratus jemaah kita pada setiap tahun sebenarnya adalah tinggi. Ini semua tidak syak lagi menandakan adanya peningkatan ekonomi dan kemakmuran rakyat khasnya di kalangan mereka yang beragama Islam," titah baginda.

Sempena hari yang mulia ini juga, baginda berdoa kita semua dikurniakan nikmat iaitu nikmat Islam dan nikmat iman, nikmat sihat afiat, nikmat aman makmur yang berpanjangan sampai turun-temurun.

"Mudah-mudahan juga Allah ampunkan dosa-dosa kita, dosa-dosa para ibu bapa kita, dosa-dosa kaum Muslimin dan Muslimat sama ada yang masih hidup ataupun yang sudah meninggal dunia. Akhirnya sama-sama juga kita pohonkan pembelaan Allah terhadap orang-orang yang membela agama-Nya dan menggagalkan setiap usaha dan langkah sesiapa juga yang bertujuan untuk melemahkan agama Allah dan melemahkan umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam," titah baginda.



PEMANGKU Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abidin bin Orang Kaya Periwara Abdul Rashid menjelaskan sesuatu masalah dan cadangan yang dihadapkan oleh para penduduk Kampong Tanah Jambu di Majlis Muzakarah Sempena Hari Raya Adiladha anjuran ahli-ahli jawatankuasa kampung berkenaan. — Gambar oleh Abd. Karim HAB.

سموݢ الله مڠورنياکن حاج يڠ مبرور کڤد کباوه دولي توان ڤاتيق دان کلوارݢ دراج

**SEMOGA ALLAH MENGURNIAKAN HAJI YANG MABRUR**
**KEPADA KEBAWAH DULI TUAN PATIK DAN KELUARGA DIRAJA**

دتربيتکن اوليه جابتن ڤنرڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوليه جابتن ڤرچيتقن کراجأن، کمنترين اوندڠ٢، نݢارا بروني دارالسلام.
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam.